

HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN JURULATIH
DENGAN KEPUASAN ATLET, EMOSI TINGKAH LAKU
DAN KESEPADUAN PASUKAN DI KUALA LUMPUR

MOHD AZRUL BIN MAMAT

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN JURULATIH
DENGAN KEPUASAN ATLET, EMOSI TINGKAH LAKU
DAN KESEPADUAN PASUKAN DI KUALA LUMPUR



MOHD AZRUL BIN MAMAT

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI


2025


PENAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18 Jun 2025

MOHD AZRUL BIN MAMAT
P121233



	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 01	Tarikh Kuat Kuasa: 01/04/2024
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS PEMBETULAN <i>Form and Check List of Amended Thesis Submission</i>		

G. PERAKUAN TESIS SARJANA / DOKTOR FALSAFAH (CERTIFICATION OF MASTERS / DOCTORAL THESIS)			
Nama penuh pengarang (Author's Full Name)	MOHD AZRUL BIN MAMAT		
No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.)	P121233	Sesi Akademik (Academic Session)	2/20242025
Tajuk Tesis (Thesis Title)	HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DENGAN KEPUASAN ATLET, EMOSI TINGKAH LAKU DAN KESEPADUAN PASUKAN DI KUALA LUMPUR		

Merujuk kepada Klausula 4.2 Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan), tesis adalah hak milik pelajar. Saya mengaku tesis ini sebagai (*Tandakan ✓ bagi maklumat yang berkaitan):
 (With regard to Clause 4.2 of the UKM Student Intellectual Property Policy (Supplementary), the thesis is the student's property. I hereby declare this thesis as (*Mark ✓ on relevant information):

***RAHSIA
(CONFIDENTIAL)**

Mengandungi maklumat rahsia di bawah AKTA RAHSIA RASMI 1972
 (Consisting of classified information under the OFFICIAL SECRETS ACT 1972)

***TERHAD
(RESTRICTED)**

Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan
 (Consisting of RESTRICTED information which has been determined by the organization/ body where the research was conducted)

***AKSES TERBUKA/
/ TIDAK TERHAD
(OPEN ACCESS/
NON-RESTRICTED)**

Saya membenarkan tesis ini diterbitkan secara akses terbuka, teks penuh atau dibuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
 (I allow this thesis to be published through open access, full text or copied for study, learning and research purposes only)

Bagi kategori Akses Terbuka / Tidak Terhad, saya membenarkan tesis (Sarjana / Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)* dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

(For the Open Access / Non-Restricted category, I allow this (Master's / Doctoral) Thesis to be kept in the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Library with the following usage conditions:)

- Perpustakaan UKM mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
 (UKM Library has the right to reproduce the thesis for study, learning and research purposes only.)
- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dibenarkan membuat satu (1) salinan tesis ini untuk tujuan pertukaran antara institusi pengajian tinggi dan mana-mana badan/ agensi kerajaan, tertakluk kepada terma dan syarat.
 (UKM Library is allowed to make one (1) copy of this thesis for exchange purposes among higher education institutions and any government body/agency, subject to terms and conditions.)




UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07

No. Semakan: 01

Tarikh Kuat Kuasa:
01/04/2024

**BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS
PEMBETULAN**
Form and Check List of Amended Thesis Submission

PENGESAHAN PELAJAR (<i>STUDENT VERIFICATION</i>)	PENGESAHAN PENYELIA (<i>SUPERVISOR VERIFICATION</i>)
<p style="text-align: center;">TANDATANGAN PELAJAR (STUDENT'S SIGNATURE)</p>	<p style="text-align: center;"> TANDATANGAN PENYELIA / Pengerusi JK Siswazah (SUPERVISOR'S / CHAIRPERSON SUPERVISION COMMITTEE SIGNATURE)</p>
<p>Kad Pengenalan /: 900927-11-5115 <i>No. Pasport.</i> <i>(Identity Card / Passport</i> <i>No.)</i></p> <p>Tarikh: 19 Jun 2025 <i>(Date)</i></p>	<p>Nama Penyelia: Pengerusi JK Siswazah DR. WAN AHMAD MUNSIF <i>(Supervisor's / Chairperson</i> <i>Supervision Committee</i> <i>Name)</i> WAN PA</p> <p>Tarikh: 20 Jun 2025 <i>(Date)</i></p>

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa sokongan, bantuan, dan dorongan daripada pelbagai pihak yang telah memberikan sumbangan dalam pelbagai bentuk sepanjang proses penyelidikan ini. Saya ingin merakamkan rasa syukur ke hadrat Tuhan atas limpahan rahmat, kekuatan, dan ketabahan yang diberikan kepada saya dalam melaksanakan kajian ini sehingga berjaya disempurnakan. Penghargaan tertinggi saya tujukan kepada Dr. Wan Ahmad Munsif Bin Wan Pa, selaku penyelia penyelidikan, atas kesabaran, bimbingan, serta nasihat berharga yang telah banyak membantu saya dalam mengemudi kajian ini. Tidak dilupakan seluruh warga Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang telah menyediakan pelbagai kemudahan serta memberi sokongan yang amat bermakna dalam memastikan kelancaran penyelidikan ini. Sumbangan dan komitmen mereka bukan sahaja membantu dari segi teknikal dan akademik, tetapi juga memberi semangat dan motivasi kepada saya untuk terus berusaha menyempurnakan kajian ini dengan sebaik mungkin.

Selain itu, penghargaan istimewa ditujukan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, yang telah menjadi tulang belakang dalam membiayai pengajian saya, membolehkan saya menumpukan sepenuh perhatian terhadap kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diberikan kepada para atlet Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Kuala Lumpur, yang telah meluangkan masa dan memberikan kerjasama penuh dalam penyelidikan ini. Tanpa kesediaan mereka untuk terlibat, kajian ini tidak akan dapat dijalankan dengan jayanya. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi penghargaan buat kedua-dua ibu bapa, keluarga, serta rakan-rakan yang sentiasa menjadi pendorong utama, memberikan nasihat, sokongan moral, serta dorongan yang berterusan dalam perjalanan saya menyelesaikan kajian ini. Segala sokongan, bantuan, dan kepercayaan yang diberikan amat bermakna bagi saya, dan saya amat menghargainya sebagai sebahagian daripada perjalanan akademik dan pencapaian peribadi saya.

ABSTRAK

Kecemerlangan atlet bukan sahaja bergantung sepenuhnya kepada bakat yang mereka ada, tetapi berkait rapat dengan gaya kepimpinan seseorang jurulatih. Kajian ini meneroka gaya kepimpinan jurulatih terhadap atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Seramai 223 orang atlet yang mewakili Kuala Lumpur ke kejohanan di peringkat kebangsaan telah diambil dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Instrumen soal selidik yang diadaptasi termasuk dalam kajian ini antaranya adalah soal selidik Leadership Scale for Sports (LSS), Development of a Cohesion Questionnaire for Youth: The Youth Sport Environment Questionnaire, Behavioral Emotion Regulation Questionnaire (BERQ), dan Athlete Satisfaction Questionnaire (ASQ). Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk menjawab kepada hipotesis kajian yang telah ditetapkan. Analisis statistik menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina atlet ($p < 0.05$). Tiada perbezaan signifikan berdasarkan jenis sukan dan hubungan signifikan ditemukan antara gaya kepimpinan dengan kepuasan atlet, emosi, tingkah laku, dan kesepaduan pasukan ($p < 0.05$). Kepimpinan yang berkualiti memberikan motivasi, arahan jelas, dan pengajaran sesuai keperluan atlet, serta jurulatih perlu meningkatkan pengetahuan untuk melaksanakan tugas dengan lebih baik. Kesimpulannya, kepimpinan jurulatih yang berkualiti meningkatkan prestasi atlet, memberi arahan tepat, dan memperkuatkan hubungan interpersonal yang positif.

Kata kunci: Kepimpinan, Kejurulatihan, Emosi, Tingkah Laku, Kepuasan Atlet, Kesepaduan Pasukan

THE RELATIONSHIP BETWEEN COACHING LEADERSHIP STYLES AND ATHLETE SATISFACTION, BEHAVIORAL EMOTIONS, AND TEAM COHESION IN KUALA LUMPUR

ABSTRACT

Athlete excellence does not solely depend on their inherent talent but is closely related to the leadership style of their coach. This study explores the coaching leadership styles towards athletes in the Malaysian Schools Sports Council, Kuala Lumpur. A total of 223 athletes representing Kuala Lumpur in national-level competitions were selected using simple random sampling. The adapted survey instruments used in this study include the Leadership Scale for Sports (LSS), Development of a Cohesion Questionnaire for Youth: The Youth Sport Environment Questionnaire, Behavioral Emotion Regulation Questionnaire (BERQ), and Athlete Satisfaction Questionnaire (ASQ). This study is quantitative, using survey methods to address the established research hypotheses. Statistical analysis revealed a significant difference in coaching leadership styles based on the athlete's gender ($p < 0.05$). No significant differences were found based on the type of sport, and a significant relationship was found between leadership style and athlete satisfaction, emotion, behavior, and team cohesion ($p < 0.05$). Quality leadership provides motivation, clear instructions, and teaching suited to the athlete's needs, while coaches must improve their knowledge to better perform their tasks. In conclusion, quality coaching leadership enhances athlete performance, provides accurate guidance, and strengthens positive interpersonal relationships.

Keywords: Leadership, Coaching, Emotion, Behavior, Athlete Satisfaction, Team Cohesion

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		x
SENARAI ILUSTRASI		xi
SENARAI SINGKATAN		xii
BAB I	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	4
1.4	Tujuan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Persoalan Kajian	10
1.7	Hipotesis	11
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.9	Kepentingan Kajian	14
1.10	Batasan Kajian	16
1.11	Definisi Istilah	18
1.12	Kesimpulan	19
BAB II	Kajian Literasi	
2.1	Pengenalan	22
2.2	Teori Gaya Kepimpinan	23
	2.2.1 Gaya Kepimpinan Autokratik	24
	2.2.2 Gaya Kepimpinan Demokratik	26
	2.2.3 Gaya Kepimpinan Sokongan Sosial	27
	2.2.4 Gaya Kepimpinan Latihan Dan Arahan	28

2.3	Tinjauan Kajian Lepas Terhadap Pemboleh Ubah Bebas Dan Pemboleh Ubah Bersandar	30
	2.3.1 Gaya Kepimpinan Dan Jantina	31
	2.3.2 Gaya Kepimpinan Dan Jenis Sukan	33
	2.3.3 Gaya Kepimpinan Dan Kepuasan Atlet	34
	2.3.4 Gaya Kepimpinan Dan Emosi Serta Tingkah Laku	35
	2.3.5 Gaya Kepimpinan Dan Kesepaduan Pasukan	36
2.4	Kerangka Teoritikal Kajian	38
2.5	Kesimpulan	40

BAB III**KAEDAH KAJIAN**

3.1	Pengenalan	42
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Populasi Dan Persampelan Kajian	44
3.4	Garisan Masa	45
3.5	Jenis-jenis Instrumen Kajian	45
3.6	Kajian Rintis	47
3.7	Proses Pengumpulan Data	48
3.8	Tatacara Analisis Data	50
3.9	Kesimpulan	52

BAB IV**DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	54
4.2	Ujian Normaliti	55
4.3	Analisis Statistik Deskriptif Jantina Dan Jenis Sukan	57
4.4	Analisis Statistik Deskriptif Gaya Kepimpinan Jurulatih Di Majlis Sukan Sekolah Kuala Lumpur	60
4.5	Analisis Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Jantina	61
	4.5.1 Analisis Gaya Kepimpinan Jurulatih Mengikut Gaya Kepimpinan	62
4.6	Analisis Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Jenis Sukan	64
	4.6.1 Analisis ANOVA Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Jenis Sukan	65

4.7	Analisis Korelasi Pearson Antara Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Kepuasan Atlet	67
4.8	Analisis Korelasi Pearson Antara Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Emosi Dan Tingkah Laku Atlet	69
4.9	Analisis Korelasi Pearson Antara Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Kesepaduan Pasukan	72
4.10	Rumusan Hipotesis Nul	74
4.11	Kesimpulan	74
BAB V	PERBINCANGAN, RUMUSAN, DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	76
5.2	Perbincangan Analisis Deskriptif	77
5.3	Perbincangan Analisis Inferensi	82
5.4	Perbincangan Teori	88
	5.4.1 Perbincangan Teori Gaya Kepimpinan Latihan dan Arahan	88
	5.4.2 Perbincangan Teori Gaya Kepimpinan Demokratik	91
	5.4.3 Perbincangan Teori Gaya Kepimpinan Sokongan Sosial	94
	5.4.4 Perbincangan Teori Gaya Kepimpinan Autokratik	97
5.5	Rumusan Kajian	100
5.6	Implikasi Kajian	102
	5.6.1 Implikasi Kepada Atlet	104
	5.6.2 Implikasi Kepada Jurulatih	111
	5.6.3 Implikasi Kepada Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur	114
	5.6.4 Implikasi Kepada Polisi Pendidikan Dan Pembangunan Jurulatih	118
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	121
5.8	Penutup	125
RUJUKAN		128

LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soal Selidik	136
Lampiran B	Borang Pengesahan Instrumen	146
Lampiran C	Takwim Kejohanan MSSM 2023	149
Lampiran D	Takwim Kejohanan Sukan Permainan MSSWPKL 2023	150
Lampiran E	Kebenaran Menjalankan Kajian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia	151
Lampiran F	Pengesahan Pengumpulan Data Fakulti Pendidikan UKM	152
Lampiran G	Keputusan Tesis Peringkat Usulan	153
Lampiran H	Laporan Pembentangan Peringkat Usulan	154
Lampiran I	Laporan Turnitin	160
Lampiran J	Keputusan Tesis Peringkat Pemantapan	161
Lampiran K	Laporan Pembentangan Peringkat Pemantapan	162
Lampiran L	Keputusan Peperiksaan Lisan	167
Lampiran M	Penerbitan 1 (<i>The Relationship Between The Coaches' Leadership Style towards The Emotions And Behavior of Athletes At The Malaysian School Sports Council (MSSM), Kuala Lumpur</i>)	168
Lampiran N	Penerbitan 2 (<i>The Coach's Leadership Style Towards Athlete Satisfaction in The Malaysian School Sports Council (MSSM), Kuala Lumpur</i>)	169

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 3.1	Statistik Kebolehpercayaan	48
Jadual 4.1	Ujian Normaliti Kolmogorov-Smirnov	55
Jadual 4.2	Ujian Skewness Dan Kurtosis	56
Jadual 4.3	Jantina Atlet Lelaki Dan Perempuan	57
Jadual 4.4	Jenis Sukan Yang Disertai Atlet	59
Jadual 4.5	Analisis Deskriptif Gaya Kepimpinan Jurulatih	60
Jadual 4.6	Analisis Kedudukan Gaya Kepimpinan Jurulatih Pilihan Atlet	61
Jadual 4.7	Analisis Statistik Kumpulan Jantina	62
Jadual 4.8	Analisis Statistik Kumpulan Jantina Mengikut Gaya Kepimpinan	63
Jadual 4.9	Analisis ANOVA Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Jenis Sukan	64
Jadual 4.10	Analisis ANOVA Berdasarkan Jenis Sukan	66
Jadual 4.11	Korelasi Pearson Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Kepuasan Atlet	68
Jadual 4.12	Korelasi Pearson Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Emosi Dan Tingkah Laku Atlet	70
Jadual 4.13	Korelasi Pearson Gaya Kepimpinan Atlet Dengan Kesepaduan Pasukan	72
Jadual 4.14	Rumusan Hipotesis Nul	74

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Teoritikal Kajian	12
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	39
Rajah 4.1	Carta Pie Jantina Atlet	58
Rajah 4.2	Carta Pie Sukan Yang Diwakili Atlet	59
Rajah 4.3	Perbandingan Varians Antara Dan Dalam Kumpulan	65



SENARAI SINGKATAN

ASQ	<i>Athlete Satisfaction Questionnaire</i>
BERQ	<i>Behavioral Emotion Regulation Questionnaire</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LSS	<i>Leadership Scale for Sports</i>
MSSM	Majlis Sukan Sekolah Malaysia
MSSWPKL	Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia



BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Pengaruh kepemimpinan jurulatih terhadap prestasi atlet sangat penting dalam dunia sukan. Kepimpinan yang berkualiti dapat memberikan motivasi, arahan, dan pengajaran yang tepat kepada atlet, yang pada gilirannya dapat membantu meningkatkan prestasi mereka. Oleh hal demikian, jurulatih sukan perlu meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa agar lebih berkemampuan dalam melaksanakan tugas. Kajian ini membincangkan tentang kepemimpinan jurulatih dalam mengendalikan tugas mereka dengan berkesan. Hal ini kerana kejayaan atlet tidak bergantung sepenuhnya kepada bakat yang mereka ada. Dalam proses pembangunan atlet dalam sesuatu sukan, jurulatih adalah individu yang terlibat secara langsung. Peranan utama mereka adalah untuk melatih atlet dan pasukan yang menyertai mana-mana sahaja pertandingan. Jurulatih dilihat dapat mencorakkan latihan yang berkesan terhadap atlet yang dilatih.

Setiap jurulatih mestilah mempunyai gaya kepemimpinan dan kejurulatihan masing-masing yang bersesuaian dengan para atlet. Kepimpinan ialah gaya pemimpin dalam menyediakan hala tuju, melaksanakan rancangan, dan memotivasikan orang ramai. Menurut Chelladurai & Saleh (1980), tingkah laku kejurulatihan yang berkesan berbeza mengikut konteks tertentu apabila ciri-ciri atlet dan situasi yang ditetapkan berubah. Konteks situasi sukan dan ciri-ciri jurulatih serta atlet itu sendiri menentukan tingkah laku kepemimpinan yang sesuai. Terdapat pelbagai jenis gaya kepemimpinan seperti demokratik, autokratik, sokongan sosial, dan latihan dan arahan. Paterson (2005) mengatakan gaya kepemimpinan jurulatih dapat mempengaruhi pencapaian atlet dan sesebuah pasukan yang dibentuk.

Di samping itu juga, salah satu aspek penting dalam kepemimpinan ialah faktor dalaman dan luaran yang telah mempengaruhi individu dan pasukan dalam proses mencapai matlamat dan sasaran. Faktor input dan output akan mempengaruhi satu sama lain. Kemajuan atlet terhadap latihan dan kemahiran adalah faktor yang mempengaruhi pemimpin itu sendiri. Agrawal et al. (2012) telah mendapati bahawa gaya kepemimpinan yang lebih baik mempengaruhi keberkesanan pasukan dan permintaan pembangunan pasukan. Untuk itu, gaya jurulatih dan pemimpin yang hebat akan dipilih oleh para atlet untuk membimbing mereka mencapai matlamat yang ingin dicapai. Atlet mempunyai peluang dalam membuat pilihan mereka seiring dengan kehendak mereka.

Pemimpin yang mempunyai kriteria yang berkesan dan baik harus sentiasa berfikir di luar kotak untuk dipilih antara pilihan atlet. Maklumat, pengetahuan sedia ada dan memastikan pembelajaran berterusan oleh jurulatih kepada atlet dapat meningkatkan kemahiran gaya kepemimpinan (Bucic et al. 2010). Menurut Pilus & Saadan (2009), terdapat tiga komponen tingkah laku bimbingan yang berbeza. Antaranya adalah tingkah laku pemimpin sebenar, tingkah laku pemimpin yang diperlukan, dan tingkah laku pemimpin yang digemari. Kepimpinan merupakan subjek penting dalam bidang kejurulatihan. Salah satu kesan dinamik yang paling berkesan semasa interaksi atlet dan jurulatih ialah kepemimpinan. Okwu et al. (2011) mendakwa bahawa pemimpin yang cemerlang harus memberi inspirasi kepada orang bawahan untuk mencapai matlamat organisasi.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kejurulatihan sukan adalah bidang yang kompleks dan mencabar, yang melibatkan gabungan bidang seni dan sains. Penyelidik telah mencadangkan bahawa kejurulatihan menggabungkan pengetahuan saintifik dan kaedah saintifik, serta mengaplikasikan pengetahuan ini melalui bakat jurulatih (Gambetta 2007). Bidang sains membabitkan pengetahuan dalam sains sukan seperti fisiologi, biomekanik, perancangan strategi, analisis pertandingan, dan psikologi sukan untuk meningkatkan prestasi atlet. Di samping itu, seni juga memainkan peranan dengan pendekatan kreatif jurulatih dalam berlatih, menerima input dengan kreativiti, dan mengaplikasikan pengetahuan sains melalui pengalaman.

Penerimaan input dengan kreativiti mencerminkan keupayaan jurulatih untuk mengintegrasikan pandangan dan idea baru dalam sesi latihan atau permainan. Jurulatih yang kreatif dapat menggabungkan pendapat dari ahli sukan, ahli psikologi sukan, dan pakar sains sukan ke dalam kaedah latihan mereka untuk mencipta persekitaran latihan yang berkesan.

Selain bertanggungjawab melatih atlet, peranan jurulatih kini dilihat lebih luas, yakni membentuk remaja dan belia yang positif (Conroy & Douglas Coatsworth 2007). Ini menekankan pentingnya jurulatih dalam membentuk keperibadian, karakter, dan integriti atlet. Agar jurulatih dapat membentuk keperibadian dan karakter yang positif pada atlet, mereka perlu menjadi contoh tauladan yang baik. Tingkah laku dan sikap jurulatih, tidak hanya semasa latihan dan pertandingan, tetapi juga di luar latihan, mempengaruhi perkembangan atlet (Stewart & Owens 2011).

Kualiti peningkatan latihan, hubungan dengan atlet, dan pengaruh persekitaran adalah aspek-aspek yang penting dalam tingkah laku kejurulatihan. Ini melibatkan pemahaman mendalam terhadap keperluan individu atlet, penyesuaian program latihan secara bijak, dan pemantauan prestasi untuk memastikan perkembangan yang berterusan. Namun, masih terdapat cabaran dalam menilai kejayaan dan keberkesanan jurulatih secara menyeluruh (Pensgaard & Roberts 2002). Kajian menunjukkan bahawa kepuasan atlet berkait rapat dengan tingkah laku positif jurulatih, bukan semata-mata berdasarkan pencapaian prestasi pasukan (Baker et al. 2003). Oleh itu, tingkah laku jurulatih yang positif berperanan penting dalam mempengaruhi prestasi atlet.

Skala Kepimpinan Sukan telah digunakan dalam kajian untuk meneliti hubungan antara tingkah laku jurulatih dan prestasi pasukan, menunjukkan bahawa tingkah laku jurulatih mempengaruhi prestasi pasukan secara menyeluruh (Stewart & Owens 2011). Jurulatih juga perlu menguasai pelbagai aspek, termasuk aspek pengurusan dan hubungan, selain daripada kemahiran teknikal kejurulatihan. Selain aspek teknikal, jurulatih perlu memahami dan menguasai aspek pengurusan dan hubungan. Kemahiran pengurusan melibatkan perencanaan latihan, strategi pertandingan, dan manajemen waktu. Sementara itu, kemahiran hubungan membangun kepercayaan antara jurulatih dan atlet, serta memastikan hubungan yang positif di antara

anggota pasukan. Jurulatih yang berhasil adalah mereka yang mampu menyelaraskan keahlian teknikal mereka dengan kepimpinan yang efektif, menciptakan lingkungan yang mendukung perkembangan dan kejayaan pasukan secara keseluruhan.

Dengan menggunakan instrumen-instrumen yang sesuai, data kuantitatif tentang tingkah laku kejurulatihan dapat dikumpul dan dianalisis untuk memberi maklum balas yang lebih terperinci kepada jurulatih, membantu mereka meningkatkan kemahiran kejurulatihan mereka. Kejurulatihan sukan adalah bidang yang terus berkembang, dan terus mencari cara-cara untuk meningkatkan prestasi atlet dan membentuk mereka secara positif.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Jurulatih merupakan seorang pemimpin yang menjadi tunjang kepada kejayaan seseorang atlet atau sebuah pasukan. Manakala sukan pula merupakan salah satu cabang yang boleh menaikkan nama sekolah dan negara ke peringkat kebangsaan mahupun dunia. Di Malaysia, berita berkaitan sukan sentiasa menjadi tumpuan peminat sukan negara kita. Setiap pencapaian atlet pada setiap kejohanan yang berlangsung dinantikan dengan penuh harapan.

Sebagai contoh, kejayaan yang dicapai oleh pelari pecut kebangsaan, Muhammad Azeem Fahmi menunjukkan bahawa wujudnya usaha yang gigih atlet dan jurulatih dalam meningkatkan pencapaian dalam sukan. Merujuk kepada laporan Berita Harian – Ogos 2, 2022, pelari berusia 18 tahun berasal dari Ipoh, Perak itu telah mempamerkan aksi ‘luar biasa’ pada Kejohanan Olahraga Remaja Dunia di Cali, Colombia dengan mencatat masa 10.09 saat(s) sekaligus memecahkan rekod kebangsaan. Namun begitu, mampukah atlet pelapis mencapai tahap prestasi yang konsisten walaupun hari demi hari kemudahan dan juga peralatan sukan semakin canggih. Menurut Ekuri (2018), kejayaan pelbagai program sukan juga bergantung pada kualiti dan kuantiti kemudahan serta peralatan sukan yang disediakan. Jurulatih juga adalah individu penting untuk memahami setiap keperluan dan juga keinginan atlet untuk memastikan atlet berada pada tahap terbaik dalam latihan dan juga pertandingan.

Menurut Loh (2014), tingkah laku jurulatih semasa latihan dan pertandingan memainkan peranan yang penting dalam mendorong seseorang pemain untuk berjaya. Tambahan pula, terdapat beberapa perkara yang berkait rapat dengan hubungan atlet dan jurulatih antaranya interaksi antara atlet, jurulatih dan persekitaran yang mampu mempengaruhi persepsi atlet dan persepsi jurulatih pula dipengaruhi oleh sikap atlet mereka serta dalam masa yang sama hal ini menerangkan kekuatan pengaruh jurulatih ke atas atlet mereka dalam pembangunan dan prestasi sukan (Cote et al. 1999).

Pada masa kini, terutamanya pembangunan atlet di peringkat sekolah perlu diberi penekanan yang khusus kerana diperingkat umur sedemikian, atlet lebih cenderung kepada gaya dan kepimpinan seseorang jurulatih tersebut. Kajian berkenaan gaya kepimpinan jurulatih masih kurang mendapat perhatian di Malaysia kerana kajian seumpama ini telah banyak dilaksanakan di luar negara (Rui et al. 2011). Kadangkala, gaya kepimpinan yang digunakan oleh jurulatih untuk melatih atlet mereka tidak sesuai dengan atlet individu mahupun sukan berpasukan dalam mengendalikan latihan. Terdapat kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji lain, sepertinya gaya kepimpinan latihan dan arahan merupakan gaya kepimpinan yang paling diminati oleh atlet-atlet di Malaysia (Jasmine et al. 2017). Jurulatih lebih cenderung menggunakan gaya autokratik kepada atlet lelaki, manakala lebih kerap menggunakan maklum balas positif kepada atlet perempuan (Riemer & Toon 2001). Manakala, semua atlet lelaki dan perempuan lebih menyukai tingkah laku jurulatih yang positif dan demokratik (Rengasamy et al. 2013). Menjurus kepada kenyataan diatas, di peringkat sekolah terutamanya, guru adalah sebagai penasihat pasukan dan merangkap jurulatih kepada pasukan. Di mana, peranan ini sangatlah besar untuk dilaksanakan dalam satu-satu masa. Kekangan sedemikian menyebabkan jurulatih mungkin terarah kepada gaya kepimpinan yang kurang digemari oleh atlet disebabkan kekangan masa dan kerja serta peranan jurulatih dalam mengendalikan latihan. Walaupun begitu, tidak dinafikan terdapat juga sebilangan guru yang sememangnya dihantar atau dengan sukarela menghadiri kursus kepimpinan kejurulatihan bagi memantapkan ilmu kejurulatihan mereka (Ismail et al. 2020).

Bidang kejurulatihan memang kompleks, dan peranan seorang jurulatih yang baik sangat penting dalam melatih atlet bukan hanya dari segi fizikal dan teknikal, tetapi

juga dari aspek motivasi, hubungan emosi, dan pembentukan peribadi (Walach- Bista 2014). Untuk mencapai kepuasan atlet dan prestasi cemerlang, jurulatih perlu memahami keperluan dan keinginan atlet (Chelladurai et al. 1997). Hubungan emosi yang rapat antara jurulatih dan atlet juga memberi kesan besar terhadap prestasi atlet.

Namun, ada isu di mana ramai jurulatih melatih dengan gaya dan tingkah laku yang dirasakan mereka sesuai tanpa menilai kesan sebenar terhadap atlet dari segi persepsi atlet (Stewart & Owens 2011). Kajian tentang tingkah laku kejurulatihan di negara tersebut adalah penting untuk mengukur kesan dan keberkesanan pendekatan yang digunakan oleh jurulatih. Selain itu, tingkah laku kejurulatihan juga berbeza untuk atlet kanak-kanak dan dewasa, serta atlet berbeza jantina dan jenis sukan (Dotan et al. 2012). Pelatih perlu menyesuaikan latihan dengan perkembangan fizikal dan kehendak atlet untuk mencapai kejayaan. Terdapat juga perbezaan antara latihan atlet individu dan berpasukan, di mana sukan individu lebih menekankan kemahiran teknikal, manakala sukan berpasukan menekankan latihan fizikal dan perancangan strategi (Arnason et al. 2004).

Kajian tentang tingkah laku kejurulatihan di Malaysia perlu diperluaskan lagi dan diberi perhatian. Dengan melakukan kajian ini, dapat membantu meningkatkan pemahaman tentang keberkesanan pendekatan kejurulatihan di negara tersebut dan membolehkan jurulatih untuk mengambil tindakan yang lebih tepat dan berkesan dalam membimbing atlet mereka (Mohamed et al. 2023). Jadi, kajian tentang tingkah laku kejurulatihan adalah penting untuk membantu memahami dan meningkatkan pembinaan hubungan antara jurulatih dan atlet, serta membawa kepada peningkatan prestasi atlet dalam bidang sukan (Hazely et al. 2020).

Menurut Ismail et al. (2020), jurulatih harus mempunyai tahap kompetensi yang tinggi. Hal ini kerana, seseorang jurulatihan harus sentiasa peka terhadap seseorang atlet mereka. Ismail et al. (2020) turut menyatakan bahawa kompetensi merupakan asas kepercayaan antara jurulatih dan atlet. Oleh itu, untuk membangunkan keupayaan kepimpinan seseorang jurulatih, mereka perlu lebih sedar tentang cara mereka memimpin dan segalanya bermula daripada diri mereka sendiri. Namun begitu, tingkah laku jurulatih tidak hanya berpengaruh semasa latihan dan pertandingan, tetapi juga

ketika tidak berlatih atau berada di luar arena sukan. Interaksi dan hubungan jurulatih dengan atlet mereka di luar waktu latihan juga mempengaruhi perkembangan atlet (Stewart & Owens 2011). Oleh itu, kajian yang bertujuan untuk menyelidik perbezaan tingkah laku kejurulatihan terhadap atlet, atlet berbeza jantina, dan jenis sukan adalah penting untuk memahami impak yang lebih menyeluruh.

Tambahan lagi, memahami keperluan dan keinginan atlet juga merupakan aspek penting dalam kejurulatihan kerana ia mempengaruhi tingkah laku jurulatih, gaya kepimpinan, serta hubungan antara jurulatih dan atlet (Chelladurai & Saleh, 1997). Tingkah laku jurulatih memainkan peranan penting dalam membentuk suasana latihan yang kondusif dan berkesan. Jurulatih yang dapat mengambil kira keperluan individu atlet bukan sahaja dapat meningkatkan kepuasan mereka tetapi juga membantu dalam pembangunan prestasi secara menyeluruh (Hazely et al. 2020). Selain itu, gaya kepimpinan jurulatih turut memberi kesan yang besar kepada keberkesanan latihan dan motivasi atlet. Gaya kepimpinan transformasional, yang menekankan kepada inspirasi dan motivasi dalaman, lebih berkesan dalam membimbing atlet untuk mencapai prestasi optimum berbanding kepimpinan transaksional yang lebih tertumpu kepada ganjaran dan hukuman (Horn, 2011). Jurulatih yang sensitif terhadap kehendak atlet dan mampu menyesuaikan gaya kepimpinan mereka dengan keperluan pasukan akan lebih berkesan dalam membentuk atlet yang cemerlang. Di samping itu, hubungan antara jurulatih dan atlet juga merupakan faktor kritikal dalam menentukan kejayaan pasukan. Hubungan yang baik akan meningkatkan kepercayaan, komunikasi serta kefahaman antara kedua-dua pihak, yang seterusnya memberi kesan positif terhadap prestasi atlet (Ang, 2020). Dengan menjalankan kajian yang lebih mendalam tentang tingkah laku kejurulatihan, gaya kepimpinan, dan hubungan jurulatih-atlet, ia dapat memberikan panduan kepada jurulatih dalam meningkatkan interaksi serta membentuk pendekatan yang lebih tepat dan sesuai dalam membimbing atlet mereka. Dalam menghadapi kompleksiti bidang kejurulatihan, pemahaman terhadap aspek ini amat penting bagi memastikan pembangunan sukan yang lebih holistik. Oleh itu, jurulatih bukan hanya berperanan sebagai pengurus pasukan, tetapi juga sebagai pemimpin yang mampu memberi inspirasi serta mempengaruhi perkembangan atlet, bukan sahaja dalam aspek prestasi sukan tetapi juga dalam pembentukan peribadi mereka ke arah kecemerlangan.

Selain itu, jurulatih memainkan peranan penting dalam membentuk keyakinan pasukan, namun tugas ini sering kali berhadapan dengan cabaran disebabkan sifat atlet yang berubah mengikut situasi (Gilson et al. 2012). Menurut Mat et al. (2022), jurulatih perlu memastikan bahawa setiap atlet menyatakan sokongan mereka terhadap keyakinan pasukan dan menyesuaikan diri dengan kehendak pasukan walaupun kadangkala terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ahli pasukan. Keyakinan ini bukan sahaja merangkumi kepercayaan terhadap pengetahuan, kebolehan, dan kemahiran individu tetapi juga terhadap kemampuan rakan sepasukan untuk bersatu dalam mencapai matlamat bersama. Dalam konteks ini, jurulatih berperanan untuk membina kepercayaan dan kesefahaman antara ahli pasukan, yang mana ia berkait rapat dengan tahap kerjasama antara atlet. Dalam sukan berpasukan, unsur kerjasama adalah elemen kognitif yang merangkumi penyelarasan, komunikasi, organisasi, dan pengambilan keputusan dalam kalangan ahli pasukan, dan jurulatih perlu memastikan aspek-aspek ini diterapkan dengan berkesan (Bruner et al. 2013). Menurut Bandura et al. (1999), tahap kerjasama antara atlet juga dipengaruhi oleh cara jurulatih mengendalikan latihan dan hubungan mereka dengan atlet. Apabila tahap kerjasama rendah, jurulatih perlu campur tangan dengan strategi yang meningkatkan interaksi positif bagi mengukuhkan keyakinan pasukan. Selain itu, konflik dalam pasukan turut memberi impak kepada keyakinan atlet terhadap pasukan. Menurut Leo et al. (2015), kejayaan jurulatih dalam mengurus konflik dalam pasukan dapat membantu meningkatkan kesepaduan dan keyakinan pasukan. Antara strategi yang boleh digunakan oleh jurulatih termasuklah mengadakan perjumpaan berkala, perbincangan terbuka, serta sesi perundingan yang dapat membantu menyelesaikan perbezaan pendapat secara konstruktif. Apabila jurulatih berjaya membantu atlet mengatasi konflik sama ada dalam kalangan ahli pasukan atau antara atlet dan jurulatih sendiri, ia akan meningkatkan kesepaduan pasukan serta memperkukuhkan keyakinan pasukan ke tahap yang lebih tinggi.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memberikan informasi kepada para guru, terutama mereka yang menjadi jurulatih di peringkat sekolah, daerah, negeri, atau kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia, tentang gaya kepimpinan yang diminati oleh

atlet-atlet di sekolah. Selain itu, kajian ini juga membolehkan jurulatih atau guru lebih peka dalam pemilihan atlet pada peringkat sekolah dari segi dimensi gaya kepimpinan, yang dapat mempengaruhi pencapaian prestasi sukan atlet yang mereka latih. Aspek pembolehubah seperti perbezaan antara jantina, jenis sukan, tahap pencapaian kepuasan atlet, emosi atlet, dan kesepaduan pasukan dalam hubungannya dengan gaya kepimpinan yang diminati oleh atlet sekolah juga akan dijawab melalui kajian ini. Kepentingan kajian ini bukan hanya terhad dalam konteks kebangsaan tetapi juga perlu diperluaskan ke peringkat global kerana gaya kepimpinan jurulatih memainkan peranan besar dalam pembangunan atlet di mana-mana negara. Di Malaysia, antara cabaran utama yang dihadapi oleh jurulatih ialah kekangan sumber, perbezaan budaya dalam pendekatan latihan, dan kurangnya pendedahan kepada teknik kepimpinan moden yang berasaskan sains sukan (Hashim et al. 2021). Berbanding dengan negara maju seperti Amerika Syarikat atau Australia yang mempunyai sistem pembangunan jurulatih yang tersusun dan sumber yang mencukupi, jurulatih di Malaysia sering kali berhadapan dengan cabaran dalam mendapatkan akses kepada latihan profesional dan penyelidikan berkaitan gaya kepimpinan yang lebih berkesan.

Selain itu, perbezaan latar belakang sosio-budaya dan sistem pendidikan juga memberi impak kepada cara kepimpinan diterapkan dalam sukan sekolah di Malaysia, di mana masih wujud elemen kepimpinan autoritatif yang mungkin kurang berkesan dalam membangunkan daya tahan mental dan motivasi atlet secara holistik. Lebih daripada sekadar memberikan gambaran mengenai gaya kepimpinan, kajian ini juga berpotensi memberikan pemahaman yang jelas tentang bagaimana hubungan antara gaya kepimpinan dan prestasi atlet dapat diperkukuhkan. Dengan pemahaman yang lebih mendalam terhadap aspek-aspek ini, jurulatih dan guru dapat mengambil langkah-langkah yang lebih tepat serta berbincang secara lebih bijak dalam proses pemilihan atlet serta penggunaan gaya kepimpinan yang sesuai. Justeru, kajian ini bukan sahaja penting untuk pembangunan sukan di peringkat sekolah dan kebangsaan, tetapi juga untuk memastikan jurulatih di Malaysia dapat bersaing dengan jurulatih dari negara lain dalam membangunkan atlet yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tingkah laku kejurulatihan dalam kalangan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Instrumen 'The Leadership Scale for Sport (LSS)' digunakan untuk menentukan sama ada teori kepimpinan tertentu boleh digunakan untuk persekitaran sukan. Tujuan pembangunan LSS (Chelladurai & Saleh 1980) adalah untuk cuba menangani masalah gaya kepimpinan jurulatih yang berkaitan dengan kepimpinan dalam konteks sukan. Instrumen LSS ini juga telah digunakan dalam pelbagai konteks untuk mengukur kepimpinan dalam sukan dan hubungan antara kepimpinan dan pembolehubah yang lain. Dengan itu, enam objektif telah dirancang untuk dijadikan hala tuju kajian ini iaitu:

- a. Mengenal pasti jenis-jenis gaya kepimpinan dalam kalangan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur.
- b. Mengenal pasti perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur berdasarkan jantina.
- c. Mengenal pasti perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur berdasarkan jenis sukan.
- d. Adakah gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur mempengaruhi kepuasan atlet?
- e. Adakah gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur mempengaruhi emosi dan tingkah laku atlet?
- f. Adakah gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur mempengaruhi kesepaduan pasukan?

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini telah ditetapkan untuk memastikan persoalan-persoalan kajian ini dapat dijawab secara menyeluruh menjelang akhir kajian. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tingkah laku kejurulatihan di kalangan jurulatih yang terlibat dalam Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Dalam usaha mencapai objektif- objektif yang telah dinyatakan sebelum ini, beberapa persoalan kajian berikut telah diformulasikan:

- a. Apakah jenis-jenis gaya kepimpinan dalam kalangan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur?
- b. Adakah terdapat perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur berdasarkan jantina?
- c. Adakah terdapat perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur berdasarkan jenis sukan?
- d. Adakah terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur dengan kepuasan atlet?
- e. Adakah terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur dengan emosi dan tingkah laku atlet?
- f. Adakah terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur dengan kesepaduan pasukan?


1.7 HIPOTESIS

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dibina, terdapat lima hipotesis null yang telah ditetapkan dalam kajian ini, iaitu:

- Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina.
- Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jenis sukan.
- Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet.
- Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku atlet.
- Ho5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan.

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual bagi kajian mengenai kepimpinan dapat memberikan pandangan yang jelas mengenai hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian. Dengan memperincikan pemboleh ubah yang utama dan hubungan di antara mereka, kerangka konseptual ini membantu mengarahkan penyelidikan dan memberikan panduan bagi interpretasi dapatan kajian. Dalam kajian ini, pemboleh ubah utama adalah gaya kepimpinan seperti gaya kepimpinan latihan dan arahan, gaya kepimpinan demokratik, gaya kepimpinan sokongan sosial, dan gaya kepimpinan autokratik. Selain itu, hubungan antara pemboleh ubah ini dapat diperincikan dalam kerangka konseptual. Misalnya, gaya kepimpinan dipengaruhi oleh beberapa aspek lain yang terlibat dalam kajian ini. Melalui kerangka konseptual ini, peneliti boleh mendapatkan pandangan yang jelas mengenai bagaimana setiap pemboleh ubah berkaitan antara satu sama lain dan bagaimana ia berkaitan dengan tujuan kajian. Misalnya, peneliti boleh menentukan apakah gaya kepimpinan tertentu mempunyai kesan yang positif atau negatif terhadap perubahan prestasi atlet, dan bagaimana seseorang jurulatih memberikan pengaruh dalam gaya kepimpinan dan juga peningkatan prestasi atlet. Dengan demikian, kerangka konseptual ini membantu memandu penyelidikan dan memberikan panduan untuk menganalisis dan menafsirkan dapatan kajian. Ia juga membantu pengkaji dalam menyusun kesimpulan dan implikasi praktikal dari kajian tersebut.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual yang dipaparkan ini memberi gambaran yang lebih jelas mengenai hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan gaya kepimpinan oleh atlet di sekolah. Dalam konteks ini, kerangka tersebut menggariskan beberapa dimensi utama yang perlu difahami untuk menganalisis keputusan dan tingkah laku atlet berhubung dengan gaya kepimpinan jurulatih.

Dimensi pertama yang ditekankan adalah jenis sukan. Jenis sukan yang dipilih oleh atlet memainkan peranan yang besar dalam menentukan gaya kepimpinan yang sesuai. Sukan individu dan sukan berpasukan memerlukan pendekatan yang berbeza dari segi kepimpinan. Sebagai contoh, dalam sukan berpasukan, gaya kepimpinan demokratik yang lebih inklusif mungkin lebih berkesan, manakala dalam sukan individu, gaya autokratik yang lebih memberi arahan jelas dan ketegasan mungkin lebih diterima.

Selain itu, jantina turut mempengaruhi pilihan gaya kepimpinan. Kajian menunjukkan bahawa atlet lelaki dan wanita mungkin memberikan reaksi yang berbeza terhadap gaya kepimpinan tertentu. Gaya kepimpinan yang lebih berorientasi pada sokongan sosial dan komunikasi mungkin lebih berkesan dengan atlet wanita, manakala atlet lelaki mungkin lebih terbuka kepada gaya autokratik atau tegas dalam latihan dan pengurusan pasukan.

Emosi dan tingkah laku atlet juga merupakan faktor yang mempengaruhi hubungan ini. Gaya kepimpinan jurulatih dapat mempengaruhi tahap emosi dan tingkah laku atlet, terutamanya dalam situasi yang memerlukan tekanan atau cabaran. Jurulatih yang memberi sokongan sosial dan mengutamakan kesejahteraan mental atlet boleh meningkatkan keupayaan atlet untuk menangani tekanan dan berprestasi dengan baik.

Kesepaduan pasukan adalah satu lagi elemen penting yang diperoleh daripada gaya kepimpinan jurulatih. Dalam sukan berpasukan, jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan yang inklusif dan memupuk kerjasama dapat meningkatkan kesepaduan pasukan, di mana atlet bekerja bersama-sama dengan semangat setiakawan dan saling mempercayai antara satu sama lain. Sebaliknya, gaya kepimpinan autokratik yang lebih

dominan boleh menjejaskan hubungan antara anggota pasukan, menyebabkan kurangnya kesepaduan dalam kalangan atlet.

Akhirnya, kepuasan atlet merupakan ukuran utama kejayaan gaya kepimpinan jurulatih. Atlet yang berpuas hati dengan gaya kepimpinan yang diterapkan oleh jurulatih mereka akan menunjukkan motivasi yang lebih tinggi dan komitmen terhadap pasukan. Kepuasan ini berkait rapat dengan bagaimana jurulatih berkomunikasi dengan atlet, memberi sokongan, dan menguruskan tekanan dalam pasukan. Gaya kepimpinan yang memberi ruang untuk pertumbuhan, pembelajaran, dan komunikasi terbuka biasanya menghasilkan tahap kepuasan yang lebih tinggi di kalangan atlet.

Secara keseluruhan, kerangka konseptual ini membantu untuk memahami bagaimana faktor-faktor seperti jenis sukan, jantina, emosi, kesepaduan pasukan, dan kepuasan atlet saling mempengaruhi dalam memilih gaya kepimpinan yang sesuai.

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepimpinan memainkan peranan penting dalam membimbing dan memotivasi atlet ke arah pencapaian prestasi tinggi dalam sukan. Jurulatih yang berkesan bukan sahaja melatih kemahiran fizikal tetapi juga memberi inspirasi kepada atlet melalui kepimpinan yang strategik dan berpengaruh. Jurulatih dan atlet saling bergantung antara satu sama lain. Terdapat komponen penting dalam sukan antara hubungan jurulatih dan juga atlet. Sehubungan itu, penyelidikan terdahulu telah memberi gambaran bahawa pelbagai ciri dan tingkah laku jurulatih saling berkaitan dengan pengalaman atlet dan tindak balas psikologi (Wells & Peachey 2011). Hubungan yang berkesan akan mempengaruhi hasil positif tindak balas psikologi dan tingkah laku atlet. Maklumat yang diberikan daripada kajian ini akan memberi manfaat kepada dunia sukan, terutamanya dalam sukan kompetitif di mana atlet dan jurulatih berganding bahu ke arah kecemerlangan.

Tambahan lagi, kajian ini boleh memberi gambaran yang jelas kepada atlet dan membolehkan mereka mencapai tahap prestasi yang memberangsangkan. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mencapai matlamat bagi jurulatih merealisasikan gaya kejurulatihan mereka terhadap atlet. Alemu & Babu (2012) mendedahkan cabaran besar

yang dihadapi pemimpin terhadap kredibiliti mereka untuk memimpin sebuah kestabilan kepada satu perubahan baharu, daripada persaingan kepada kerjasama dan pemimpin harus merealisasikan transformasi itu.

Dapatan kajian mengenai hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dan prestasi atlet mempunyai potensi yang besar untuk diaplikasikan di peringkat negeri lain atau nasional. Walaupun kajian ini memberi penekanan kepada aspek psikologi dan tingkah laku dalam hubungan antara jurulatih dan atlet, terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan agar dapatan ini dapat digeneralisasikan ke peringkat yang lebih luas. Salah satu cabaran utama adalah perbezaan budaya yang wujud antara pelbagai negeri atau negara. Budaya yang berbeza mungkin mempengaruhi bagaimana atlet dan jurulatih berinteraksi dan memberi respons terhadap gaya kepimpinan tertentu.

Sebagai contoh, dalam sesetengah budaya, atlet mungkin lebih cenderung untuk menghormati autoriti jurulatih dan lebih terbuka kepada gaya kepimpinan autokratik, sementara dalam budaya lain, gaya demokratik yang lebih inklusif mungkin lebih berkesan. Oleh itu, penting bagi jurulatih untuk memahami konteks budaya tempat mereka beroperasi dan menyesuaikan gaya kepimpinan mereka agar sesuai dengan nilai dan norma tempatan. Ini juga mencakup pengetahuan tentang bagaimana ekonomi mempengaruhi penyertaan dan prestasi atlet. Di kawasan dengan sumber terhad, gaya kepimpinan yang lebih berfokus kepada sokongan sosial dan motivasi boleh menjadi lebih berkesan, kerana atlet mungkin menghadapi cabaran kewangan atau material yang menjejaskan kesejahteraan mereka.

Di peringkat negeri atau nasional, dapatan kajian ini boleh diterjemahkan ke dalam program latihan yang lebih berstruktur, yang menggabungkan elemen-elemen seperti sokongan mental, kesihatan emosi, dan hubungan yang lebih kuat antara jurulatih dan atlet. Sumber yang lebih banyak dan kemudahan yang lebih baik di peringkat nasional memberikan peluang untuk melaksanakan gaya kepimpinan yang lebih berfokus kepada pembangunan holistik atlet, termasuk meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran kepimpinan dalam kalangan atlet itu sendiri.

Namun, perlu diingat bahawa latar belakang atlet juga memainkan peranan yang penting dalam bagaimana mereka memberi respons terhadap gaya kepimpinan jurulatih. Faktor seperti usia, tahap pendidikan, dan pengalaman sukan boleh mempengaruhi cara mereka berinteraksi dengan jurulatih dan menerima arahan. Oleh itu, gaya kepimpinan yang berkesan di peringkat sekolah mungkin perlu disesuaikan apabila diaplikasikan di peringkat lebih tinggi, di mana atlet mungkin lebih matang dan mempunyai pandangan yang lebih kritis terhadap pendekatan kejurulatihan.

Dengan mempertimbangkan semua faktor ini, dapatan kajian boleh digunakan untuk merangka pelan pembangunan yang lebih fleksibel dan disesuaikan dengan keperluan tempatan, sambil memastikan keberkesanan gaya kepimpinan jurulatih dalam meningkatkan prestasi atlet. Walau bagaimanapun, pendekatan ini memerlukan pemahaman mendalam tentang konteks sosial, budaya, dan ekonomi yang mempengaruhi atlet di peringkat negeri atau nasional.

1.10 BATASAN KAJIAN

Kajian ini yang melibatkan atlet dari peringkat Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah satu kajian yang berfokus kepada gaya kepimpinan jurulatih dan kesannya terhadap prestasi atlet. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan yang perlu diakui dalam menjalankan kajian ini. Salah satu kekangan utama adalah bahawa kesemua jurulatih yang terlibat adalah dari kalangan guru sekolah dan bukannya jurulatih sepenuh masa. Hal ini mungkin memberi kesan kepada dapatan kajian, kerana jurulatih yang merupakan guru mungkin tidak mempunyai masa atau sumber yang mencukupi untuk memberi fokus sepenuhnya kepada pengurusan dan pembangunan atlet, berbanding dengan jurulatih sepenuh masa yang lebih berkemahiran dan berpengalaman dalam bidang kejurulatihan.

Langkah pertama yang diambil untuk mengawal kekangan ini adalah dengan memastikan bahawa atlet mengenali dan memahami jurulatih mereka sebelum menyertai kajian. Hubungan yang telah terjalin antara jurulatih dan atlet memberikan satu perspektif yang lebih mendalam terhadap tingkah laku dan pendekatan yang digunakan oleh jurulatih. Seperti yang dinyatakan oleh Tor Sock Wei (2016), hubungan

yang kukuh antara atlet dan jurulatih boleh mempengaruhi tindak balas psikologi dan emosi atlet terhadap soal selidik, serta membantu memperjelas bagaimana gaya kepimpinan jurulatih diterima dan difahami oleh atlet. Dalam hal ini, pengkaji telah memastikan bahawa atlet yang terlibat sudah mempunyai pengalaman dengan jurulatih mereka, sekali gus mengurangkan bias dalam tindak balas mereka.

Selain itu, untuk memastikan keseragaman dalam pengumpulan data, senarai arahan dan penerangan yang tetap digunakan untuk semua kumpulan atlet. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan perbezaan dalam prosedur kajian, memastikan semua atlet menerima arahan yang sama, dan menghindari sebarang variasi yang mungkin timbul daripada cara pengumpulan data yang tidak konsisten. Ini akan memastikan bahawa data yang dikumpulkan adalah lebih konsisten dan boleh dipercayai, sekaligus meningkatkan kesahan kajian.

Walaupun begitu, penting untuk mengakui limitasi yang wujud di luar kawalan pengkaji, seperti sikap kejujuran atlet, keadaan emosi, dan isu peribadi dengan jurulatih yang mungkin mempengaruhi respons mereka. Faktor-faktor ini tidak dapat dikawal sepenuhnya, dan pengkaji harus mengakui bahawa kejujuran dan kecenderungan peribadi atlet dalam memberi respons mungkin dipengaruhi oleh hubungan mereka dengan jurulatih, perasaan takut atau tertekan untuk memberi jawapan yang tepat, atau pengalaman peribadi dengan jurulatih tersebut. Walaupun faktor ini boleh mempengaruhi hasil kajian, pengakuan tentang limitasi ini memberi kejelasan kepada pembaca bahawa keputusan kajian perlu ditafsirkan dengan mempertimbangkan konteks ini.

Selain itu, menekankan kepentingan kejujuran atlet dalam menjawab soal selidik adalah satu langkah yang penting untuk memastikan data yang diperoleh adalah tepat dan boleh dipercayai. Atlet harus diberikan pemahaman mengenai kepentingan memberi respons yang jujur dan terbuka dalam soal selidik, kerana ini akan mempengaruhi ketepatan dan kualiti data yang diperoleh. Dengan memberi penekanan kepada kepentingan kejujuran, pengkaji berharap dapat memperoleh data yang lebih sah dan dapat digunakan untuk analisis yang lebih tepat.

Secara keseluruhan, langkah-langkah yang diambil dalam kajian ini untuk mengawal pemboleh ubah luar dan menggariskan limitasi kajian adalah penting untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Walaupun terdapat kekangan yang wujud, seperti hubungan peribadi antara atlet dan jurulatih, pengkaji telah mengimbangi kelemahan ini dengan prosedur yang teliti dan pengakuan mengenai batasan kajian. Dengan cara ini, interpretasi hasil kajian dapat dilakukan dengan lebih keyakinan, dan walaupun terdapat batasan yang perlu dipertimbangkan, pengkaji dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai kesan gaya kepimpinan jurulatih terhadap prestasi atlet.

1.11 DEFINISI ISTILAH

1.11.1 Kepimpinan

Dalam Kamus Dewan (1989), kepimpinan didefinisikan sebagai keupayaan untuk memimpin, manakala dalam Certo (1997), ia didefinisikan sebagai proses pengarahan tingkah laku orang lain ke arah mencapai objektif tertentu.

1.11.2 Tingkah Laku Kepimpinan

Menurut Kamus Dewan (1989), tingkah laku merujuk kepada perbuatan, gerak geri, kelakuan sikap, dan perangai seseorang. Manakala, kepimpinan merujuk kepada keupayaan memimpin.

1.11.3 Tingkah Laku Kejurulatihan

Tingkah laku kejurulatihan melibatkan tingkah laku yang ditunjukkan oleh jurulatih dalam tiga komponen utama iaitu semasa latihan, pertandingan, dan perancangan organisasi (Cote et al. 1999).

1.11.4 Gaya Kepimpinan Demokratik

Gaya kepimpinan demokratik merujuk kepada tingkah laku yang membenarkan penyertaan atlet yang lebih besar dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan matlamat kumpulan, kaedah latihan, taktik dan strategi permainan (Pilus & Saadan 2009).

1.11.5 Gaya Kepimpinan Sokongan Sosial

Tingkah laku jurulatih yang mengamalkan cara latihan sokongan social akan mengambil berat tentang kebajikan atlet, mengutamakan suasana kerja yang positif serta hubungan yang mesra dengan atlet (Chelladurai & Saleh 1980).

1.11.6 Gaya Kepimpinan Autokratik

Gaya kepimpinan autokratik merujuk kepada tingkah laku yang melibatkan kebebasan dalam membuat keputusan dan menekankan autoriti peribadi (Pilus & Saadan 2009).

1.11.7 Gaya Kepimpinan Latihan Dan Arahan

Menekankan dan memudahkan latihan yang berintensiti tinggi dan berat, mengarahkan atlet dengan kemahiran serta teknik dan taktik sukan yang mungkin meningkatkan prestasi atlet (Pilus & Saadan 2009).

1.12 KESIMPULAN

Menerusi maklumat yang diberikan dalam bab I ini, penyelidik memaparkan beberapa sub tajuk bagi menggambarkan maksud tajuk yang perlu diperincikan melalui kajian ini. Daripada gambaran awal menerusi bab ini, penyelidik juga menerangkan latar belakang dan permasalahan kajian yang terlibat dalam kajian ini. Latar belakang ini amat penting kerana ia memberikan konteks tentang isu utama yang menjadi fokus kajian, iaitu hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dan prestasi atlet. Penyelidik memulakan dengan menjelaskan situasi semasa dalam dunia kejurulatihan, terutamanya dalam konteks sukan di peringkat sekolah, dan bagaimana gaya kepimpinan jurulatih mempengaruhi pengurusan pasukan serta pencapaian atlet. Melalui permasalahan kajian, penyelidik mengenal pasti kekurangan pemahaman tentang impak gaya kepimpinan terhadap atlet, serta cabaran yang dihadapi oleh jurulatih dalam melaksanakan kepimpinan yang berkesan. Ini membuka ruang untuk menjawab persoalan-persoalan utama dalam kajian ini, seperti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan gaya kepimpinan oleh atlet dan bagaimana gaya kepimpinan tersebut memberi kesan kepada prestasi serta tingkah laku atlet.

Seterusnya, diikuti tujuan dan objektif kajian, dan juga kepentingan serta batasan dalam kajian ini. Tujuan kajian ini adalah untuk memahami lebih mendalam tentang

bagaimana gaya kepimpinan jurulatih mempengaruhi prestasi atlet, dan untuk mengetahui faktor-faktor yang menentukan gaya kepimpinan yang lebih berkesan dalam kalangan jurulatih. Objektif kajian ini lebih terperinci dengan melihat kepada gaya kepimpinan yang digunakan oleh jurulatih dan kaitannya dengan persepsi serta tingkah laku atlet terhadap kepimpinan tersebut. Kajian ini juga bertujuan untuk memberikan panduan kepada jurulatih tentang cara yang lebih berkesan dalam memimpin pasukan mereka, seterusnya meningkatkan prestasi atlet. Kepentingan kajian ini amat besar, bukan sahaja untuk meningkatkan hubungan antara jurulatih dan atlet, tetapi juga untuk menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang kejurulatihan. Penyelidik berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada dunia sukan dengan memperkenalkan pendekatan yang lebih berkesan dalam pengurusan atlet, serta memberikan sumbangan yang bermakna dalam pengurusan dan pembangunan sukan di Malaysia. Walau bagaimanapun, penyelidik juga mengakui bahawa kajian ini mempunyai beberapa batasan, antaranya keterbatasan dalam jumlah sampel yang mungkin tidak dapat menggambarkan keseluruhan populasi atlet di negara ini, serta pengaruh faktor budaya dan sosial yang mungkin berbeza di setiap negeri.

Perbincangan dalam kajian ini menjurus kepada gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan atlet bagi menjawab kepada beberapa persoalan kajian yang memungkinkan memberi kesan kepada gaya kepimpinan seseorang jurulatih. Dalam bab ini, penyelidik juga menekankan pentingnya hubungan antara jurulatih dan atlet dalam membentuk gaya kepimpinan yang berkesan. Dengan menjelaskan bagaimana hubungan yang kukuh antara jurulatih dan atlet dapat mempengaruhi respons atlet terhadap gaya kepimpinan, penyelidik dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan atlet untuk menerima pendekatan kepimpinan tertentu. Diharapkan bahawa melalui analisis ini, akan ada pemahaman yang lebih mendalam mengenai impak gaya kepimpinan seorang jurulatih terhadap prestasi dan pengalaman atlet. Penyelidik juga merujuk kepada kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa gaya kepimpinan yang berkesan bukan sahaja memberi impak kepada prestasi atlet, tetapi juga membentuk pengalaman emosi dan sosial mereka dalam latihan serta pertandingan.

Penyelidik juga memberikan definisi bagi beberapa istilah yang sering digunakan dalam kajian ini, bertujuan untuk memastikan pembaca memiliki pemahaman yang komprehensif terhadap konsep-konsep yang akan dibincangkan dalam bab-bab seterusnya. Dengan memberikan definisi yang jelas tentang istilah yang digunakan, penyelidik dapat memastikan bahawa pembaca tidak keliru dengan maksud istilah tersebut ketika ia digunakan dalam kajian. Penjelasan istilah ini juga bertujuan untuk memberikan konteks yang lebih tepat tentang apa yang dimaksudkan dengan setiap konsep, serta bagaimana ia berkait rapat dengan objektif kajian. Selain itu, penerangan tentang istilah-istilah ini membantu memperluaskan pemahaman tentang bagaimana faktor-faktor psikologi, sosial, dan emosi mempengaruhi hubungan antara jurulatih dan atlet dalam konteks gaya kepimpinan yang diterapkan.

Dengan demikian, harapannya adalah kajian ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada perkembangan ilmu dalam bidang kejurulatihan, serta menyumbang kepada peningkatan pengurusan atlet dan jurulatih, memberikan manfaat kepada semua individu yang terlibat dalam dunia sukan. Kajian ini bukan sahaja penting untuk pengembangan ilmu pengetahuan dalam bidang kejurulatihan, tetapi juga untuk memberikan panduan praktikal kepada jurulatih dalam meningkatkan gaya kepimpinan mereka, yang pada gilirannya dapat memperbaiki prestasi atlet secara keseluruhan. Tambahan lagi, melalui bab ini, penyelidik telah menetapkan landasan yang kukuh bagi kajian mereka, memberikan pemahaman yang komprehensif kepada pembaca mengenai subjek kajian, tujuan, dan metodologi yang digunakan. Dengan itu, kajian ini diharapkan dapat membawa kepada pengetahuan baru yang berguna dalam bidang kejurulatihan dan pengurusan sukan secara keseluruhan. Penyelidik percaya bahawa kajian ini mampu memberikan impak positif bukan sahaja dalam konteks akademik, tetapi juga dalam pengamalan dunia sukan di Malaysia dan seterusnya di peringkat global.

BAB II

KAJIAN LITERASI

2.1 PENGENALAN

Kajian ini adalah bertujuan mengkaji tentang kepimpinan jurulatih-jurulatih sukan di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Objektif pertama mengenal pasti jenis-jenis gaya kepimpinan dalam kalangan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Objektif kedua mengenalpasti perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih mengikut jantina dan seterusnya objektif ketiga mengenalpasti perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih dan jenis sukan. Objektif yang seterusnya adalah mengenalpasti hubungan gaya kepimpinan dengan prestasi kepuasan atlet, emosi dan tingkah laku serta kesepaduan pasukan.

Bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk meningkatkan pemahaman penyelidikan. Bahagian pertama membincangkan gaya kepimpinan yang merangkumi jenis-jenis gaya kepimpinan manakala bahagian kedua pula berkaitan tentang teori-teori kajian yang lepas yang melibatkan pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Seterusnya bahagian ketiga adalah membincangkan tentang kerangka konseptual kajian dan seterusnya diikuti dengan kesimpulan untuk kajian kepustakaan.

Dengan pengagihan yang terperinci kepada beberapa bahagian, bab ini memastikan penyelidikan disusun dengan jelas bagi meningkatkan pemahaman pembaca. Bahagian pertama menggali dalam gaya kepimpinan, merangkumi pelbagai jenis gaya kepimpinan yang berpotensi mempengaruhi prestasi atlet. Sementara bahagian kedua mengupas teori-teori kajian yang relevan, meneliti hubungan antara

pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar yang mungkin mempengaruhi gaya kepimpinan jurulatih. Bahagian ketiga membawa pembaca ke dalam kerangka konseptual kajian, menyediakan landasan teoretikal yang kukuh bagi penyelidikan ini. Dengan memahami konsep-konsep utama yang terlibat, pembaca dapat melihat bagaimana elemen-elemen ini saling berinteraksi dalam konteks gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan.

Penyelidikan kajian kepustakaan diakhiri dengan kesimpulan yang merangkumi dapatan-dapatan penting dan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh kajian sebelumnya. Ini membantu untuk mengukuhkan panggilan untuk penyelidikan baru dan memberikan laluan bagi pembaca untuk memahami perbezaan dan kesinambungan antara kajian yang lepas dengan kajian yang sedang dijalankan. Dengan struktur yang terperinci ini, bab ini memberi asas yang kukuh bagi keseluruhan penyelidikan.

2.2 TEORI GAYA KEPIMPINAN

Kajian mengenai kepimpinan adalah satu aspek penting dalam literatur masa kini. Kepimpinan adalah melibatkan hubungan antara pemimpin dan pengikut. Penglibatan pemimpin dan pengikut yang berniat untuk bekerjasama dalam mencapai matlamat mereka ke arah kejayaan dalam bidang yang diceburi. Ying & Dai (2019) turut membincangkan kepimpinan bimbingan sebagai gaya kepemimpinan baru dalam bidang tingkah laku organisasi yang dapat meningkatkan minda pekerja dan mempromosikan tingkah laku inovatif.

Selain itu, Almansour (2012) menyatakan bahawa proses perubahan dan transformasi individu mencerminkan kepimpinan seseorang. Harper (2012) pula menyatakan dalam penyelidikannya proses itu termasuk mengubah keperluan, nilai, konsep sendiri, dan matlamat pasukannya. Pemimpin perlu memberi contoh tugas dan nilai yang diperlukan dan menunjukkan tingkah laku untuk memenuhi visi organisasi. Menurut Dian et al. (2020) dalam kajiannya tentang teori tingkah laku kepimpinan, yang menyatakan bahawa pemimpin dapat dibentuk melalui pendidikan dan latihan, dengan memberi tumpuan kepada tindakan mereka dan bukannya sifat mereka.

Masyarakat pada masa kini lebih menumpukan pada gaya kepimpinan. Hal ini kerana, perkembangan pengikut dipengaruhi oleh jurulatih itu sendiri. Pengikut memerlukan bimbingan, insentif, motivasi dan latihan daripada pemimpin. Lingling et al. (2022) dalam kajiannya ada membincangkan hubungan antara kepimpinan bimbingan, keadilan interaksi, pengenalan organisasi, dan tingkah laku inovasi menyimpang pekerja, tetapi ia tidak secara eksplisit membincangkan teori di sebaliknya gaya kepimpinan bimbingan. Tambahan lagi, Jan et al. (2020) telah menggariskan dalam kajiannya tentang gaya kepimpinan bimbingan berdasarkan optimisme, keberkesanan diri, emosi positif, dan pembelajaran. Ia menekankan penggunaan model dan alat mental untuk memahami dan mengubah tingkah laku.

Gaya kepimpinan sebahagian besarnya ditentukan oleh budaya organisasi. Corak gaya kepimpinan tingkah laku telah digunakan oleh jurulatih untuk menyelesaikan tugas dalam organisasi. Empat gaya kepimpinan yang biasa dikenal pasti termasuk demokratik, autokratik, sokongan sosial, dan gaya latihan dan arahan (Abbas et al. 2012). Sebagai tambahan, dalam teori kepimpinan juga terdapat bimbingan sukan, yang merangkumi tingkah laku seperti pertimbangan individu, motivasi inspirasi, dan memupuk kerja berpasukan (Takayuki et al. 2022).

2.2.1 Gaya Kepimpinan Autokratik

Pilus & Saadan (2009) menyifatkan gaya kepimpinan autokratik sebagai pemimpin yang mempunyai tingkah laku berdikari. Situasi dan keperibadian seseorang adalah sangat berkait rapat dalam membuat keputusan. Seperti yang disokong oleh Bird et al. (2013), kesedaran sendiri yang mendalam dan konsep sendiri yang kukuh adalah perkara yang perlu ada dalam diri seseorang pemimpin selain mempunyai pengetahuan yang mendalam. Pemimpin autokratik memimpin dari hadapan dan berani mengambil risiko-risiko yang penting. Menurut Eyal & Roth (2011), konteks kawalan pemimpin terhadap pengikutnya boleh menyebabkan wujudnya keterpaksaan dan perasaan rendah diri.

Jurulatih meletakkan usaha mereka dalam gaya tertentu dengan cara yang diselaraskan untuk tujuan yang tertentu. Jurulatih mempunyai matlamat mereka sendiri untuk dicapai dengan cara bimbingan mereka. Kajian terdahulu Awan & Mahmood (2010) menyatakan bahawa prestasi pemimpin akan menentukan prestasi kumpulan manusia. Dalam karna manusia, jarak antara pemimpin dan pengikut adalah tetap. Hal ini bermaksud, prestasi pemimpin yang lebih baik akan membawa hasil yang lebih baik. Pemimpin autokratik ini dilihat mempunyai tingkah laku seperti memerintah, memaksa dan berkemahiran dalam menangani krisis. Mereka cenderung untuk berpusat dan mengawal pengikut tanpa sebarang prasangka (Lin & Foo 2012).

Gaya kepimpinan autokratik lebih kerap dikaitkan dengan tingkah laku paksaan. Menurut Hayder et al. (2022), hubungan antara gaya kepemimpinan yang berbeza dan kepuasan atlet, termasuk kepemimpinan autokratik. Ia menyatakan bahawa kepemimpinan autokratik dikaitkan secara negatif dengan kepuasan atlet. Manakala, menurut Lin & Foo (2012), apabila atlet menyuarakan idea atau persepsi yang berbeza kepada jurulatih, pastinya jurulatih akan menolaknya. Pemimpin yang mengembangkan gaya ini biasanya bukan pendengar yang baik. Sebagai contoh, pemimpin ini mengamalkan kuasa hierarki dan berbentuk perintah. Pemimpin lebih cenderung untuk dikritik dan krisis yang tidak dijangka akan berlaku. Walau bagaimanapun, pemimpin gaya autokratik berkesan dalam menangani isu utama. Contohnya atlet yang menghasilkan prestasi rendah dan kurang keyakinan akan kembali bermotivasi dalam kerja mereka (Jordan et al. 2013).

Tambahan lagi, Kalu et al. (2018) menyebutkan bahawa gaya kepemimpinan autokratik cenderung mengembangkan bawahan yang bergantung dan tidak kreatif yang takut mengambil tanggungjawab. Ia juga menyatakan bahawa gaya kepemimpinan autokratik menunjukkan kesan negatif yang signifikan terhadap prestasi pekerja dan membawa kepada ketidakpuasan pekerjaan. Selain itu, menurut Nielsen et al. (2008), pemimpin autokratik menetapkan nilai standard yang tinggi dan jangkaan yang tinggi dalam penglibatan membuat keputusan secara individu.

2.2.2 Gaya Kepimpinan Demokratik

Gaya kepimpinan demokratik adalah mengenai pemimpin yang merumuskan matlamat dan objektif dalam membuat keputusan termasuk orang lain (Bird et al. 2013). Pilus & Saadan (2009) mendedahkan bahawa jurulatih demokratik membenarkan penyertaan atlet dalam keputusan jurulatih yang bertujuan untuk matlamat kumpulan, kaedah latihan, taktikal permainan dan strategi. Pemimpin jenis ini sentiasa menyesuaikan diri dengan perubahan dan ketidakstabilan situasi melibatkan keadaan yang konsisten dalam pasukan (Ruggieri & Abbate 2013). Sumbangan ilmu ini amat penting dalam perkembangan moral kognitif (Jordan et al. 2013). Tambahan lagi, Cholicul et al. (2023) juga ada menyebutkan bahawa gaya kepemimpinan demokratik dianggap gaya kepemimpinan yang ideal. Ini melibatkan pemimpin yang bertindak sebagai penyelaras dan penyatuan, melibatkan bawahan dalam proses membuat keputusan, menghormati perbezaan, dan menyediakan tindakan pembetulan dan pendidikan.

Interaksi pelbagai kumpulan dan budaya dapat meningkatkan tahap persefahaman antara pemimpin dan pengikut (Harper 2012). Gaya kepimpinan demokratik yang sistematik boleh mempengaruhi tingkah laku pemimpin untuk menarik minat orang bawahan. Lam & O'Higgins (2012) menyatakan bahawa kebanyakan pemimpin yang berkesan adalah mereka yang mencari motif berpotensi pengikut, berusaha untuk memenuhi keperluan yang lebih tinggi, dan melibatkan pengikut sepenuhnya. Pemimpin gaya demokratik boleh memotivasikan pengikut untuk meningkatkan prestasi dan berjaya dalam kerja. Hal ini boleh ditunjukkan apabila pemimpin mempunyai hubungan yang lebih baik dengan pengikut, atlet dan orang bawahan. Di samping itu, Lam & O'Higgins (2012) mendapati bahawa hubungan positif mampu meningkatkan komunikasi yang lebih baik antara jurulatih dan atlet untuk mencapai matlamat. Kemahiran untuk berinteraksi dengan pengikut adalah cara yang berkesan untuk meningkatkan gaya tingkah laku dalam mengendalikan kumpulan (Amagoh 2009). Tambahan lagi, Rachel (2022) menyebutkan bahawa tingkah laku kepimpinan demokratik dalam sukan melibatkan mengekalkan hubungan dan maklum balas yang berterusan dengan pemain, mengambil kira pendapat mereka, dan membuat keputusan secara kolektif.

Seperti yang diandaikan oleh Bucic et al. (2010), seorang pemimpin perlu mencari kestabilan dan kebolehamalan dalam membuat keputusan dengan ahli pasukan. Dalam situasi ini, pemimpin memainkan peranan utama untuk menarik perhatian atlet. Menurut Ruggieri & Abbate (2013), tahap minat serta meneliti prospek baru bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan meningkatkan tingkah laku pengikut. Tambahan lagi, Hao-Yue et al. (2022) turut membincangkan kesan gaya kepemimpinan autokratik dan demokratik terhadap hubungan jurulatih dan atlet, motivasi atlet, dan kepuasan atlet. Ini menonjolkan pengaruh positif kepemimpinan demokratik terhadap hubungan jurulatih dan atlet serta hasil psikologi atlet itu sendiri.

2.2.3 Gaya Kepimpinan Sokongan Sosial

Bird et al. (2013) mendedahkan bahawa pemimpin sokongan sosial menentang untuk berkhidmat mencari pencapaian untuk keperluan mereka kepada orang lain. Cara sokongan sosial seseorang pemimpin terhadap atletnya termasuklah kebajikan atlet, hubungan interpersonal, dan suasana kumpulan yang positif (Pilus & Saadan 2009). Pemimpin sentiasa menyokong atlet untuk prestasi terbaik mereka dan meningkatkan kemahiran kejurulatihan. Seperti yang didedahkan oleh Ruggieri & Abbate (2013), seorang jurulatih terlibat secara aktif dengan pengikutnya dalam mendapatkan kerjasama mereka dan menggalakkan mereka mengenal pasti visi mereka.

Tingkah laku jurulatih yang membawa kepada pemerksaan dan keprihatinan yang lebih besar kepada usaha kumpulan memerlukan usaha pasukan yang berkesan. Sokongan sosial yang diberikan oleh ahli pasukan mungkin menjejaskan prestasi orang lain untuk menunjukkan prestasi yang lebih baik dan diselaraskan dengan baik (Tuuli 2012). Bertukar-tukar ganjaran untuk pencapaian mungkin menarik perhatian atlet. Pemimpin mungkin memenuhi keperluan peringkat tertinggi atlet dengan merayu kepada moral atlet mereka (Wells & Peachey 2011).

Seperti yang didedahkan oleh Nielsen et al. (2008), pemimpin sokongan sosial menjelaskan visi kejurulatihan terhadap atlet mereka untuk mencapai sasaran mereka. Seperti yang disokong oleh Abbas et al. (2012), pemimpin dengan tingkah laku sokongan sosial memberi motivasi inspirasi ke arah visi futuristik untuk mempengaruhi

pengikutnya. Tumpuan jurulatih terhadap kebajikan atlet mungkin menarik perhatian atlet terhadap gaya kepimpinan. Hal ini dilihat semakin menjadi sumber kekuatan utama yang digabungkan dengan interaksi atlet yang positif.

Sokongan sosial yang diberikan oleh pemimpin menekankan motivasi untuk mengukuhkan strategi dan membentuk penetapan matlamat terhadap atlet (Bucic et al. 2010). Komitmen penuh kepimpinan seseorang jurulatih melangkaui kepentingan diri untuk melaksanakan peranan bagi menyokong atletnya. Pemimpin perlu memberi sokongan yang sesuai untuk menarik perhatian atlet.

Selain itu, menurut penulisan oleh Brown et al. (2021), kepimpinan yang menekankan aspek sokongan sosial seperti memberikan dorongan emosional, memperlihatkan kepedulian terhadap keperluan individu, dan membina hubungan interpersonal yang kukuh dapat meningkatkan semangat kerja dan motivasi dalam pasukan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan demikian dapat mencapai tahap produktiviti yang lebih tinggi dalam persekitaran kerja. Manakala penyelidikan oleh Smith dan Johnson (2022) turut menyatakan bahawa jurulatih yang memupuk persekitaran sokongan sosial dapat membina kepercayaan dan kestabilan dalam pasukan. Kepercayaan ini membawa kepada peningkatan kolaborasi, komunikasi yang efektif, dan kepuasan dalam kerja. Kepimpinan yang menyokong sosial tidak hanya membentuk ahli pasukan yang produktif, tetapi juga mencipta suasana di mana setiap individu merasa dihargai dan diiktiraf.

2.2.4 Gaya Kepimpinan Latihan Dan Arahan

Kepimpinan jurulatih dalam konteks latihan dan arahan memainkan peranan penting dalam membentuk prestasi dan perkembangan atlet. Menurut kajian terkini oleh Johnson et al. (2023), gaya kepimpinan yang berfokus pada latihan dan arahan yang berstruktur dapat membantu atlet mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi. Jurulatih yang memberikan arahan yang jelas dan latihan yang teratur dapat membantu membina kecekapan teknikal dan taktikal atlet. Selain itu, penyelidikan oleh Brown dan Smith (2022) menekankan bahawa jurulatih latihan dan arahan yang efektif memahami

keperluan individu atlet dan menyediakan latihan yang disesuaikan. Dalam kajian ini, penulis menunjukkan bahawa pendekatan personalisasi ini membantu memotivasikan atlet untuk mencapai matlamat latihan dan prestasi peribadi mereka. Oleh itu, gaya kepimpinan yang memahami keperluan dan ciri-ciri unik setiap atlet dapat meningkatkan hasil latihan secara keseluruhan.

Kajian oleh Garcia et al. (2021) juga menyokong konsep latihan dan arahan yang berpusat pada perkembangan peribadi atlet. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa jurulatih yang melibatkan atlet secara aktif dalam proses pembangunan latihan dan menyediakan umpan balik yang konstruktif dapat membina hubungan yang positif dan memotivasikan atlet untuk meningkatkan prestasi mereka.

Meningkatkan prestasi atlet dengan memberi penekanan dan memudahkan latihan, mengarahkan atlet dengan kemahiran, teknik dan taktik sukan adalah tingkah laku atlet dengan gaya kepimpinan latihan dan arahan (Pilus & Saadan 2009). Menurut Bird et al. (2013), penambahbaikan pencapaian organisasi melalui perubahan bertujuan adalah fokus pemimpin untuk mengekalkan status quo.

Menurut Harper (2012), pemimpin bertindak sebagai contoh untuk mendapat kepercayaan dan keyakinan pengikut melalui arahan. Keupayaan pemimpin memberi tunjuk ajar boleh memberi inspirasi kepada atlet seterusnya atlet boleh mencapai matlamat mereka. Sebagai jurulatih, mereka akan sentiasa memberikan motivasi kepada atletnya untuk terus bekerja keras dalam mempelajari setiap kemahiran dalam latihan.

Untuk menarik perhatian peribadi atlet, pemimpin menggalakkan pengikut menjadi inovatif dalam memberikan bimbingan dan galakan terhadap teknik tertentu. Nielsen et al. (2008) mendedahkan bahawa rangsangan intelek jurulatih menggalakkan latihan khusus terhadap atlet. Tahap latihan dan arahan yang jelas oleh jurulatih menggalakkan atlet meningkatkan prestasi mereka.

Menurut Bird et al. (2013), peningkatan pencapaian melalui perubahan yang bertujuan untuk mengekalkan status quo adalah fokus seorang pemimpin. Fokus untuk

mengesan dan membetulkan kesilapan adalah untuk mengekalkan dan meningkatkan prestasi semasa atlet (Rohmann & Rowold 2009). Status jurulatih di mata pengikutnya adalah contoh teladan yang boleh dipercayai dan berkeyakinan tinggi. Oleh itu, seseorang jurulatih perlu mempunyai matlamat masa depan bagi memberi inspirasi kepada atlet mereka.

Gaya kepimpinan latihan dan arahan mampu meningkatkan prestasi atlet. Gaya ini juga adalah pilihan atlet untuk jurulatihnya. Jurulatih sebagai contoh dan semangat seorang jurulatih mempengaruhi atlet untuk mencapai sasaran (Nielsen et al. 2008).

2.3 TINJAUAN KAJIAN LEPAS TERHADAP PEMBOLEH UBAH BEBAS DAN PEMBOLEH UBAH BERSANDAR

Teori kepimpinan boleh dikelaskan dalam tiga pendekatan. Pendekatan pertama tertumpu kepada ciri-ciri pemimpin yang hebat. Adalah dipercayai bahawa pemimpin yang berjaya mempunyai personaliti tertentu yang menjadikan mereka pemimpin yang berjaya dalam setiap situasi. Pendekatan kedua tertumpu kepada tingkah laku pemimpin yang berkesan. Banyak orang berpendapat bahawa sesiapa sahaja boleh menjadi pemimpin yang hebat dengan mempelajari tingkah laku pemimpin lain yang berkesan. Oleh kerana kelemahan dan kekeliruan pendekatan sifat dan tingkah laku, penyelidik kepimpinan memberi tumpuan kepada faktor situasi yang penting untuk kejayaan kepimpinan. Selain pendekatan sifat dan tingkah laku, pendekatan situasi yang merupakan pendekatan ketiga mengandaikan bahawa tidak ada satu jenis pemimpin yang terbaik tetapi keberkesanan kepimpinan bergantung kepada interaksi antara pemimpin dan situasi.

Bagi teori sifat, dalam kajian mereka, Ogilvie (1966) memprofilkan jurulatih selalunya adalah seseorang yang autoritarian, bebas dalam pemikiran mereka, dan realistik dalam perspektif mereka serta matang dari segi emosi. Pendekatan ini mendapat banyak sokongan daripada saintis sosial sebelum dan semasa Perang Dunia II, tetapi kehilangan sokongan sekitar akhir Perang Dunia II, apabila Stogdill (1948) menerbitkan ulasannya terhadap 124 kajian berkaitan sifat kepimpinan dan mendapati hanya beberapa ciri keperibadian yang konsisten dan dia membuat kesimpulan bahawa

adalah mustahil untuk membuktikan bahawa pemimpin yang berjaya mempunyai set sifat kepimpinan yang menyeluruh.

Selain itu, untuk pendekatan yang lain, pengkaji tingkah laku berpendapat bahawa sesiapa sahaja boleh belajar menjadi pemimpin dengan mempelajari tingkah laku pemimpin yang lain yang berkesan. Malah, beberapa tingkah laku pemimpin yang berjaya telah dikenal pasti. Pertama, pemimpin boleh dikategorikan sama ada autokratik atau demokratik. Kedua, pemimpin boleh diklasifikasikan sebagai arahan atau bersifat terbuka. Ketiga, sesetengah pemimpin berorientasikan tugas manakala yang lain berorientasikan rakyat. Dua produk atau konsep penting dengan tingkah laku kepimpinan telah dijalankan oleh University of Michigan dan Ohio State University dengan percubaan untuk menentukan dimensi kepimpinan yang lebih spesifik (Stogdill 1959).

Akhir sekali, pendekatan seterusnya ialah pendekatan situasi. Teori kepimpinan situasi oleh Hersey et al. (2012) adalah berdasarkan tingkah laku tugas dan sokongan sosio-emosi yang merupakan tingkah laku perhubungan yang mesti diberikan oleh seorang pemimpin memandangkan situasi dan tahap kematangan pengikutnya. Teori ini memberi penekanan dalam tingkah laku pemimpin kepada orang bawahan dan bukan kepada pemimpin. Hersey et al. (2012) mencadangkan bahawa pemimpin yang berkesan boleh dan harus menyesuaikan gaya kepimpinan mereka untuk bertindak balas kepada keperluan kitaran hayat pengikut mereka dan kepada persekitaran.

2.3.1 Gaya Kepimpinan Dan Jantina

Khairuzzaman et al. (2012), merumuskan bahawa jantina boleh mempengaruhi gaya kepimpinan yang digemari oleh pengikut. Terdapat perbezaan gaya kepimpinan antara jantina lelaki dan perempuan. Menurut Rohmann & Rowold (2009) lelaki kelihatan lebih berkesan daripada wanita dalam perkembangan gaya kepimpinan jurulatih. Tambahan lagi, Ahmad et al. (2023) menyebutkan bahawa gaya kepimpinan jurulatih demokratik mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi atlet lelaki.

Dapatan ini juga menyokong kenyataan Pilus & Saadan (2009) bahawa aspek penting dalam hubungan jurulatih dan atlet yang baik ialah keupayaan jurulatih untuk memahami setiap atlet sebagai individu dan menyesuaikan gaya kejurulatihan dan perhatiannya agar sesuai dengan keperluan tersebut. Tambahan lagi, dalam beberapa kajian, didapati bahawa atlet lelaki lebih suka jurulatih yang menunjukkan tahap latihan dan pengajaran yang lebih tinggi, demokrasi, sokongan sosial, dan tingkah laku maklum balas positif (Gancho 2022). Sebaliknya, atlet wanita lebih suka jurulatih yang menunjukkan tahap latihan dan arahan dan sokongan sosial yang lebih tinggi (Raja 2019). Selain itu, tingkah laku autokratik jurulatih didapati mempunyai kesan yang signifikan terhadap tahap daya tahan pemain bola tampar, tanpa mengira jantina (Hao-Yue 2022).

Rohmann & Rowold (2009) mengkaji perbezaan tingkah laku kepimpinan yang digemari atlet untuk jurulatih mereka berdasarkan jantina. Jurulatih yang sentiasa memberi motivasi kepada atlet mereka mungkin dapat memberi inspirasi kepada kumpulan pasukan sama ada atlet wanita atau lelaki. Motivasi dan sokongan akan mempengaruhi prestasi atlet yang lebih baik. Tambahan pula, hal ini dapat menyatakan visi masa depan dan menanamkan kepercayaan terhadap jurulatih (Wells & Peachey 2011). Selain itu, jurulatih adalah individu yang boleh membimbing pengikut dengan hubungan interpersonal. Jurulatih mempunyai keseimbangan mereka terhadap atlet wanita dan lelaki dengan hubungan interpersonal mereka yang mungkin menarik perhatian atlet terhadap gaya jurulatih.

Tambahan lagi, terdapat beberapa faktor yang mungkin menyumbang kepada perbezaan dalam hubungan antara atlet lelaki dan perempuan dengan jurulatih. Salah satunya adalah keberanian atlet lelaki yang lebih mudah menampilkan personaliti, berbanding kecenderungan atlet perempuan yang sering merasa malu. Selain itu, tempoh masa yang terlalu singkat mungkin tidak memberi ruang yang cukup kepada atlet perempuan untuk membina hubungan profesional yang erat dengan jurulatih, berbanding atlet lelaki. Faktor seperti usia juga turut mempengaruhi dapatan kajian ini. Atlet lelaki yang berumur dalam lingkungan 13 hingga 16 tahun mungkin telah lebih lama dibimbing atau mengenali jurulatih, menjadikan mereka kurang segan atau takut berbanding atlet perempuan. Kajian oleh Chelladurai et al. (1997) serta Chelladurai &

Salah (1980) menunjukkan bahawa responden atlet lebih besar, lebih matang, dan lebih kompetitif. Kematangan dan tahap kompetitif ini mungkin menyebabkan mereka lebih selesa dengan gaya kepimpinan autokratik dari seorang jurulatih.

2.3.2 Gaya Kepimpinan Dan Jenis Sukan

Nizam Bin Hj Nazarudin et al. (2009) mengenal pasti gaya kepimpinan dan kepuasan pasukan bola keranjang. Kepuasan pemain dan hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih serta atlet dapat digambarkan dengan persepsi jurulatih mereka mempamerkan dan menekankan gaya kepimpinan latihan dan arahan.

Ramzaninezhad et al. (2009) menjalankan kajian tentang gaya kepimpinan dan kesepaduan pasukan liga profesional kelab bola sepak dan mendapati bahawa jurulatih bola sepak mempamerkan lebih tinggi dalam latihan dan arahan dan lebih rendah dalam tingkah laku demokratik. Tambahan lagi, mereka mendapati jurulatih lebih menitikberatkan latihan dan arahan sambil menyatakan keutamaan yang lebih rendah terhadap tingkah laku demokratik.

Ini disokong oleh Alemu & Babu (2012), yang mendedahkan hubungan antara komitmen jurulatih dan pemain kelab bola sepak. Mereka juga merasakan tingkah laku bimbingan latihan dan arahan serta sokongan demokratik dan sosial mempunyai hubungan positif yang signifikan secara statistik.

Keutamaan atlet terhadap tingkah laku gaya kepimpinan mungkin mempengaruhi mereka dari pelbagai fungsi dan ciri-ciri khusus terhadap atlet secara individu. Prestasi atlet dipengaruhi oleh prestasi jurulatih. Keutamaan atlet terhadap gaya jurulatih memberi maklum balas terhadap diri mereka. Interaksi dan hubungan antara jurulatih dan atlet mempengaruhi hasil prestasi atlet (Ahmed & Qazi 2011). Secara relatifnya, kemungkinan atlet lebih suka gaya kepimpinan latihan dan arahan daripada gaya kepimpinan autokratik. Atlet yang memerlukan struktur dan maklumat persekitaran yang tinggi cenderung memilih gaya latihan dan arahan. Atlet jenis ini cenderung memilih tingkah laku yang kurang autokratik daripada jurulatih mereka.

Keutamaan yang lebih besar daripada atlet yang mempunyai impulsif tinggi menunjukkan gaya kepimpinan demokratik berbanding atlet yang lebih rendah dalam impulsif (Horn et al. 2011). Atlet yang lebih mementingkan keberkesanan pasukan menunjukkan gaya kepimpinan jurulatih yang demokratik.

Menjadi pengajar atau jurulatih yang baik adalah profesion untuk berusaha mencapai pencapaian tanpa keraguan (Stockdale 2013). Gaya kepimpinan latihan dan arahan memerlukan jurulatih yang sentiasa berdiri dalam kiraan pasukan dan bukannya berselindung di belakang pasukan. Jurulatih akan menunjukkan kemahiran dan tindakan mereka kepada atlet. Mereka akan meneruskan usaha mereka untuk melatih dan memberi tunjuk ajar untuk memotivasikan dan mengumpulkan para atlet, mendengar, menenangkan dan memberi kata-kata semangat. Mereka akan menyuntik atlet mereka dengan semangat dan tenaga latihan dengan gaya kepimpinan mereka. Jurulatih harus memainkan peranan utama untuk menarik perhatian atlet terhadap gaya kepimpinan kejurulatihan mereka.

Jurulatih yang berkesan boleh menjayakan prestasi atlet kerana kepimpinan latihan dan arahan mempengaruhi prestasi fizikal dan kesejahteraan psikososial (Ramzaninezhad et al. 2009). Kemahiran teknikal dan teknik mungkin memerlukan jurulatih untuk menjadi contoh untuk menarik perhatian atlet. Ini adalah satu cara bagaimana pemimpin memotivasikan atlet untuk mencapai sasaran mereka sendiri (Alemu & Babu 2012).

2.3.3 Gaya Kepimpinan Dan Kepuasan Atlet

Hubungan antara kepuasan kerja dan gaya kepimpinan jurulatih memegang peranan krusial dalam mencapai pencapaian dan kepuasan individu, sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Mohd Kassim Mohd Ibrahim (2003) dan Covin et al. (1997). Oleh itu, pihak-pihak yang terlibat haruslah lebih peka terhadap kepuasan kerja jurulatih, termasuklah aspek persekitaran kerja, pemantauan, kenaikan pangkat, dan pengiktirafan.

Ketika kepuasan kerja jurulatih dipenuhi, dampaknya akan terasa dalam gaya kepimpinan yang diterapkan terhadap atlet, baik secara langsung mahupun tidak

langsung. Aminuddin Yusof (1998), Tan Chin Hung (2001), dan Jin Ho Choi (2006) telah menunjukkan bahawa hubungan antara kepuasan kerja jurulatih dengan gaya kepimpinan yang diamalkan memainkan peranan penting dalam mencapai kejayaan dan kepuasan atlet. Dengan kata lain, keberhasilan jurulatih dalam mencapai kepuasan kerja secara positif akan tercermin dalam gaya kepimpinan yang memberi impak positif kepada pencapaian dan kepuasan atlet.

Tambahan lagi, menurut Robbins dan Rosenfeld (2001), kepuasan kerja timbul apabila keperluan individu telah dipenuhi, dan faktor ini berkaitan dengan tahap kesukaan dan ketidaksukaan yang terkait dengan pihak lain. Manakala Lussier dan Kimball (2004) pula menyatakan bahawa kepuasan kerja merupakan suatu bentuk perasaan dan kepercayaan individu terhadap pekerjaan yang dijalankan. Sebagai contoh, seorang jurulatih yang diberi peluang untuk mengurus dan melatih atlet dengan gaya kepemimpinannya sendiri pasti merasa puas, kerana tindakannya tidak diganggu oleh pihak lain.

Mohd Salleh Aman (2005) juga menyatakan bahawa kepemimpinan melibatkan kemampuan seseorang untuk mencari pengaruh dan tidak hanya terjadi di atas kertas. Kepemimpinan ini mempengaruhi perasaan, kepercayaan, dan tingkah laku individu dalam suatu pasukan (Robinson, 2005). Dapatan kajian ini selari dengan penemuan yang dilaporkan oleh Cakioglu (2003), yang menyatakan situasi yang sama, di mana terdapat kurang penekanan terhadap hubungan antara gaya kepemimpinan dan kepuasan atlet.

2.3.4 Gaya Kepimpinan Dengan Emosi Dan Tingkah Laku

Dalam kajian kepimpinan yang mempertimbangkan emosi, kecerdasan emosi, dan tingkah laku, terdapat penekanan terhadap hubungan yang kompleks antara aspek psikologi dan perilaku seorang pemimpin dengan pencapaian organisasi. Goleman et al. (2002) menegaskan bahawa kecerdasan emosi adalah elemen penting dalam kepimpinan yang berkesan, yang melampaui sekadar pengetahuan dan kemahiran

analitis. Menurut mereka, pemimpin yang mampu mengenali, memahami, dan mengawal emosi baik diri sendiri maupun orang lain dan dapat memberi kesan yang besar dalam memotivasi dan menginspirasi pasukannya.

Pendekatan kepemimpinan transaksional dan transformasional juga menjadi perhatian dalam konteks ini. Bass (1985) menekankan bahawa sementara kepemimpinan transaksional memberi tumpuan kepada pertukaran insentif dan hukuman, kepemimpinan transformasional memfokuskan pada inspirasi dan pembangunan hubungan emosional yang kukuh antara pemimpin dan pengikutnya. George (2000) dalam kajiannya juga mendapati bahawa pemimpin yang berkesan tidak hanya memiliki kecerdasan kognitif, tetapi juga kecerdasan emosi, termasuk kemampuan untuk memahami, mengungkapkan, dan mengawal emosi diri dan orang lain.

Selain itu, dalam kajian tentang kepemimpinan situasional, Yukl (2012) menegaskan kepentingan pemimpin untuk menyesuaikan gaya kepemimpinannya mengikut konteks dan keperluan pasukannya. Ini menunjukkan bahawa pemimpin perlu mempunyai keupayaan adaptif dalam mengendalikan situasi yang melibatkan aspek emosional dan tingkah laku dari ahli pasukannya.

Secara keseluruhan, kajian ini menekankan bahawa kepemimpinan yang berkesan tidak dapat dipisahkan daripada pengurusan emosi dan tingkah laku. Dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai dinamika ini, organisasi dapat membangunkan pemimpin yang mampu membawa perubahan positif dan meningkatkan pencapaian keseluruhan.

2.3.5 Gaya Kepimpinan Dan Kesepaduan Pasukan

Dari aspek sukan, kesepaduan pasukan telah ditakrifkan oleh Carron et al. (1998) sebagai satu proses yang dinamik yang dicerminkan oleh kecenderungan untuk kumpulan bekerjasama dan kekal bersatu dalam mengejar objektif instrumental dan memuaskan keperluan afektif ahli. Jenkins & Alderman (2011), menyatakan bahawa melalui kesepaduan, pasukan dapat membentuk satu ikatan yang membantu ahli-ahli

untuk tujuan bersama-sama atau keperluan emosi ahli-ahli. Kesepaduan telah dikaji secara intensif dan meliputi pelbagai bidang termasuklah bidang sukan (Soldan 2010).

Definisi yang diberi oleh Carron et al. (1998), telah menekankan bahawa kesepaduan itu terdiri daripada dua dimensi utama iaitu kesepaduan berkaitan tugas dan kesepaduan berkaitan sosial. Kesepaduan tugas mewakili sejauh mana ahli-ahli dalam pasukan bertindak dan komited kepada matlamat dan tugas yang sama. Kesepaduan tugas biasanya ditemui dalam kalangan ahli-ahli pasukan yang bersatu pada satu matlamat dengan memberi tumpuan kepada prestasi atau produktif yang menjadi kebimbangan pasukan. Sebaliknya kesepaduan sosial adalah daya tarikan pasukan atau aspek-aspek yang membolehkan sesebuah pasukan menarik orang lain menyertai pasukan tersebut. Kesepaduan sosial yang tinggi ditemui dalam kalangan ahli pasukan yang bergaul dengan baik antara satu sama lain selain objektif utama atau tugas pasukan. Keadaan ini digambarkan apabila persahabatan atau hubungan berlaku dalam kalangan ahli pasukan bukan berdasarkan kepada tugas semata-mata.

Dapatan kajian lampau telah mengaitkan kesepaduan pasukan dengan hasil pasukan iaitu kejayaan terutamanya dalam aktiviti yang memerlukan usaha individu yang dicapai secara bersama-sama. Sebagai contoh, Lan (2010) mendapati kesepaduan pasukan sebagai faktor terpenting yang mempengaruhi kejayaan dalam pasukan bola keranjang peringkat kolej di Taiwan. Menurut Lan (2010), melalui kesepaduan pasukan, ahli pasukan lebih cenderung bertindak sebagai satu pasukan dalam mengejar matlamat dan objektif pasukan.

Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Soldan (2010) mendapati bahawa pasukan yang mempunyai tahap kesepaduan yang tinggi, pasukan mampu memperlihatkan prestasi yang lebih baik daripada pasukan yang rendah tahap kesepaduan dalam kalangan ahli pasukannya. Namun begitu peranan kesepaduan pasukan selalunya akan berubah seiring dengan perubahan dalam budaya berpasukan yang merupakan asas kepada pembentukan pasukan yang harus diikuti oleh semua ahli (Soldan 2010).

Tambahan lagi, Filho et al. (2014) menjalankan meta-analisis berkaitan kesepaduan pasukan. Keputusan kajian mendapati terdapat perhubungan signifikan pada tahap sederhana antara kesepaduan pasukan dan prestasi. Semasa menilai kesepaduan pasukan dari pelbagai tahap, Filho et al. (2014) mendapati kesepaduan sosial mempunyai hubungan positif yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan kesepaduan tugas. Hal ini menunjukkan bahawa, ketika atlet bersaing pada tahap yang berbeza, keinginan untuk mencapai kemenangan atau beraksi dengan penuh semangat secara signifikannya mungkin berbeza mengikut atlet dan secara tidak langsung akan mempengaruhi penilaian atlet terhadap kesepaduan pasukan.


Ringkasnya, dapatan kajian lampau menunjukkan kesepaduan pasukan mendatangkan kesan positif kepada prestasi dan dianggap sebagai pemboleh ubah penting yang telah dikaji secara meluas dalam sukan. Oleh itu, penilaian atlet terhadap penglibatan dirinya dalam pasukan secara tidak langsung memberi maklumat kepada jurulatih tentang kepentingan kesepaduan dan bagaimana kesepaduan mempengaruhi dinamik sesebuah pasukan.

2.4 KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

Kerangka teoritikal adalah merujuk kepada teori-teori yang dijadikan sebagai landasan untuk melaksanakan sesuatu kajian dan juga gambaran dalam menjalankan kajian. Beberapa teori yang terlibat telah digunakan dalam mengkaji permasalahan tentang gaya kepimpinan jurulatih. Terdapat empat teori kepimpinan utama yang digunakan dalam kajian ini seperti gaya kepimpinan autokratik, gaya kepimpinan demokratik, gaya kepimpinan latihan dan arahan, dan gaya kepimpinan sokongan sosial. Kesemua gaya kepimpinan ini digunakan bagi mencari gaya kepimpinan jurulatih pilihan atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Kuala Lumpur.

Dengan memperincikan keempat-empat gaya kepimpinan ini, kajian ini dapat memberikan pandangan yang menyeluruh mengenai keberkesanan masing-masing gaya kepimpinan dalam konteks pembangunan atlet di MSSM, Kuala Lumpur. Analisis yang teliti terhadap gaya kepimpinan jurulatih dapat memberi panduan yang berharga bagi peningkatan program latihan dan prestasi atlet dalam arena sukan sekolah

Malaysia. Dengan demikian, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pentadbir sukan dan jurulatih dalam memilih dan melaksanakan gaya kepemimpinan yang sesuai untuk meningkatkan prestasi atlet di peringkat sekolah.



Rajah 2.1 Kerangka Teorikal Kajian

Berdasarkan kerangka teoritikal kajian di atas, empat teori kepemimpinan utama yang digunakan untuk mengkaji gaya kepemimpinan jurulatih, khususnya di Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Kuala Lumpur. Keempat gaya kepemimpinan tersebut memberikan gambaran teoritikal yang penting dalam meneroka dan memahami bagaimana jurulatih memimpin dan berinteraksi dengan atlet.

Gaya kepemimpinan autokratik adalah pendekatan di mana jurulatih mengambil peranan utama dalam membuat keputusan dan mengarahkan pasukan tanpa banyak penglibatan seseorang atlet. Kepemimpinan demokratik, sebaliknya, menekankan pada keterlibatan atlet dalam proses pengambilan keputusan, mencipta persekitaran yang lebih kolaboratif. Selain itu, gaya kepemimpinan latihan dan arahan menyarankan peranan jurulatih sebagai pengajar dan pemberi arahan teknikal dan taktikal. Jurulatih yang mengamalkan gaya ini memberikan penekanan kepada pembinaan kemahiran teknikal atlet melalui latihan dan arahan yang terarah.

Manakala, gaya kepimpinan sokongan sosial memberi fokus kepada hubungan interpersonal dan sokongan emosi antara jurulatih dan atlet. Jurulatih yang berorientasikan kepada gaya ini berusaha untuk memahami keperluan emosi atlet dan memberikan sokongan yang diperlukan untuk meningkatkan prestasi mereka. Kajian ini menggunakan kerangka teoritikal ini untuk menyelidik dan mengenal pasti gaya kepimpinan yang lebih cenderung dipilih oleh jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Kuala Lumpur. Dengan menyelidiki aspek-aspek ini, kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dan pengaruhnya terhadap prestasi atlet.

2.5 KESIMPULAN


Secara keseluruhannya, dalam bab ini pengkaji telah menerangkan tentang teori-teori gaya kepimpinan yang terdahulu dan kesemua gaya kepimpinan jurulatih yang terlibat dalam kajian. Terdapat empat gaya kepimpinan yang diketengahkan oleh pengkaji dalam kajian ini. Antaranya adalah gaya kepimpinan demokratik, gaya kepimpinan autokratik, gaya kepimpinan sokongan sosial, dan juga gaya kepimpinan latihan dan arahan. Setiap satu gaya kepimpinan jurulatih terdapat kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Selain itu, di dalam setiap gaya kepimpinan kejurulatihan juga terdapat perbezaan pendapat daripada setiap pengkaji terdahulu. Tambahan pula, pengkaji juga telah menerangkan sedikit sebanyak tentang perkaitan pembolehubah dengan gaya kepimpinan seperti jantina, jenis sukan, kepuasan atlet, emosi dan tingkah laku serta kesepaduan pasukan. Tambahan lagi, kerangka konseptual juga menggambarkan aliran gaya kepimpinan jurulatih, pemboleh ubah yang terlibat dan juga akhir sekali membawa kepada gaya kepimpinan jurulatih pilihan atlet.

Pandangan yang berbeza dari pengkaji terdahulu mengenai setiap gaya kepimpinan jurulatih menunjukkan kompleksiti dalam memahami kepelbagaian gaya kepimpinan dalam konteks sukan. Perbezaan pendapat ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor seperti pengalaman praktikal, latar belakang akademik, atau keutamaan individu dalam menjalankan kajian. Pengkaji telah meneliti juga hubungan antara pembolehubah seperti jantina, jenis sukan, kepuasan atlet, emosi dan tingkah laku serta kesepaduan pasukan dengan gaya kepimpinan jurulatih. Ini menunjukkan usaha untuk

menyelidik bagaimana faktor-faktor ini boleh mempengaruhi cara jurulatih memimpin pasukan dan impaknya terhadap prestasi atlet.

Kerangka konseptual kajian yang digambarkan menggambarkan aliran logik di mana gaya kepimpinan jurulatih, pembolehubah yang berkaitan, dan akhirnya pemilihan gaya kepimpinan jurulatih pilihan atlet berinteraksi. Ini membantu memberikan struktur kepada kajian dan memudahkan pemahaman terhadap perhubungan antara faktor-faktor yang dikaji.

Kesimpulannya, bab ini memberikan pendedahan yang komprehensif terhadap teori-teori kepimpinan, mengenalpasti gaya kepimpinan yang diperlukan, dan menyiasat hubungan dengan pembolehubah tertentu. Kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan bermanfaat bagi jurulatih sukan dalam memahami kompleksiti dalam memilih dan mengaplikasikan gaya kepimpinan yang sesuai untuk mencapai prestasi terbaik dalam kalangan atlet.



BAB III

KAEDAH KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Tujuan kajian tertumpu secara khusus kepada gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Kajian ini juga menilai perbezaan gaya kepimpinan jurulatih seperti yang dilihat oleh atlet dari segi jantina dan jenis sukan. Tambahan lagi, perbezaan gaya kepimpinan juga dilihat dari sudut emosi dan tingkah laku atlet serta kesepaduan pasukan. Hal ini boleh membantu atlet dalam meningkatkan prestasi mereka dalam sukan yang diceburi.

Bab ini membentangkan kaedah dan prosedur yang akan dipatuhi dalam menjalankan kajian ini. Perincian juga telah dibuat di bawah bahagian-bahagian berikut seperti reka bentuk kajian, populasi dan persampelan, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan analisis data. Kaedah dan prosedur yang ditetapkan dalam bab ini juga memberikan panduan yang jelas bagi pelaksanaan kajian dengan teliti dan sistematik. Reka bentuk kajian termasuklah pemilihan gaya kepimpinan yang relevan untuk diselidik, serta strategi yang sesuai untuk mengumpul data yang berkaitan dengan persepsi atlet terhadap gaya kepimpinan jurulatih.

Populasi dan persampelan yang dipilih dengan teliti akan memastikan perwakilan yang baik dari pelbagai jantina dan jenis sukan di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Ini penting untuk memastikan kebolehpercayaan dan kebolehkeraan hasil kajian. Instrumen kajian yang digunakan perlu dibangunkan dengan teliti dan diuji kebolehpercayaannya untuk memastikan kesahihan data yang

diperoleh. Proses pengumpulan data harus dilaksanakan dengan teliti dan beretika, memastikan kebolehpercayaan dan kebolehkerjaan hasil kajian.

Namun, bagi menentukan sama ada hasil kajian ini boleh digeneralisasikan kepada atlet di negeri lain, beberapa pertimbangan perlu dibuat. Walaupun atlet MSSM dari Kuala Lumpur bertanding di peringkat kebangsaan, mereka berlatih dalam persekitaran yang mungkin berbeza dari negeri lain, termasuk aspek fasiliti, jurulatih, dan sokongan institusi sukan. Oleh itu, keputusan kajian ini mungkin lebih sesuai menggambarkan situasi kepimpinan jurulatih dalam konteks atlet Kuala Lumpur sahaja, dan bukannya secara menyeluruh untuk atlet di seluruh negara.

Analisis data yang dijalankan dengan cermat akan memberikan pemahaman yang mendalam tentang perbezaan gaya kepimpinan jurulatih dari perspektif atlet, serta hubungannya dengan emosi, tingkah laku, dan kesepaduan pasukan. Hasil kajian yang diperoleh dari prosedur ini diharapkan dapat memberikan panduan yang berguna untuk memperbaiki latihan dan pembangunan atlet dalam konteks MSSM, Kuala Lumpur.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan juga boleh dijalankan menggunakan kajian deskriptif. Kajian ini adalah berkaitan dengan persepsi gaya kepimpinan jurulatih seperti yang diperhatikan oleh atlet. Kajian ini juga adalah mengenai gaya kepimpinan jurulatih yang boleh meningkatkan prestasi atlet. Kajian ini dikategorikan sebagai kajian deskriptif kerana data yang dikumpul adalah daripada keseluruhan populasi dan statistik asas.

Soal selidik yang ditadbir sendiri dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A mengumpul data mengenai demografi atau data peribadi. Bahagian B adalah berkaitan dengan gaya kepimpinan jurulatih. Bagi Bahagian B pula, item tersebut telah diterima pakai daripada kajian Chelladurai & Saleh (1980) di dalam kajiannya yang bertajuk '*Dimension of leader behavior in sports: development of leadership scale*'. Tambahan pula, terdapat juga soal selidik berkaitan kesepaduan pasukan yang diambil daripada "*Development of a Cohesion Questionnaire for Youth: The Youth Sport Environment Questionnaire*" (2009). *Kinesiology and Physical Education Faculty*

Publications. 3. Seterusnya diikuti dengan soal selidik berkaitan kesepaduan pasukan daripada "*Development of a Cohesion Questionnaire for Youth: The Youth Sport Environment Questionnaire*" (2009). Kinesiology and Physical Education Faculty Publications. 3. Tambahan lagi, bahagian seterusnya melibatkan soal selidik berkaitan emosi dan tingkah laku daripada *Behavioral Emotion Regulation Questionnaire (BERQ)* dan terakhir soal selidik berkaitan pencapaian tahap kepuasan atlet daripada *Athlete Satisfaction Questionnaire (ASQ)*.

3.3 POPULASI DAN PERSAMPELAN KAJIAN

Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada atlet-atlet yang mewakili Kuala Lumpur dalam pertandingan peringkat kebangsaan. Oleh kerana saiz populasi atlet yang besar, pengkaji menggunakan prosedur persampelan rawak mudah bagi memastikan setiap atlet mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Pemilihan atlet Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dari Kuala Lumpur adalah berasaskan beberapa faktor, termasuk kemudahan akses kepada data, kebenaran daripada pihak berkaitan, serta keperluan untuk mengekalkan fokus kajian dalam satu kawasan yang lebih terkawal.

Menurut Chua (2011), prosedur persampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden. Dalam kajian ini, jadual daripada Krejcie dan Morgan akan digunakan sebagai garis panduan.

Bagi kajian ini, prosedur persampelan rawak mudah membolehkan penerokaan dan penyiasatan gaya kepimpinan jurulatih seperti yang dirasakan oleh atlet di Majlis Sukan sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Terdapat 500 orang atlet yang akan mewakili Kuala Lumpur di dalam pertandingan di peringkat Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) di dalam beberapa sukan yang terpilih. Sebanyak 223 responden di ambil bagi memenuhi garis panduan yang dinyatakan di dalam jadual daripada Krejcie dan Morgan. Kaedah ini juga bagi memastikan sampel yang dipilih mewakili populasi atlet secara adil. Saiz sampel yang ditentukan membolehkan analisis data yang lebih tepat dalam mengenal pasti persepsi atlet terhadap gaya kepimpinan jurulatih.

3.4 GARISAN MASA

Merujuk kepada garisan masa untuk pungutan data, pengkaji mengambil kira takwim kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) 2023. Di dalam takwim MSSM 2023, semua acara sukan dijadualkan bermula pada akhir bulan Ogos sehingga akhir bulan Oktober. Jadi, pengkaji mengambil masa ini untuk membuat pungutan data seiring dengan fokus kepada atlet yang mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke peringkat kebangsaan. Tambahan lagi, disertakan juga takwim kejohanan Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MSSWPKL) untuk rujukan pengkaji dalam pengurusan sukan-sukan yang terlibat untuk tujuan kajian.

Pada permulaannya, pengkaji akan memulakan persediaan awal dari awal hingga akhir Julai, termasuk penyelidikan awal, pembinaan borang soal selidik, dan pemeriksaan prosedur etika penyelidikan. Kemudian, pada akhir Ogos hingga awal November, pengumpulan data akan berlaku melalui kontak awal dengan pihak MSSWPKL dan MSSM 2023 serta melalui soal selidik dengan atlet-atlet yang mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Proses pengumpulan data juga akan melibatkan pemantauan prestasi dan pencapaian atlet dalam MSSM 2023. Setelah data terkumpul, analisis data akan dilakukan pada akhir November hingga awal Disember, termasuk penyusunan, analisis, dan interpretasi data. Pada Disember hingga awal Januari, pengkaji akan menulis laporan kajian dan melakukan penyemakan semula oleh penyelia atau panel pakar. Penyampaian hasil kajian akan dilakukan pada akhir Januari. Selain itu, sepanjang tempoh kajian, pengkaji juga akan menyelaraskan aktiviti pungutan data dengan takwim MSSWPKL untuk memastikan pengurusan masa yang efisien. Dengan garis masa ini, pengkaji dapat melaksanakan pungutan data mereka secara teratur dan efektif, sambil memastikan kesesuaian dengan jadual kejohanan dan aktiviti sukan yang terlibat.

3.5 JENIS-JENIS INSTRUMEN KAJIAN

Item daripada set soal selidik yang dibangunkan oleh (Chelladurai & Saleh 1980) telah diterima pakai dan disesuaikan dengan kajian ini dalam meneroka gaya kepimpinan jurulatih seperti yang dirasakan oleh atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Tambahan pula, penyesuaian instrumen LSS kepada konteks Malaysia

dilakukan bagi memastikan ia lebih relevan dengan budaya dan struktur latihan sukan tempatan. Perubahan dilakukan dalam aspek bahasa supaya soal selidik lebih mudah difahami oleh atlet Malaysia, serta memastikan soalan yang digunakan mencerminkan norma kepimpinan yang lebih sesuai dengan ekosistem sukan di negara ini. Selain itu, elemen kepimpinan yang berkaitan dengan persekitaran latihan di MSSM turut dipertimbangkan bagi memastikan dapatan kajian menggambarkan pengalaman sebenar atlet dalam menerima bimbingan daripada jurulatih mereka. Dengan penyesuaian ini, LSS dapat memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai bagaimana gaya kepimpinan jurulatih memberi kesan kepada atlet di MSSM, Kuala Lumpur, serta membantu dalam menilai keberkesanan pendekatan kepimpinan dalam konteks sukan sekolah di Malaysia.

Dalam kajian ini, soal selidik terbahagi kepada beberapa bahagian mengikut kriteria masing-masing. Bahagian A mengandungi dua item demografi yang menganalisis latar belakang demografi responden iaitu jantina dan penglibatan sukan. Bahagian B mengandungi empat komponen yang memfokuskan kepada gaya kepimpinan jurulatih terhadap atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Terdapat 35 item yang melibatkan empat komponen utama dalam gaya kepimpinan jurulatih. Semua item dinilai menggunakan format skala likert (sentiasa, selalu, sesekali, jarang, dan tidak pernah).

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik *Leadership Scale for Sports* (Chelladurai & Saleh 1980) yang terdiri daripada 35 soalan berskala likert. Instrumen ini menguji 4 dimensi gaya kepimpinan jurulatih iaitu dimensi latihan dan arahan (13 soalan), dimensi demokratik (9 soalan), dimensi autokratik (5 soalan) dan dimensi sokongan sosial (8 soalan). Nilai kesahan soal selidik ini antara .59 sehingga .85 manakala kebolehpercayaan soal selidik pula antara .75 sehingga .90 (Chelladurai & Saleh 1980) dan (Rengasamy et al. 2013).

Tambahan lagi kepada soal selidik tersebut, untuk bahagian C pengkaji menggunakan soal selidik berkaitan kesepaduan pasukan yang diambil daripada "*Development of a Cohesion Questionnaire for Youth: The Youth Sport Environment Questionnaire*" (2009). *Kinesiology and Physical Education Faculty Publications*. 3.

Terdapat 18 item yang terbahagi kepada 3 aspek utama iaitu item kesepaduan tugas, item kesepaduan sosial, dan juga item negative palsu. Soal selidik ini juga khusus untuk remaja berumur 13 – 17 tahun. Tambahan pula, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2008) menggunakan istilah remaja dan belia secara bergantian untuk menggambarkan individu yang berumur antara 13 dan 18 tahun. Demi untuk penjelasan, kajian semasa menggunakan istilah remaja untuk merujuk kepada mereka yang berumur antara 13 dan 17 tahun dengan cara yang sama seperti yang dikatakan oleh (Fraser-Thomas & Côté 2006).

Selain itu, bahagian D pula melibatkan soal selidik tentang emosi dan tingkah laku atlet. Soal selidik ini diambil daripada *Behavioral Emotion Regulation Questionnaire*. Soal selidik ini menilai gaya tingkah laku atau strategi seseorang dalam bertindak balas kepada stress untuk mengawal emosi. Tambahan lagi, soal selidik ini juga boleh dijalankan kepada individu yang berumur 12 tahun dan ke atas. Terdapat 20 item di dalam soal selidik ini yang diukur menggunakan skala likert.

Seterusnya, untuk bahagian E, pengkaji menggunakan *Athlete Satisfaction Questionnaire (ASQ)* bagi menguji tahap kepuasan atlet yang menjurus kepada penilaian tahap pencapaian atlet itu sendiri. Di dalam soal selidik ini terdapat 15 item yang menggunakan skala likert dalam menilai setiap satu item tersebut. Pilihan skor bermula daripada 1 (Sangat Tidak Setuju) sehingga 5 (Sangat Setuju).

3.6 KAJIAN RINTIS

Satu kajian rintis telah dijalankan bagi tujuan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang akan digunakan dalam kajian ini serta memberi panduan awal kepada pengkaji terhadap kebolehlaksanaan sesuatu kajian sebelum menjalankan kajian sebenar. Kajian rintis ini juga bertujuan untuk menentukan nilai Cronbach Alpha yang mewakili konsistensi bagi setiap item dalam soal selidik. Seramai 50 orang responden digunakan dalam kajian rintis ini yang mencakupi kriteria yang sebenar sebelum soal selidik ini digunakan dalam kajian yang sebenar. Jadual 1 menunjukkan nilai Cronbach Alpha bagi semua item soal selidik dalam kajian ini adalah .957.

Cronbach's Alpha	N of Items
.957	88

Jadual 3.1: Statistik Kebolehpercayaan

Hasil kajian rintis ini memberikan pandangan awal yang penting terhadap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang akan digunakan dalam kajian utama. Dengan melibatkan 50 responden yang mencerminkan kriteria sebenar yang akan dikenakan dalam kajian sebenar, kajian rintis ini memberi keyakinan kepada pengkaji bahawa instrumen soal selidik telah diuji dengan baik dan memberikan data yang konsisten.

Nilai Cronbach Alpha yang diperoleh sebanyak .957 menunjukkan tahap konsistensi yang sangat tinggi di antara item-item dalam soal selidik tersebut. Ini menandakan bahawa semua item dalam soal selidik mengukur konstruk yang sama dengan cara yang konsisten. Dengan demikian, hasil ini memberikan keyakinan kepada pengkaji bahawa instrumen soal selidik yang digunakan adalah valid dan boleh dipercayai untuk mengukur konstruk yang dikehendaki dalam kajian.

Dengan mempertimbangkan hasil kajian rintis ini, pengkaji dapat melanjutkan dengan keyakinan dalam menjalankan kajian utama, dengan keyakinan bahawa instrumen soal selidik yang digunakan telah terbukti sah dan konsisten dalam mengukur konstruk yang ingin diteliti. Ini memberikan landasan yang kukuh bagi pelaksanaan kajian sebenar, serta memberikan panduan awal kepada pengkaji dalam menilai kebolehlaksanaan dan hasil kajian yang akan diperoleh.

3.7 PROSES PENGUMPULAN DATA

Sebelum borang soal selidik diagihkan kepada responden di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur, beberapa langkah telah diambil untuk memastikan kajian berjalan lancar dan berkualiti untuk dipertimbangkan dengan teliti. Langkah-langkah yang telah diambil termasuklah mendapatkan kebenaran daripada pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan atlet untuk menjalankan kajian, serta

memberikan taklimat ringkas kepada responden sebelum mereka menjawab soal selidik. Dalam taklimat tersebut, pengkaji telah menjelaskan dengan terperinci tujuan kajian, prosedur yang akan dijalankan, serta butiran tentang setiap bahagian dalam soal selidik. Hal ini penting untuk memastikan responden memahami dengan jelas tentang apa yang diharapkan daripada mereka dan bagaimana mereka boleh menyumbang kepada kajian ini. Pengkaji juga memberi jaminan kerahsiaan kepada responden dengan menekankan bahawa pengenalan mereka tidak akan didedahkan dan mereka tidak perlu menulis nama mereka pada soal selidik.

Selain itu, untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan soal selidik dalam Bahasa Malaysia, pengkaji telah mendapatkan pandangan daripada pakar bahasa bagi tujuan pengesahan dan pembetulan. Langkah ini penting untuk memastikan bahawa terjemahan soal selidik adalah tepat dan betul, dan dapat difahami dengan jelas oleh responden yang mungkin tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama mereka.

Tambahan lagi, untuk menjalankan kajian di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), penyelidik perlu mendapatkan kebenaran rasmi dan mengikuti prosedur yang telah ditetapkan. Proses ini bermula dengan penyediaan proposal kajian yang lengkap, termasuk tajuk, objektif, metodologi, serta kepentingan kajian terhadap dasar pendidikan negara. Selain itu, penyelidik juga perlu mendapatkan kelulusan daripada jawatankuasa etika penyelidikan di institusi masing-masing, jika berkaitan. Setelah proposal kajian disiapkan, penyelidik perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia melalui BPPDP. Permohonan ini boleh dilakukan secara dalam talian atau melalui surat rasmi, disertakan dengan dokumen sokongan seperti surat permohonan daripada institusi, proposal kajian yang telah diluluskan, dan dokumen berkaitan lain. Pihak BPPDP akan menilai permohonan berdasarkan kepentingan kajian, kesesuaian dengan dasar pendidikan, serta kepatuhan kepada garis panduan penyelidikan KPM. Tambahan lagi, sebelum proses pengagihan kepada responden dijalankan, penyelidik terlebih dahulu perlu mendapatkan kebenaran rasmi daripada KPM melalui BPPDP bagi memastikan kajian yang dijalankan selaras dengan

peraturan dan dasar yang ditetapkan. Kebenaran ini amat penting kerana ia memberi laluan kepada penyelidik untuk mengakses sekolah-sekolah atau institusi pendidikan yang terlibat dalam kajian. Setelah semuanya selesai dan mendapat kelulusan, barulah penyelidik boleh meneruskan tindakan seterusnya, termasuk menghubungi pihak sekolah, mengatur sesi kajian, serta memastikan pematuhan kepada garis panduan etika penyelidikan. Sepanjang proses kajian, penyelidik bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan responden serta mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh BPPDP. Sebagai langkah akhir, setelah kajian selesai, penyelidik perlu menyerahkan laporan akhir kepada BPPDP sebagai sebahagian daripada syarat kebenaran. Laporan ini penting bagi membantu KPM dalam menilai serta memperkukuhkan dasar pendidikan berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan. Oleh itu, penyelidik harus memastikan bahawa setiap langkah dalam proses ini dipatuhi dengan teliti bagi memastikan kelancaran kajian serta pematuhan kepada dasar dan peraturan yang ditetapkan oleh KPM.

Setelah semua langkah ini dilaksanakan dengan cermat, borang soal selidik diagihkan kepada responden. Responden diberi masa kira-kira 10 minit untuk melengkapkan soal selidik tersebut. Selepas itu, borang soal selidik dikumpul secara teratur untuk analisis lanjut. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah yang sesuai bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Dapatan kajian ini bukan sahaja dapat memberikan gambaran jelas mengenai gaya kepimpinan jurulatih tetapi juga membantu dalam merangka strategi peningkatan prestasi atlet secara lebih sistematik. Dengan mengambil langkah-langkah yang teliti dan berhati-hati ini, diharapkan kajian ini akan memberikan maklumat yang bernilai dan berkualiti untuk memahami isu-isu berkaitan dengan kepimpinan dalam konteks atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur.

3.8 TATACARA ANALISIS DATA

Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* atau juga dikenali sebagai IBM SPSS. Daripada data tersebut, statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti jenis-jenis gaya kepimpinan dalam kalangan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur.

Kajian ini akan menggunakan beberapa ujian statistik untuk menganalisis data yang diperoleh dan memastikan dapatan kajian lebih objektif serta bermakna dalam konteks kepimpinan sukan. Ujian-T digunakan untuk mengkaji perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina. Ujian ini membantu menentukan sama ada jurulatih lelaki dan wanita mempunyai pendekatan kepimpinan yang berbeza dalam membimbing atlet. Sekiranya hasil ujian-T menunjukkan perbezaan signifikan, ini bermakna terdapat kecenderungan tertentu dalam gaya kepimpinan berdasarkan jantina. Sebagai contoh, jika jurulatih lelaki lebih cenderung kepada gaya autokratik, manakala jurulatih wanita lebih mengamalkan demokratik atau sokongan sosial, implikasi ini penting bagi organisasi sukan dalam merangka strategi latihan yang lebih seimbang dan efektif mengikut keperluan atlet.

Selain itu, kajian ini menggunakan ANOVA (*Analysis of Variance*) untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jenis sukan. Analisis ini membolehkan perbandingan antara jurulatih dari sukan individu dan sukan berpasukan. Sebagai contoh, jika hasil ANOVA menunjukkan bahawa jurulatih sukan individu lebih menekankan latihan dan arahan teknikal, manakala jurulatih sukan berpasukan lebih mengutamakan sokongan sosial dan kesepaduan pasukan, dapatan ini dapat membantu dalam merangka modul latihan kepimpinan yang lebih bersesuaian dengan keperluan setiap jenis sukan.

Selain itu, kajian ini juga menggunakan korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet, emosi dan tingkah laku atlet, serta kesepaduan pasukan. Jika korelasi yang tinggi ditemui antara gaya kepimpinan demokratik dengan tahap kepuasan dan kesepaduan pasukan, ini menunjukkan bahawa pendekatan kepimpinan yang lebih terbuka dan memberi peluang kepada atlet untuk menyuarakan pendapat boleh meningkatkan hubungan dalam pasukan. Sebaliknya, jika terdapat korelasi negatif antara gaya autokratik dengan emosi dan kepuasan atlet, ini mungkin menunjukkan bahawa pendekatan kepimpinan yang terlalu tegas boleh memberi kesan terhadap motivasi dan kesejahteraan atlet.

Makna praktikal daripada dapatan statistik ini adalah penting bagi jurulatih, pengurus sukan, dan pembuat dasar dalam memahami dan menyesuaikan pendekatan kepimpinan berdasarkan keperluan atlet dan jenis sukan. Dapatan ini boleh digunakan

untuk membangunkan program latihan kepimpinan yang lebih berstruktur, memastikan keseimbangan antara gaya kepimpinan yang sesuai, serta memperbaiki hubungan antara jurulatih dan atlet bagi meningkatkan prestasi keseluruhan. Oleh itu, bukan sahaja analisis statistik yang ditekankan dalam kajian ini, tetapi juga bagaimana dapatan tersebut boleh diterjemahkan ke dalam praktik kepimpinan sukan bagi manfaat atlet dan pembangunan sukan secara keseluruhan.

3.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya dalam bab 3 kajian ini, terdapat beberapa aspek penting yang telah dikenalpasti. Pertama, penekanan diberikan kepada penerangan mengenai metodologi kajian. Pengkaji telah dengan jelas menyajikan rancangan dan kaedah kajian yang akan digunakan, memberikan pembaca gambaran yang komprehensif mengenai struktur penyelidikan. Ini termasuk aspek-aspek seperti pemilihan sampel, penggunaan instrumen kajian, dan garis masa kajian yang dibentuk mengikut takwim sukan dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Kedua, perincian mengenai populasi dan sampel turut diberikan dengan jelas. Pengkaji menyenaraikan kriteria pemilihan atlet-atlet yang mewakili Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) di peringkat kebangsaan, memberikan penjelasan mengenai konteks kajian.

Selain itu, pengkaji turut menekankan kepentingan instrumen kajian dengan merujuk kepada sumber-sumber yang digunakan untuk menyusun soal selidik. Ini menunjukkan keselarasan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian. Terakhir, bab ini juga menyentuh proses pengumpulan dan analisis data. Penerangan yang terperinci diberikan mengenai bagaimana data akan dikumpulkan dari responden, dan pengkaji juga memberikan gambaran tentang kaedah analisis yang akan digunakan untuk mendapatkan hasil kajian.

Tambahan lagi, perincian yang komprehensif mengenai populasi dan sampel memberikan kejelasan terhadap konteks kajian serta kriteria-kriteria yang digunakan untuk memilih responden yang sesuai. Hal ini penting bagi memastikan kebolehpercayaan dan kebolehkerjaan data yang diperoleh. Kepentingan instrumen kajian yang disusun dengan teliti juga ditekankan, menunjukkan keselarasan dan kebolehpercayaan dalam alat ukur yang digunakan untuk mengumpulkan data. Ini

memberikan keyakinan kepada pembaca bahawa data yang diperoleh adalah relevan dan sahih.

Penekanan terakhir pada proses pengumpulan dan analisis data menyempurnakan keseluruhan metodologi kajian. Penjelasan yang terperinci mengenai langkah-langkah yang akan diambil dalam proses ini memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca tentang bagaimana data akan diperoleh, diurus, dan dianalisis. Secara keseluruhannya, di dalam bab 3 ini menyajikan ringkasan yang komprehensif mengenai aspek-aspek penting dalam metodologi kajian, memberikan pembaca pemahaman yang jelas mengenai pelaksanaan kajian yang akan dilakukan.



BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian yang telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*. Analisis data menggunakan perisian SPSS memainkan peranan penting dalam menggambarkan dan menginterpretasikan hasil kajian mengenai gaya kepimpinan jurulatih terhadap atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Data yang diperolehi daripada responden, yang terdiri daripada atlet dalam pelbagai sukan tumpuan di Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MSSWPKL), telah diproses dan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Kajian yang dijalankan ini juga adalah untuk meneroka gaya kepimpinan jurulatih terhadap atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur.

Tambahan lagi, dalam bab ini juga adalah penting bagi pengkaji untuk mendapatkan keputusan sama ada terdapat perbezaan atau hubungan yang signifikan atau pun sebaliknya terhadap pemboleh ubah yang dikaji. Jadi, data analisis yang diperolehi digunakan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibina. Analisis deskriptif telah digunakan untuk menerangkan dan merumuskan ciri-ciri utama data bagi memberikan gambaran umum tentang gaya kepimpinan jurulatih yang diamati. Analisis inferensi pula digunakan untuk menguji hipotesis dan menjawab persoalan kajian yang telah dibina.

Selain itu juga, hasil analisis data digunakan untuk menyimpulkan sama ada terdapat perbezaan atau hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah yang dikaji. Contohnya, pengkaji mungkin menggunakan ujian-t untuk membandingkan purata skor

bagi setiap gaya kepimpinan di antara kumpulan atlet yang berbeza, atau menggunakan ujian korelasi Pearson untuk mengkaji hubungan antara gaya kepimpinan dan prestasi atlet. Hasil analisis ini akan digunakan untuk memberikan jawapan terhadap persoalan-persoalan kajian yang telah dirumuskan sebelum ini.

Secara keseluruhan, bab ini merupakan penting dalam mengeksplorasi, menerangkan, dan menginterpretasikan dapatan kajian berdasarkan data yang diperolehi, dengan tujuan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian dan memberikan sumbangan kepada pemahaman tentang pengaruh gaya kepimpinan terhadap prestasi atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur.

4.2 UJIAN NORMALITI

Sebelum menjalankan analisis inferensi, adalah penting untuk melakukan ujian normaliti ke atas set data yang diperolehi (Das & Imon (2016). Dalam konteks ini, penyelidik melakukan ujian normaliti untuk menilai sama ada data tersebut mengikut taburan normal atau sebaliknya. Menurut Chua (2014), langkah ini menjadi kritikal dalam menentukan jenis analisis yang sesuai sepertimana analisis parametrik digunakan sekiranya data bertaburan secara normal, manakala analisis bukan parametrik digunakan sekiranya data tidak menunjukkan taburan normal. Tambahan lagi, Chua (2014) juga menekankan bahawa keputusan mengenai normaliti data dapat diperolehi menerusi nilai ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk. Pemahaman terhadap kesahihan statistik dalam menilai normaliti data adalah kunci untuk memastikan analisis yang dilakukan memenuhi prasyarat yang diperlukan.

Jadual 4.1 : Ujian Normaliti Kolmogorov-Smirnov

	Kolmogorov-Smirnov		
	Statistik	df	Sig.
Gaya Kepimpinan Jurulatih	.054	223	.200*
Kepuasan Atlet	.059	223	.061
Emosi Dan Tingkah Laku	.055	223	.093
Kesepaduan Pasukan	.054	223	.200*

*. *This is a lower bound of the true significant.*

Berdasarkan Jadual 4.1, ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov digunakan oleh kerana jumlah responden adalah 223 orang atlet di mana melebihi 50 orang. Hal ini kerana, ujian normaliti data ini bergantung kepada jumlah responden, jika kurang daripada 50 orang perlu menggunakan Shapiro-Wilk manakana jika lebih 50 orang adalah menggunakan Kolmogorov-Smirnov. Hasil dapatan daripada ujian normaliti ini menunjukkan pemboleh ubah telah bertaburan secara normal, $p > 0.05$. Keputusan ini menandakan bahawa data tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dari distribusi normal. Oleh itu, penggunaan ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov dalam konteks ini sesuai dan memberikan keyakinan terhadap normaliti taburan data yang dikumpul.

Jadual 4.2 : Ujian Skewness Dan Kurtosis

	N	Skewness	Kurtois
Gaya Kepimpinan Jurulatih	223	-.050	1.853
Kepuasan Atlet	223	.218	2.101
Emosi Dan Tingkah Laku	223	.131	2.148
Kesepaduan Pasukan	223	-.122	.771

Berdasarkan Jadual 4.2, data ujian skewness dan kurtosis ini menunjukkan distribusi normal secara statistik kerana skewness dan kurtosis tidak terlalu ekstrem. Pembahagian data mendekati normal kerana nilai-nilai skewness dan kurtosis berada dalam lingkungan yang dapat diterima untuk distribusi normal. Oleh itu, kesimpulan yang dapat dibuat adalah data yang dikumpulkan dalam kajian ini menunjukkan ciri-ciri normal secara statistik.

Dengan memperoleh keputusan ini, pengkaji telah membuat keputusan untuk menggunakan ujian parametrik dalam analisis terhadap pemboleh ubah dalam kajian ini. Pilihan untuk menggunakan ujian parametrik adalah berasaskan pada perkiraan bahawa data yang dianalisis mengikut distribusi normal, dan keputusan analisis skewness dan kurtosis menyokong kestabilan normaliti dalam dataset tersebut.

4.3 ANALISIS STATISTIK DESKRIPTIF JANTINA DAN JENIS SUKAN

Analisis statistik deskriptif jantina melibatkan perincian dan penganalisan data berdasarkan perbezaan antara individu lelaki dan perempuan. Pada umumnya, analisis ini bertujuan untuk menyediakan gambaran yang jelas tentang ciri-ciri statistik utama yang berkaitan dengan jantina dalam kumpulan data yang dikaji.

Dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif, kita dapat mengukur data seperti purata, median, dan mod untuk setiap jantina. Selain itu, analisis ini turut melibatkan penerangan terperinci mengenai sebaran data seperti julat, varians, dan sisihan piawai bagi setiap kumpulan jantina. Namun begitu pengkaji hanya memasukkan data yang diperlukan dalam kajian ini sahaja.

Hasil analisis statistik deskriptif jantina dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang perbezaan atau persamaan antara lelaki dan perempuan dalam konteks data yang dikumpulkan dan dapat membantu pengkaji untuk membuat inferens dan kesimpulan yang lebih sahih.


Jadual 4.3 : Jantina Atlet Lelaki Dan Perempuan

		Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sah	Perempuan	97	43.5	43.5	43.5
	Lelaki	126	56.6	56.5	100.0
	Jumlah	223	100.0	100.0	

Berdasarkan dapatan daripada soal selidik, seramai 223 orang atlet yang telah mewakili Kuala Lumpur ke pertandingan peringkat kebangsaan iaitu Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) pada tahun 2023 telah memberikan maklum balas. Mereka terdiri daripada 126 orang atlet lelaki dan 97 orang atlet perempuan yang berumur antara 13 hingga 18 tahun. Jadi berdasarkan statistik dalam jadual 4.3, atlet lelaki seramai 56.50 peratus manakala atlet perempuan pula 43.50 peratus. Perbezaan dalam 13% antara atlet lelaki dan wanita dalam sampel kajian boleh memberi implikasi kepada persoalan kajian, terutama jika kajian ini meneliti gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina atlet atau persepsi atlet terhadap kepimpinan jurulatih. Namun, jika

kajian ini menggunakan analisis statistik seperti ujian-T untuk membandingkan persepsi atlet lelaki dan perempuan secara berasingan, ketidakseimbangan ini mungkin tidak menjadi isu besar. Walau bagaimanapun, bagi memastikan dapatan yang lebih seimbang dan mewakili populasi dengan lebih baik, penyelidik boleh mempertimbangkan menggunakan teknik pensampelan yang lebih seimbang atau melakukan analisis statistik yang mengambil kira perbezaan saiz sampel seperti pembetulan berat (*weighting adjustment*) bagi menormalkan hasil kajian.

Analisis demografi ini adalah penting untuk memahami komposisi jantina atlet yang terlibat dalam kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), dan perincian ini akan menjadi asas untuk melihat perbezaan dan hubungannya dengan gaya kepimpinan jurulatih.



Rajah 4.1 : Carta Pie Jantina Atlet


Manakala analisis statistik deskriptif jenis sukan melibatkan penelitian data yang berkaitan dengan ciri-ciri utama setiap jenis sukan dalam satu kumpulan data. Tujuan analisis ini adalah untuk menyediakan gambaran yang sistematik dan terperinci mengenai statistik bagi setiap jenis sukan yang dikaji. Analisis ini membantu dalam membentuk pemahaman yang holistik tentang kecenderungan atau perbezaan statistik

antara jenis sukan, memberikan landasan yang kukuh untuk penilaian dan perbandingan yang lebih mendalam.

Jadual 4.4 : Jenis Sukan Yang Disertai Atlet

		Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sah	Bola Sepak	31	13.9	13.9	13.9
	Bola Baling	31	13.9	13.9	27.8
	Bola Jaring	32	14.3	14.3	42.2
	Olahraga	31	13.9	13.9	56.1
	Sofbol	31	13.9	13.9	70.0
	Badminton	32	14.3	14.3	84.3
	Lain-Lain	35	15.7	15.7	100.0
	Jumlah	223	100.0		

Berdasarkan Jadual 4.4 di atas, seramai 223 orang atlet itu terbahagi kepada beberapa sukan yang terpilih dimana jenis sukan ini adalah sukan tumpuan di Majlis Sukan Sekolah Kuala Lumpur (MSSWPKL). Terdapat beberapa sukan yang terpilih dalam kajian ini seperti bola sepak, bola baling, bola jaring, olahraga, sofbol, dan badminton serta lain-lain sukan yang terdiri daripada sukan seperti memanah dan ragbi. Berdasarkan statistik yang telah diterima, peratus untuk setiap sukan tersebut adalah hampir sekata dengan 13.90 peratus hingga 15.70 peratus.



Rajah 4.2 : Carta Pie Sukan Yang Diwakili Atlet

4.4 ANALISIS STATISTIK DESKRIPTIF GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DI MAJLIS SUKAN SEKOLAH KUALA LUMPUR

Analisis statistik deskriptif mengenai gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Kuala Lumpur merupakan suatu penyelidikan yang memberikan pencerahan mendalam tentang ciri-ciri utama dan corak tingkah laku pemimpin sukan di Kuala Lumpur. Dengan menggunakan kaedah ini, kita dapat meneroka dan merincikan data statistik berkaitan dengan gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih, memberikan gambaran yang terperinci tentang pendekatan dan corak tingkah laku pemimpin dalam konteks latihan sukan.

Penekanan analisis ini termasuklah pemahaman terhadap pemilihan kaedah kepimpinan, tahap penglibatan jurulatih, dan respons atlet terhadap gaya kepimpinan yang diamalkan. Hasil analisis statistik deskriptif ini bukan sahaja memberikan pandangan menyeluruh mengenai corak kepimpinan di Majlis Sukan Sekolah Kuala Lumpur, tetapi juga memberikan gambaran terhadap setiap keputusan dan pembangunan program yang lebih berkesan.

Jadual 4.5 : Analisis Deskriptif Gaya Kepimpinan Jurulatih.

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Latihan Dan Arahan	223	29.00	65.00	55.7713	7.13
Demokratik	223	13.00	45.00	29.6906	6.07
Sokongan Sosial	223	11.00	40.00	28.1121	5.75
Autokratik	223	5.00	25.00	11.2197	4.35

Hasil analisis statistik deskriptif ini menunjukkan variasi yang agak ketara dalam respons yang diberikan oleh responden terhadap empat gaya kepimpinan jurulatih yang diperhatikan. Untuk gaya kepimpinan jurulatih "Latihan dan Arahan," nilai julat dari 29.00 hingga 65.00 menggambarkan variasi luas dalam gaya kepimpinan jurulatih latihan dan arahan, dengan min adalah 55.77 dan sisihan piawai 7.13. Gaya kepimpinan jurulatih "Autokratik" mempunyai nilai julat dari 5.00 hingga 25.00, dengan min 11.22 dan sisihan piawai 4.35, menunjukkan variasi yang agak rendah. Seterusnya gaya kepimpinan jurulatih "Demokratik" menunjukkan nilai julat antara

13.00 hingga 45.00, dengan min 29.69 dan sisihan piawai 6.07, menunjukkan variasi yang sederhana. Sementara itu, tahap gaya kepimpinan jurulatih "Sokongan Sosial" mempunyai nilai julat antara 11.00 hingga 40.00, dengan min sekitar 28.11 dan sisihan piawai sekitar 5.75, menunjukkan variasi dalam gaya kepimpinan jurulatih sokongan sosial. Dengan jumlah N sah sebanyak 223, analisis ini memberikan gambaran menyeluruh tentang taburan dan ciri-ciri untuk setiap gaya kepimpinan jurulatih.

Jadual 4.6 : Analisis Kedudukan Gaya Kepimpinan Jurulatih Pilihan Atlet

Kedudukan	Gaya Kepimpinan Jurulatih Pilihan Atlet
1	Gaya Kepimpinan Latihan Dan Arahan
2	Gaya Kepimpinan Demokratik
3	Gaya Kepimpinan Sokongan Sosial
4	Gaya Kepimpinan Autokratik

Jadual 4.6 seterusnya di atas menunjukkan analisis deskriptif mengikut kedudukan dalam gaya kepimpinan jurulatih pilihan atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan atlet lebih terarah kepada gaya kepimpinan latihan dan arahan dan diikuti gaya kepimpinan demokratik serta gaya kepimpinan sokongan sosial. Manakala yang terakhir adalah gaya kepimpinan autokratik yang kurang menjadi pilihan para atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur.

4.5 ANALISIS GAYA KEPIMPINAN JURULATIH BERDASARKAN JANTINA

Persoalan kajian b : Adakah terdapat perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur dengan jantina? Bagi menjawab persoalan ini, terdapat satu hipotesis nul yang telah dibina iaitu:

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina.

Analisis gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan faktor jantina mendedahkan dimensi yang mempengaruhi interaksi dan kekuatan dalam sesebuah pasukan sukan. Dalam suatu konteks di mana kepelbagaian jantina semakin diiktiraf, kajian mengenai

perbezaan gaya kepimpinan jurulatih antara lelaki dan perempuan menjadi semakin relevan. Analisis ini tidak hanya merungkai perbezaan dalam pendekatan kepimpinan, tetapi juga memberi pandangan yang mendalam tentang bagaimana faktor jantina mungkin mempengaruhi motivasi, perkembangan atlet, dan keseluruhan sesebuah pasukan. Dengan meneliti perhubungan ini, kita dapat membina strategi kepimpinan yang lebih inklusif dan berkesan, sejajar dengan aspirasi untuk mencapai kecemerlangan sukan tanpa mengira jantina atlet atau jurulatih.

Jadual 4.7 : Analisis Statistik Kumpulan Jantina

	Jantina	N	Min	Sisihan	Min Ralat
				Piawai	Piawai
Gaya	Perempuan	97	122.68	14.44	1.47
Kepimpinan Ju- rulatih	Lelaki	216	126.42	16.24	1.45

Jadual 4.7 di atas adalah analisis statistik untuk gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan kumpulan jantina yang menunjukkan perbezaan min antara atlet perempuan dan atlet lelaki. Min gaya kepimpinan jurulatih bagi atlet perempuan adalah sebanyak 122.68 dengan sisihan piawai 14.44 dan ralat piawai min 1.47, manakala bagi atlet lelaki min adalah 126.42 dengan sisihan piawai 16.24 dan ralat piawai min lebih kurang 1.45. Oleh itu, dapat dilihat bahawa atlet lelaki cenderung mempunyai min yang sedikit lebih tinggi daripada atlet perempuan dari segi Gaya Kepimpinan Jurulatih. Melalui analisis ini, jelas memberi gambaran bahawa terdapat perbezaan dalam gaya kepimpinan jurulatih dalam konteks kumpulan jantina atlet.

4.5.1 Analisis Statistik Kumpulan Jantina Mengikut Gaya Kepimpinan

Analisis statistik kumpulan jantina berdasarkan gaya kepimpinan memberikan perspektif yang mendalam tentang perbezaan yang mungkin wujud dalam pendekatan kepimpinan dalam kalangan lelaki dan perempuan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan statistik dalam gaya kepimpinan antara kumpulan jantina dan seterusnya mendapat pemahaman yang lebih baik terhadap interaksi di dalam sesebuah pasukan. Dengan memfokuskan pada aspek ini, kita dapat mengenali corak yang mungkin memberi impak kepada keberkesanan kepimpinan, sekaligus menyokong

usaha untuk membina persekitaran yang lebih inklusif dan responsif terhadap kepelbagaian jantina dalam sukan.

Jadual 4.8 : Analisis Statistik Kumpulan Jantina Mengikut Gaya Kepimpinan

	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai
Latihan Dan	Perempuan	97	56.15	7.41	.75248
Arahan	Lelaki	126	55.48	6.93	.61718
Autokratik	Perempuan	97	10.26	3.46	.35120
	Lelaki	126	11.97	4.81	.42812
Demokratik	Perempuan	97	28.93	5.64	.57235
	Lelaki	126	30.28	6.34	.56452
Sokongan	Perempuan	97	27.34	6.37	.64648
Sosial	Lelaki	126	28.71	5.18	.46106

Jadual 4.8 menunjukkan analisis statistik kumpulan jantina mengikut gaya kepimpinan. Dalam kajian ini didapati atlet lelaki lebih cenderung memilih gaya kepimpinan latihan dan arahan (min = 55.48, SP = 6.93), diikuti dengan gaya kepimpinan demokratik (min = 30.28, SP = 6.34), gaya kepimpinan sokongan sosial (min = 28.71, SP = 5.18), dan yang paling kurang menjadi pilihan atlet lelaki adalah gaya kepimpinan autokratik (min = 11.96, SP = 4.81). Dapatan kajian seterusnya menunjukkan atlet perempuan pula dengan menjadi pilihan yang pertama adalah gaya kepimpinan latihan dan arahan (min = 56.15, SP = 7.41), diikuti gaya kepimpinan demokratik (min = 28.93, SP = 5.64), dan gaya kepimpinan sokongan sosial (min = 28.71, SP = 5.18), manakala gaya kepimpinan yang kurang menjadi pilihan atlet perempuan adalah gaya kepimpinan autokratik (min = 10.28, SP = 3.46). Oleh itu, hasil dapatan ini memberi pemahaman tentang perbezaan keutamaan atau penilaian terhadap keempat-empat gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina atlet lelaki dan atlet perempuan serta implikasi bahawa aspek-aspek ini juga perlu diberi perhatian dalam gaya kepimpinan jurulatih terhadap atlet.

4.6 ANALISIS GAYA KEPIMPINAN JURULATIH BERDASARKAN JENIS SUKAN

Persoalan kajian c : Adakah terdapat perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur dengan jenis sukan? Bagi menjawab persoalan ini, terdapat satu hipotesis nul yang telah dibina iaitu:


Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jenis sukan.

Analisis gaya kepimpinan jurulatih yang berfokus pada perbezaan antara pelbagai jenis sukan merupakan aspek yang agak kritikal dalam memahami gaya kepimpinan dalam konteks sukan. Kepimpinan jurulatih tidak hanya bersifat seragam tetapi turut dipengaruhi oleh keperluan, cabaran, dan keunikan setiap jenis sukan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menentukan sejauh mana perbezaan dalam gaya kepimpinan jurulatih antara jenis sukan yang berbeza. Kajian ini tidak hanya memberikan pemahaman tentang adaptasi strategi kepimpinan terhadap setiap sukan, tetapi juga membuka pintu kepada setiap jurulatih untuk melihat impaknya terhadap prestasi dan motivasi atlet. Dengan memfokuskan pada aspek ini, kita dapat menghasilkan panduan yang lebih efektif untuk pembangunan kepimpinan dalam sukan yang berbeza.

Jadual 4.9 : Analisis ANOVA Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Jenis Sukan

	Jumlah Persegi	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara Kumpulan	2132.871	6	355.479	1.488	.183
Dalam Kumpulan	51630.640	216	238.906		
Jumlah	53736.511	222			

Jadual 4.9, analisis ANOVA menunjukkan adanya variasi dalam gaya kepimpinan jurulatih di antara kumpulan yang diuji berdasarkan nilai min (mean) dan sisihan piawai (standard deviation). Untuk gaya kepimpinan jurulatih ini, nilai min kuasa dua dalam kumpulan adalah 238.906, manakala min kuasa dua antara kumpulan adalah 355.479. Nilai ini menunjukkan sejauh mana variasi skor gaya kepimpinan jurulatih tersebar di antara kumpulan dan di dalam kumpulan.



Rajah 4.3 : Perbandingan Varians Antara Dan Dalam Kumpulan

Berdasarkan Rajah 4.3 juga, dengan nilai min kuasa dua antara kumpulan yang lebih tinggi, boleh disimpulkan bahawa terdapat variasi yang lebih besar dalam gaya kepimpinan jurulatih antara jenis sukan yang dibandingkan dengan variasi di dalam setiap kumpulan. Ini mungkin menunjukkan adanya perbezaan yang lebih ketara antara jenis sukan tersebut dalam konteks gaya kepimpinan jurulatih. Walau bagaimanapun, nilai Sig. (significant value) sebanyak 0.183 menunjukkan bahawa melebihi tahap Sig. yang biasanya ditetapkan pada 0.05, dan oleh itu, tidak dapat dikatakan sebagai terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik. Oleh kerana itu, kesimpulannya tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jenis sukan adalah diterima.

4.6.1 Analisis Anova Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Jenis Sukan

Analisis ini bertujuan mengenal pasti perbezaan dalam gaya kepimpinan jurulatih, khususnya apabila dilihat dari perspektif jenis sukan yang berbeza. Dalam konteks ini, ANOVA digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih antara pelbagai jenis sukan. Kajian ini memberikan pandangan lebih mendalam tentang bagaimana faktor jenis sukan dapat mempengaruhi pendekatan kepimpinan jurulatih, dan sejauh mana perbezaan ini mungkin memberi

impak kepada prestasi sesebuah pasukan. Hal ini penting untuk menyokong perkembangan dalam strategi kepimpinan yang bersesuaian dengan setiap jenis sukan, dengan harapan dapat meningkatkan prestasi atlet dan keberhasilan pasukan secara keseluruhan. Selain itu, hasil analisis ini juga boleh dijadikan rujukan bagi jurulatih dan pembuat dasar dalam merangka program latihan yang lebih berkesan, dengan mengambil kira keperluan khusus setiap jenis sukan serta keunikan gaya kepimpinan yang paling sesuai untuk memotivasikan atlet mencapai prestasi optimum.

Jadual 4.10 : Analisis ANOVA Berdasarakan Jenis Sukan

	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai	95% Selang Keyakinan Untuk Min	
					Batas Bawah	Batas Atas
Bola Sepak	31	126.32	16.38	2.94	120.31	132.33
Bola Baling	31	124.13	16.31	2.93	118.15	130.11
Bola Jaring	32	122.06	14.96	2.65	116.67	127.46
Olahraga	31	122.74	15.54	2.79	117.04	128.44
Sofbol	31	128.90	11.17	2.01	124.81	133.00
Badminton	32	120.41	14.15	2.50	115.30	125.51
Lain-Lain	35	128.71	18.34	3.10	122.41	135.02
Jumlah	223	124.79	15.56	1.04	122.74	126.85

Jadual 4.10 menunjukkan analisis gaya kepimpinan jurulatih untuk jenis sukan, nilai purata dan sisihan piawai memberikan pemahaman tentang purata dan penyebaran skor penilaian dalam setiap kategori sukan. Sebagai contoh, dalam sukan bola sepak, nilai purata skor adalah 126.32, dan sisihan piawai adalah 16.38, menunjukkan variasi yang agak besar dalam penilaian di dalam kalangan atlet bola sepak. Sementara itu, dalam sukan badminton, nilai purata adalah 120.41, dan sisihan piawai adalah 14.15, menunjukkan variasi yang lebih rendah. Ini memungkinan bahawa dalam sukan badminton yang lebih rendah dan sisihan piawai yang lebih kecil menunjukkan bahawa jurulatih badminton cenderung mempunyai pendekatan kepimpinan yang lebih seragam

dan konsisten di kalangan atlet, berbanding jurulatih bola sepak yang perlu menyesuaikan gaya kepimpinan mereka berdasarkan keperluan pasukan yang lebih kompleks dan dinamik.

Secara keseluruhan, nilai purata gaya kepimpinan jurulatih untuk keseluruhan kumpulan data adalah 124.79, dengan sisihan piawai sebanyak 15.56. Ini mencerminkan nilai rata-rata skor penilaian di seluruh kumpulan dan sejauh mana skor-skoranya tersebar dari nilai rata-rata tersebut. Analisis ini membantu memberi gambaran terhadap kecenderungan dan variasi dalam penilaian gaya kepimpinan jurulatih, serta memberikan gambaran holistik tentang penilaian di dalam berbagai jenis sukan yang dikaji.

4.7 ANALISIS KORELASI PEARSON ANTARA GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DENGAN KEPUASAN ATLET

Persoalan kajian d : Adakah terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur dengan kepuasan atlet? Bagi menjawab persoalan ini, terdapat satu hipotesis nul yang telah dibina iaitu:

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet.

Kepimpinan jurulatih memegang peranan utama dalam membentuk persekitaran latihan sukan, dan kesan interaksi antara jurulatih dan atletnya dapat memberi impak terhadap kepuasan atlet. Oleh itu, analisis Korelasi Pearson digunakan untuk menyiasat hubungan statistik di antara gaya kepimpinan jurulatih dengan tahap kepuasan atlet. Dengan melihat korelasi ini, kita dapat memahami sejauh mana gaya kepimpinan jurulatih mempengaruhi kepuasan atlet, memberikan gambaran yang penting untuk peningkatan prestasi atlet dan keberkesanan kepimpinan dalam konteks sukan. Analisis ini memberikan landasan yang kukuh untuk meningkatkan strategi kepimpinan bagi meningkatkan kepuasan atlet dalam mencapai matlamat individu dan pasukan. Selain itu, dapatan kajian ini bukan sahaja dapat membantu jurulatih menyesuaikan pendekatan kepimpinan mereka agar lebih selaras dengan keperluan dan jangkaan atlet, tetapi juga memberi implikasi kepada institusi sukan dalam merangka program

pembangunan kepimpinan yang lebih berstruktur, seterusnya menyumbang kepada peningkatan daya saing dan prestasi atlet di peringkat yang lebih tinggi.

Jadual 4.11 : Korelasi Pearson Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Kepuasan Atlet

		Gaya Kepimpinan Jurulatih	Kepuasan Atlet
Gaya Kepimpinan Jurulatih	Korelasi Pearson	1	.939**
	Sig. (2-hujung)		.000
	N	223	223

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung)

Jadual 4.11 menunjukkan analisis Korelasi Pearson yang dilakukan. Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet. Dalam konteks ini, nilai Korelasi Pearson antara gaya kepimpinan jurulatih dan kepuasan atlet adalah 0.939**. Nilai positif ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara gaya kepimpinan jurulatih dan tahap kepuasan atlet. Jadi, semakin efektif gaya kepimpinan jurulatih, semakin tinggi tahap kepuasan atlet.

Nilai yang dilaporkan sebagai $p < .001$ menunjukkan bahawa hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dan kepuasan atlet adalah sangat signifikan. Ini bermakna terdapat bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis nol yang menyatakan bahawa tidak ada hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dan kepuasan atlet dalam populasi yang lebih luas. Hasil ini menunjukkan bahawa kemungkinan besar hubungan ini tidak berlaku secara kebetulan, tetapi memang ada hubungan yang konsisten dan boleh dipercayai antara kedua-dua pembolehubah dalam konteks penyelidikan ini. Dengan demikian, hasil dari hubungan ini mendukung bahawa gaya kepimpinan jurulatih memberi impak yang positif terhadap kepuasan atlet dalam konteks kajian ini.

Tambahan lagi, analisis korelasi menunjukkan adanya tren positif yang kuat antara gaya kepimpinan jurulatih dan kepuasan atlet. Tren ini dapat diinterpretasikan sebagai meningkatnya tingkat kepuasan atlet seiring dengan peningkatan atau

penerapan gaya kepimpinan yang lebih efektif daripada seseorang jurulatih. Manakala, pola yang terlihat adalah bahawa semakin berkesan gaya kepimpinan jurulatih seperti yang terpaparkan dari nilai tinggi korelasi, semakin tinggi juga tahap kepuasan yang dirasakan oleh atlet. Ini menunjukkan adanya hubungan linier positif antara pemboleh ubah gaya kepimpinan dan kepuasan atlet dalam sampel data yang telah dianalisis.

Selain itu, adalah berkaitan dengan koefisien Korelasi Pearson sebesar 0.939 menunjukkan bahawa hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dan kepuasan atlet sangat kuat. Korelasi ini mendekati nilai maksimum (+1), yang mengindikasikan bahawa perubahan dalam gaya kepimpinan jurulatih sangat berhubungan dengan perubahan dalam tahap kepuasan atlet. Selain itu, nilai signifikan yang sangat rendah (Sig. = 0.000) menunjukkan bahawa korelasi ini tidak terjadi secara kebetulan.

Secara keseluruhan, korelasi positif yang kuat antara gaya kepimpinan jurulatih dan kepuasan atlet beserta signifikannya, menegaskan peranan berpengaruh daripada kepimpinan jurulatih dalam membentuk kepuasan atlet. Penemuan ini menekankan pentingnya mempromosikan gaya kepimpinan yang efektif di antara para jurulatih untuk meningkatkan kepuasan atlet dan kesejahteraan secara keseluruhan.

4.8 ANALISIS KORELASI PEARSON ANTARA GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DENGAN EMOSI DAN TINGKAH LAKU ATLET

Persoalan kajian e : Adakah terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur dengan emosi dan tingkah laku atlet? Bagi menjawab persoalan ini, terdapat satu hipotesis nul yang telah dibina iaitu:

Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku atlet.

Gaya kepimpinan jurulatih memainkan peranan yang penting dalam membentuk pengalaman emosi dan tingkah laku atlet dalam arena sukan. Analisis Korelasi Pearson digunakan untuk meninjau secara statistik hubungan di antara gaya kepimpinan

jurulatih dengan emosi dan tingkah laku atlet. Dalam konteks ini, pemahaman yang lebih mendalam terhadap korelasi ini memberi pencerahan mengenai sejauh mana gaya kepimpinan jurulatih berperanan dalam membentuk dan mempengaruhi aspek emosi serta tingkah laku atlet. Analisis ini dapat memberikan gambaran yang jelas untuk meningkatkan prestasi dan kesejahteraan emosi atlet melalui gaya kepimpinan jurulatih itu sendiri. Tambahan lagi, hasil analisis Korelasi Pearson dapat memberikan wawasan yang lebih dalam tentang sejauh mana gaya kepimpinan jurulatih memainkan peranan dalam membentuk dan mempengaruhi aspek emosi serta tingkah laku atlet. Informasi ini menjadi penting dalam merancang strategi latihan dan intervensi psikologi yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan kesejahteraan emosi atlet melalui pengubahsuaian gaya kepimpinan jurulatih.

Jadual 4.12 : Korelasi Pearson Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Emosi Dan Tingkah Laku Atlet

		Gaya Kepimpinan Jurulatih	Emosi Dan Tingkah Laku
Gaya Kepimpinan Jurulatih	Korelasi Pearson	1	.975**
	Sig. (2-hujung)		.000
	N	223	223

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung)

Berdasarkan Jadual 4.12, dalam analisis Korelasi Pearson antara gaya kepimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku, menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Dalam konteks ini, nilai Korelasi Pearson antara gaya kepimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku adalah 0.975**. Nilai positif ini menunjukkan adanya hubungan positif antara gaya kepimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku. Oleh itu, semakin baik gaya kepimpinan jurulatih, semakin tinggi tahap emosi dan tingkah laku atlet. Tambahan lagi, nilai signifikan (Sig.) yang dilaporkan sebagai <.001 menunjukkan bahawa hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku adalah signifikan secara statistik. Jadi, tanda ** pada nilai korelasi menunjukkan bahawa hubungan tersebut signifikan pada tingkat 0.01 (2-tailed), menandakan tahap

kepercayaan yang tinggi terhadap hasil korelasi ini. Oleh yang demikian, dalam konteks penelitian ini terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepemimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku atlet dimana dapat dipengaruhi dan dilihat secara positif.

Tambahan pula, terdapat tren positif yang kuat antara gaya kepemimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku atlet. Tren ini menunjukkan bahawa semakin efektif gaya kepemimpinan yang diterapkan oleh jurulatih, semakin positif juga respon emosional dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh atlet. Manakala, pola yang terlihat adalah bahawa gaya kepemimpinan jurulatih memiliki hubungan yang sangat erat dengan emosi dan tingkah laku atlet seperti yang dinyatakan dalam Korelasi Pearson yang tinggi, iaitu 0.975. Ini menunjukkan bahawa perubahan dalam gaya kepemimpinan dapat secara langsung mempengaruhi bagaimana atlet merespons secara emosional dan bagaimana mereka berperilaku dalam konteks olahraga.

Selain itu juga, Korelasi Pearson sebesar 0.975 yang signifikan secara statistik ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa hubungan antara gaya kepemimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku atlet sangat kuat. Hal ini menegaskan bahawa gaya kepemimpinan yang dipilih oleh jurulatih memiliki impak yang signifikan terhadap dimensi emosional dan tingkah laku atlet.

Secara keseluruhan, korelasi positif yang kuat antara gaya kepemimpinan jurulatih dan emosi serta tingkah laku atlet, beserta signifikansinya secara statistik, menegaskan peranan yang berpengaruh kepemimpinan jurulatih dalam membentuk emosi dan tingkah laku atlet. Hal ini menekankan pentingnya memperkenalkan gaya kepemimpinan yang efektif di antara jurulatih untuk meningkatkan tingkah laku yang positif dalam kalangan atlet.

4.9 ANALISIS KORELASI PEARSON ANTARA GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DENGAN KESEPADUAN PASUKAN

Persoalan kajian f : Adakah terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur dengan kesepaduan pasukan? Bagi menjawab persoalan ini, terdapat satu hipotesis nul yang telah dibina iaitu:

Ho5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan.

Gaya kepimpinan seseorang jurulatih dalam konteks sukan berpasukan memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk kesepaduan pasukan. Dalam usaha untuk lebih memahami hubungan di antara elemen-elemen ini, analisis Korelasi Pearson digunakan untuk mengukur tahap hubungan secara statistik di antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan. Melalui analisis ini, kita dapat menilai sejauh mana pengaruh gaya kepimpinan terhadap kesepaduan pasukan. Hasil korelasi ini juga memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai impak gaya kepimpinan terhadap kesepaduan pasukan serta membuat penilaian terhadap keberkesanan strategi kepimpinan dalam mencapai matlamat sepasukan.

Jadual 4.13 : Korelasi Pearson Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Kesepaduan Pasukan

		Gaya Kepimpinan Jurulatih	Kesepaduan Pasukan
Gaya Kepimpinan Jurulatih	Korelasi Pearson	1	.931**
	Sig. (2-hujung)		.000
	N	223	223

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung)

Berdasarkan Jadual 4.13, analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan. Dalam konteks kajian ini, nilai Korelasi Pearson antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan adalah 0.931**. Nilai positif ini menunjukkan adanya hubungan positif dimana semakin baik gaya kepimpinan jurulatih, semakin tinggi tahap kesepaduan pasukan. Selain itu, nilai signifikan (Sig.) yang dilaporkan sebagai <.001 menunjukkan bahawa hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan adalah signifikan secara statistik. Tambahan lagi, tanda ** pada nilai korelasi menunjukkan bahawa hubungan tersebut signifikan pada tingkat 0.01 (2-tailed), menandakan tahap kepercayaan yang tinggi terhadap hasil korelasi ini. Dengan demikian, hasil daripada analisis ini dapat ditunjukkan bahawa kesepaduan pasukan dipengaruhi oleh gaya kepimpinan jurulatih. Dengan itu, hipotesis nol tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan adalah ditolak.

Selain itu, terdapat tren yang sangat kuat antara gaya kepimpinan jurulatih dan tahap kesepaduan pasukan. Tren ini menunjukkan bahawa semakin efektif gaya kepimpinan yang diterapkan oleh jurulatih, semakin tinggi pula tahap kesepaduan yang dirasakan oleh anggota pasukan. Manakala, pola yang terlihat adalah bahawa gaya kepimpinan jurulatih memiliki hubungan yang sangat erat dengan kesepaduan pasukan seperti yang dinyatakan dengan Korelasi Pearson yang tinggi, iaitu 0.931. Ini menunjukkan bahawa perubahan dalam gaya kepimpinan dapat secara signifikan mempengaruhi kesepaduan serta hubungan dalam pasukan.

Di samping itu juga, Korelasi Pearson sebesar 0.931 yang signifikan secara statistik ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan sangat kuat. Hal ini menegaskan bahawa gaya kepimpinan yang dipilih oleh jurulatih memiliki kesan yang besar terhadap hubungan dan juga kesepaduan dalam sesebuah pasukan. Penemuan ini menunjukkan pentingnya peranan jurulatih dalam membentuk lingkungan kerjasama yang positif di antara ahli pasukan. Jurulatih yang menerapkan gaya kepimpinan yang efektif dapat memperkuat kesepaduan dalam pasukan, yang pada gilirannya dapat meningkatkan hasil dan kejayaan bersama. Selain itu, kesepaduan pasukan yang kukuh bukan sahaja dapat

mempengaruhi prestasi keseluruhan, malah turut membantu dalam mewujudkan suasana latihan yang lebih harmoni, meningkatkan motivasi atlet, serta membina hubungan interpersonal yang lebih erat di antara ahli pasukan, sekali gus memberi impak jangka panjang terhadap perkembangan individu dan pasukan secara keseluruhan.

4.10 RUMUSAN HIPOTESIS NUL

Pada bahagian ini, penyelidik telah membuat rumusan bagi hipotesis nul 1 (Ho1) hingga hipotesis nul 5 (Ho5). Berikut adalah Jadual 4.14, rumusan hipotesis nul :

Jadual 4.14 : Rumusan Hipotesis Nul

Bil.	Hipotesis Nul	Keputusan Hipotesis	Rumusan Dapatan Kajian
1.	Ho1	Gaya Kepimpinan Jurulatih telah menunjukkan tiada perbezaan antara jantina.	Menolak hipotesis nul ($p < 0.05$)
2.	Ho2	Gaya Kepimpinan Jurulatih telah menunjukkan ada perbezaan antara jenis sukan.	Gagal menolak hipotesis nul ($p > 0.05$)
3.	Ho3	Gaya Kepimpinan Jurulatih telah menunjukkan tiada hubungan antara kepuasan atlet.	Menolak hipotesis nul ($p < 0.05$)
4.	Ho4	Gaya Kepimpinan Jurulatih telah menunjukkan tiada hubungan antara emosi dan tingkah laku atlet.	Menolak hipotesis nul ($p < 0.05$)
5.	Ho5	Gaya Kepimpinan Jurulatih telah menunjukkan tiada hubungan antara kesepaduan pasukan.	Menolak hipotesis nul ($p < 0.05$)

4.11 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memenuhi objektif kajian dan juga menjawab kepada persoalan kajian yang telah diajukan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya kepimpinan jurulatih dengan jantina, jenis sukan dan juga kepuasan atlet, emosi dan tingkah laku atlet serta kesepaduan sukan. Oleh itu, penekanan dan tumpuan terhadap gaya kepimpinan jurulatih dilihat mampu memberikan kesan yang positif terhadap atlet dibawah kelolaan mereka.

Penyesuaian dan juga pendekatan dalam gaya kepimpinan yang dimainkan seseorang jurulatih merupakan kunci dalam memaksimumkan potensi atlet bagi membentuk sebuah pasukan yang berjaya. Dalam memahami perbezaan dalam gaya kepimpinan berdasarkan jantina, jenis sukan, mahupun kepuasan atlet, kajian ini memberikan pandangan yang lebih holistik terhadap kekuatan hubungan antara jurulatih dan atlet. Pengenalan penyesuaian dalam gaya kepimpinan membuktikan bahawa satu pendekatan yang seragam mungkin tidak sesuai untuk setiap kumpulan atlet. Ini memberi implikasi bahawa jurulatih perlu peka terhadap keperluan dan personaliti unik setiap atlet untuk mencapai kejayaan dan kepuasan secara optimum.

Dalam konteks emosi dan tingkah laku atlet, dapatan kajian memperlihatkan betapa pentingnya gaya kepimpinan jurulatih dalam membentuk emosi atlet dan memberikan pengaruh kepada tingkah laku mereka. Kesedaran terhadap korelasi yang tinggi antara gaya kepimpinan dan faktor dalam sukan ini memberi peluang untuk mengembangkan program sokongan emosi dan motivasi yang lebih terarah untuk meningkatkan prestasi atlet secara menyeluruh. Selain itu, penekanan terhadap kesepaduan pasukan sebagai hasil analisis memberi amaran bahawa kejayaan dalam sukan di sekolah tidak hanya bergantung pada kecekapan individu atlet, tetapi juga kepada keupayaan jurulatih untuk membina persekitaran yang memupuk semangat kesatuan dan kerjasama.

Oleh yang demikian, kajian ini bukan sahaja memberikan pemahaman yang mendalam mengenai peranan gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan di sekolah, tetapi juga menyumbang kepada pembacaan ilmiah mengenai aspek-aspek yang mempengaruhi pembangunan atlet dan kesepaduan pasukan. Implikasi daripada hasil kajian ini dapat membantu pihak sekolah dalam merancang program sukan yang lebih berkesan untuk memastikan pembangunan holistik atlet dan pencapaian matlamat sukan sekolah secara optimal dalam melahirkan atlet yang berprestasi tinggi.

BAB V

PERBINCANGAN, RUMUSAN, DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka gaya kepimpinan jurulatih terhadap atlet yang bertanding dalam Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Kuala Lumpur. Bab ini akan membincangkan dapatan deskriptif dan inferensi daripada bab sebelumnya serta merumuskan hasil kajian dengan lebih jelas. Selain itu, perbincangan dalam bab ini juga akan menghubungkan maklumat yang diperoleh daripada atlet bagi memberikan gambaran yang lebih komprehensif. Tambahan lagi, perbincangan turut merangkumi implikasi kajian, khususnya dalam memperkukuh pengetahuan dan teori yang berkaitan dengan gaya kepimpinan jurulatih yang lebih berkesan. Untuk membentuk keperibadian dan karakter atlet yang positif, jurulatih perlu menunjukkan teladan serta memberikan contoh tingkah laku yang baik. Tingkah laku jurulatih memainkan peranan besar dalam membentuk karakter atlet, bukan sahaja semasa latihan atau pertandingan tetapi juga dalam kehidupan harian mereka. Stewart & Owens (2011) mencatatkan bahawa pengaruh jurulatih terhadap atlet tetap berterusan walaupun di luar konteks latihan atau pertandingan.

Pencapaian atlet bukan sekadar bergantung pada kemahiran teknikal atau fizikal, tetapi turut dipengaruhi oleh hubungan dan bimbingan yang diberikan oleh jurulatih. Baker et al. (2003) menekankan bahawa jurulatih berperanan besar dalam memberi kesan jangka panjang terhadap pembangunan atlet, tanpa mengira tahap pencapaian mereka. Oleh itu, jurulatih bukan sahaja bertanggungjawab dalam meningkatkan kemahiran sukan atlet, tetapi juga dalam membentuk nilai dan karakter positif mereka. Tingkah laku jurulatih sering dinilai berdasarkan pencapaian atlet dalam

pertandingan (Pensgaard & Roberts, 2002). Walaupun kualiti latihan, hubungan interpersonal dengan atlet, serta pengaruh positif terhadap persekitaran turut memainkan peranan penting, penilaian terhadap jurulatih masih cenderung tertumpu kepada prestasi atlet dalam kejohanan. Oleh itu, perlu ada pemahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh mengenai kejayaan seorang jurulatih, termasuk faktor-faktor yang tidak semestinya dapat diukur secara langsung melalui pencapaian atlet dalam pertandingan.

5.2 PERBINCANGAN ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis statistik deskriptif jantina menunjukkan bahawa dalam kajian ini terdapat atlet lelaki sejumlah 56.50% lebih banyak berbanding atlet perempuan dengan 43.50%. Hal ini memberi gambaran jelas tentang kepelbagaian jantina dalam kalangan atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Kuala Lumpur yang terlibat dalam pertandingan di peringkat kebangsaan. Jelas pemahaman terhadap perbezaan ini boleh dijadikan rujukan kepada pihak pengurusan dan juga pembangunan sukan dalam merangka program-program yang lebih inklusi dan saksama dari segi jantina. Namun begitu, kajian lampau di luar negara juga telah menunjukkan bahawa faktor jantina memberikan darjah kegemaran yang berbeza terhadap dimensi kepimpinan jurulatih. Di Malaysia, kajian mengenai gaya kepimpinan jurulatih masih kurang mendapat perhatian oleh kerana banyak kajian seumpama ini telah dilakukan di luar negara (Rui et al. 2011). Walaupun demikian, sehingga kini, para pengkaji masih menghadapi cabaran dalam mengenal pasti gaya kepimpinan jurulatih yang diminati oleh atlet berdasarkan jantina, yang memberikan sumbangan kepada kejayaan atlet. Ini disebabkan oleh ketidak konsistenan dapatan kajian dalam isu ini.

Dalam dimensi autokratik, terdapat perbezaan pandangan di antara atlet lelaki dan atlet perempuan, di mana atlet lelaki cenderung kurang menyukainya. Pada peringkat sekolah menengah, jurulatih yang kurang mahir dalam sukan sering kali meminta berkas pelajar atau memilih atlet senior sebagai pelatih untuk atlet-atlet semasa latihan pusat. Jurulatih kemudiannya berperanan sebagai pengurus, jarang memberikan keputusan tegas semasa latihan atau pertandingan. Keadaan ini mungkin menyebabkan

kurangnya minat atlet lelaki terhadap dimensi autokratik, disebabkan oleh kurangnya keyakinan atlet lelaki terhadap kewibawaan jurulatih.

Merujuk kepada dapatan kajian dalam analisis statistik untuk gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina atlet, seperti yang terdapat dalam Jadual 4.7, menunjukkan hasil yang signifikan tentang perbezaan pilihan dan persepsi antara atlet lelaki dan atlet perempuan terhadap gaya kepimpinan jurulatih. Min gaya kepimpinan jurulatih yang sedikit lebih tinggi bagi atlet lelaki (126.42) berbanding atlet perempuan (122.68) menunjukkan adanya perbezaan yang ketara dalam pandangan terhadap cara pengurusan dan gaya kepimpinan jurulatih. Tambahan lagi, dalam konteks analisis gaya kepimpinan berdasarkan jantina, Jadual 4.8 memberikan pemahaman yang lebih mendalam. Atlet lelaki cenderung memilih gaya kepimpinan "Latihan dan Arahan" sebagai pilihan utama, diikuti oleh "Demokratik" dan "Sokongan Sosial." Gaya kepimpinan "Autokratik" menjadi pilihan yang paling kurang disukai oleh atlet lelaki. Manakala atlet perempuan, corak pilihan agak serupa, dengan "Latihan dan Arahan" juga menjadi pilihan utama, diikuti oleh "Demokratik" dan "Sokongan Sosial," manakala gaya kepimpinan "Autokratik" sekali lagi menjadi pilihan yang kurang diminati. Pentingnya penekanan pada gaya kepimpinan yang memberi arahan dan latihan bagi atlet lelaki dan perempuan menunjukkan implikasi yang signifikan dalam konteks pembangunan sukan. Secara jelasnya, perbezaan ini dapat dihubungkan dengan menyatakan bahawa keperluan dan kehendak individu dapat dibezakan berdasarkan faktor-faktor seperti jantina.

Tambahan lagi, atlet lelaki dan perempuan mungkin memberi nilai yang berbeza kepada ciri-ciri kepimpinan tertentu, dan pemahaman ini adalah kunci untuk merancang program pembangunan sukan yang lebih berkesan dan berfokus terhadap atlet. Melalui analisis ini juga dapat mencerminkan betapa pentingnya kesedaran dan penyesuaian dalam gaya kepimpinan jurulatih terhadap keperluan dan kehendak atlet berdasarkan jantina. Oleh itu, dalam konteks pembangunan sukan, jurulatih perlu memahami kepelbagaian ini dan membangunkan pendekatan yang seimbang untuk memastikan keberkesanan pengurusannya dalam latihan mahupun sistem pengurusan terhadap atlet lelaki dan perempuan.

Selain itu, analisis statistik deskriptif berkaitan dengan jenis sukan yang diambil bahagian oleh atlet menunjukkan bahawa kajian ini melibatkan pelbagai jenis sukan tumpuan di Majlis Sukan Sekolah Kuala Lumpur (MSSWPKL) seperti bola sepak, bola baling, bola jaring, olahraga, sofbol, badminton, serta beberapa sukan lain seperti memanah dan ragbi yang menjadi pilihan utama atlet. Pembahagian hampir sekata dalam peratusan 13.90% hingga 15.70% bagi setiap jenis sukan menandakan kepelbagaian minat dan kecekapan atlet dalam pelbagai disiplin sukan. Keputusan ini memberi petunjuk penting kepada pihak penyelenggara untuk menyelaraskan sumber dan sokongan secara berkesan dalam pembangunan sukan pelajar di peringkat sekolah. Analisis deskriptif ini juga membentuk landasan yang kukuh untuk penyelidikan seterusnya, memberikan gambaran awal mengenai komposisi jantina atlet serta kepelbagaian jenis sukan yang diminati. Implikasi hasil ini boleh merangkumi usaha-usaha untuk menyusun program pembangunan sukan yang lebih berfokus dan memberi peluang yang saksama kepada semua atlet, tanpa mengira jantina atau jenis sukan yang dipilih.

Merujuk pula analisis ANOVA terhadap gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jenis sukan, seperti yang tercatat dalam Jadual 4.9, memberikan perspektif yang penting dalam ilmu kejurulatihan sukan. Nilai signifikan (Sig.) melebihi tahap 0.05 menunjukkan adanya variasi yang ketara dalam skor gaya kepimpinan antara jenis sukan. Hal ini memberi peluang untuk perbincangan yang lebih mendalam dalam konteks kejurulatihan. Perbandingan min kuasa dua antara kumpulan dan di dalam kumpulan memberi gambaran tentang sejauh mana variasi skor gaya kepimpinan jurulatih tersebar dalam setiap jenis sukan. Kesimpulannya, terdapat variasi yang lebih besar antara jenis sukan daripada dalam setiap kumpulan menarik perhatian dalam memahami kepelbagaian gaya kepimpinan dalam konteks sukan yang berbeza. Analisis lebih terperinci dalam Jadual 4.10 dengan memberi nilai purata dan sisihan piawai untuk setiap jenis sukan membantu melihat dengan lebih tepat perbezaan dalam penilaian gaya kepimpinan. Misalnya, skor purata yang tinggi dalam sukan bola sepak mungkin mencerminkan keperluan akan struktur dan arahan yang lebih ketat, sementara skor yang lebih rendah dalam sukan badminton mungkin mencerminkan keperluan akan pendekatan yang lebih demokratik atau terbuka. Namun begitu, faktor seperti tahap keterlibatan atlet, kekuatan pasukan, dan strategi permainan mungkin memberi kesan

kepada jenis kepimpinan yang diinginkan atau diperlukan oleh atlet dalam konteks tertentu. Oleh itu, jurulatih perlu menyelidik secara mendalam tentang unsur-unsur unik bagi setiap sukan dan merangka strategi kepimpinan dalam kejurulatihan yang bersesuaian untuk memaksimumkan pembangunan atlet dan pencapaian prestasi yang optimum.

Di samping itu juga, analisis statistik deskriptif telah dilakukan terhadap gaya kepimpinan jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Kuala Lumpur mencerminkan kerangka kajian yang mendalam dalam pemahaman tentang perkaitan hubungan antara jurulatih dan atlet. Hasil temuan ini membuka ruang untuk pembahasan ilmiah yang lebih mendalam berdasarkan prinsip-prinsip psikologi sukan dan teori kepimpinan. Perbezaan yang ketara dalam respons atlet terhadap gaya kepimpinan "Latihan dan Arahan" menunjukkan pentingnya kejelasan arahan dan struktur dalam konteks latihan sukan. Menurut teori keperluan, atlet cenderung mencari ketegasan dan panduan yang jelas dari jurulatih untuk mencapai prestasi maksimum. Hasil ini sejajar dengan pemahaman psikologi sukan yang menekankan kepentingan aspek kognitif dan motivasi dalam mencapai matlamat prestasi. Meningkatkan prestasi atlet melibatkan pemberian penekanan pada latihan yang bersungguh-sungguh dan berat, sekaligus mengarahkan mereka dalam pengembangan kemahiran, teknik, dan taktik sukan. Ini adalah tingkah laku atlet yang dipengaruhi oleh gaya kepimpinan latihan dan arahan (Asiah & Rosli 2009). Manakala, menurut Harper (2012) yang berpendapat bahawa pemimpin berperanan sebagai contoh teladan, membangun kepercayaan dan keyakinan pengikut melalui arahan. Kemampuan pemimpin memberikan bimbingan dapat memberikan inspirasi kepada atlet, membimbing mereka menuju pencapaian matlamat mereka. Dalam konteks ini, peranan jurulatih sebagai pelatih tidak hanya memotivasi atletnya, tetapi juga memberikan penghargaan kepada atletnya, yang dengan tekun belajar untuk menguasai kemahiran khusus yang perlu mereka kuasai.

Namun begitu, dalam sisi berbeza, konsistensi yang lebih tinggi dalam gaya kepimpinan "Autokratik" mungkin merujuk kepada penggunaan kuasa dan kawalan yang lebih ketat oleh jurulatih. Secara psikologinya, gaya ini mungkin berkaitan dengan aspek ketahanan mental atlet, di mana beberapa atlet mungkin merasa lebih selesa

dengan struktur yang ketat dan arahan yang tegas. Benar menurut Lin dan Foo (2012), gaya kepemimpinan autokratik jurulatih sering kali berkait rapat dengan tingkah laku paksaan. Sebagai contoh, segala idea atau pandangan daripada atlet tentang sesuatu perkara yang bertentangan dengan idea jurulatih akan sentiasa ditolak oleh jurulatihnya. Manakala, gaya kepimpinan "Demokratik" dan "Sokongan Sosial" yang menunjukkan variasi yang sederhana menimbulkan pertanyaan tentang hubungan interpersonal dan pembinaan kepercayaan dalam pasukan sukan. Psikologi sosial sukan mencadangkan bahawa hubungan yang baik antara atlet dan jurulatih, termasuk sokongan sosial, dapat mempengaruhi motivasi, kepuasan, dan prestasi atlet. Jadi pengkaji meletakkan analisis kedudukan gaya kepimpinan pilihan atlet yang turut mencerminkan teori-teori kepimpinan dan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan atlet. Keutamaan atlet terhadap gaya kepimpinan "Latihan dan Arahan" mungkin mencerminkan keperluan praktikal dan tumpuan pada pembangunan teknikal dan taktikal dalam latihan. Sebaliknya, kurangnya sokongan terhadap gaya "Autokratik" boleh mencerminkan perubahan budaya dalam sukan, di mana kebebasan dan juga penglibatan atlet dalam proses membuat keputusan adalah penting dan perlu diberikan perhatian.

Tambahan lagi, Berbanding dengan kajian terdahulu di peringkat antarabangsa, dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dan juga percanggahan dalam beberapa aspek berkaitan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina dan jenis sukan. Kajian oleh Chelladurai dan Saleh (1980) mendapati bahawa atlet cenderung memilih gaya kepimpinan "Latihan dan Arahan" sebagai keutamaan, satu dapatan yang selari dengan hasil kajian ini. Namun begitu, beberapa kajian di luar negara, seperti yang dilakukan oleh Beam et al. (2004), menunjukkan bahawa atlet lelaki lebih cenderung menerima gaya kepimpinan autokratik berbanding atlet perempuan, yang bertentangan dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan kedua-dua jantina kurang menyukai gaya autokratik. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh faktor budaya dan konteks latihan yang berbeza antara Malaysia dan negara-negara Barat, di mana pendekatan kepimpinan lebih berstruktur dan berhierarki mungkin lebih diterima dalam sistem sukan mereka. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Vella et al. (2013) menekankan kepentingan sokongan sosial dalam membina hubungan positif antara jurulatih dan atlet, yang turut disokong dalam kajian ini apabila gaya kepimpinan "Sokongan Sosial"

mendapat perhatian walaupun bukan sebagai pilihan utama. Oleh itu, dapatan kajian ini bukan sahaja memberikan perspektif tempatan yang unik, tetapi juga mencerminkan keperluan untuk mengkaji semula faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi atlet terhadap gaya kepimpinan jurulatih dalam konteks Malaysia.

Secara keseluruhannya, analisis ini tidak hanya memberikan gambaran tentang realiti praktikal hubungan jurulatih dan atlet, tetapi juga membuka pintu kepada pelbagai bentuk perbincangan secara lebih ilmiah dan teori-teori psikologi sukan yang dapat membimbing pembangunan jurulatih, strategi latihan, dan pengurusan sukan dalam konteks sekolah di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dengan menyelami lebih dalam konsep teori gaya kepimpinan jurulatih, hasil ini dapat memberikan landasan yang lebih tepat dan kukuh bagi membantu pembangunan atlet dan pengurusan latihan yang lebih berkesan. Hasil penelitian ini juga dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam terhadap keperluan pembangunan sukan di peringkat sekolah serta memberi tumpuan kepada penyelarasan gaya kepimpinan jurulatih dengan kehendak dan potensi atlet. Selain itu, analisis ini turut memperkukuh pemahaman terhadap cabaran dan peluang yang mungkin dihadapi oleh jurulatih dan atlet dalam konteks sukan di sekolah. Dengan merentasi konsep teori gaya kepimpinan, penelitian ini juga menyumbang kepada psikologi sukan dengan meneliti kesan dan implikasi gaya kepimpinan terhadap motivasi, komitmen, dan prestasi atlet di peringkat sekolah. Hasil ini menjadi asas bagi penyusunan strategi dan program pembangunan sukan yang lebih komprehensif dengan tujuan meningkatkan prestasi atlet dan memajukan sukan sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.3 PERBINCANGAN ANALISIS INFERENSI

Hasil daripada analisis Korelasi Pearson yang dijalankan, kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dan tahap kepuasan atlet dalam konteks sukan di Kuala Lumpur. Nilai korelasi positif sebanyak 0.939** menandakan korelasi yang kuat dan positif antara dua pembolehubah tersebut. Hal ini membawa erti bahawa semakin baik gaya kepimpinan jurulatih, semakin tinggi tahap kepuasan atlet. Kajian ini juga turut memperlihatkan bahawa interaksi positif antara jurulatih dan atlet dapat memberi kesan yang besar terhadap kepuasan atlet.

Gaya kepemimpinan yang efektif, yang mungkin melibatkan komunikasi yang terbuka, sokongan emosi, dan panduan yang jelas, dapat menciptakan persekitaran latihan yang memotivasikan atlet. Oleh karena itu, hasil korelasi ini memberikan gambaran yang cukup jelas untuk pembahasan lebih mendalam mengenai bagaimana gaya kepemimpinan jurulatih dapat ditingkatkan dalam konteks sekolah untuk meningkatkan kepuasan dan prestasi atlet di peringkat sekolah.

Selain itu, nilai signifikan yang sangat rendah (Sig. <.001) menandakan bahawa hubungan antara gaya kepemimpinan jurulatih dan kepuasan atlet adalah signifikan secara statistik. Ini bermakna, kemungkinan hubungan ini terjadi secara kebetulan sangat kecil. Oleh itu, kesimpulan dari analisis ini memberikan dasar yang kukuh untuk mempertimbangkan perubahan dan peningkatan dalam strategi kepemimpinan jurulatih bagi mencapai kepuasan atlet yang lebih baik di sekolah. Kesimpulan ini juga menyokong dan memberikan kefahaman mendalam mengenai pentingnya gaya kepemimpinan dalam membentuk pengalaman atlet di arena sukan di sekolah. Tambahan lagi, keperluan akan gaya kepemimpinan yang berkesan dalam pembangunan atlet sangat penting dalam konteks sukan di sekolah. Gaya kepemimpinan yang memahami keperluan dan aspirasi atlet, memberikan sokongan yang berterusan, dan memberikan panduan yang jelas dapat menciptakan persekitaran latihan yang positif dan memacu prestasi kepada yang lebih baik. Oleh itu, para jurulatih perlu memahami implikasi hasil korelasi ini untuk membentuk gaya kepemimpinan yang lebih efektif. Dalam konteks sekolah pula, hasil ini dapat membuka peluang peningkatan melalui pembangunan profesional jurulatih, program latihan kepemimpinan, dan inisiatif yang bertujuan untuk memahami dan meningkatkan kepuasan atlet di sekolah. Strategi ini boleh termasuk peningkatan kemahiran komunikasi, pembinaan hubungan positif, dan penggabungan elemen psikologi sukan dalam latihan. Dengan demikian, hasil analisis Korelasi Pearson ini memberikan bayangan yang jelas untuk tindakan lanjut dalam pembangunan sukan di setiap sekolah yang lebih berkesan dan memuaskan.

Hasil ini seiring dengan penelitian sebelumnya dalam bidang psikologi olahraga. Sebagai contoh, dalam kajian oleh Liu et al. (2022) menemukan bahawa kepemimpinan yang asas secara signifikan mempengaruhi kepuasan atlet elit muda, menunjukkan pentingnya gaya kepemimpinan dalam mempengaruhi kepuasan atlet.

Begitu pula, kajian oleh Jawoosh et al. (2022) bertujuan untuk meneliti hubungan antara gaya kepemimpinan pelatih yang berbeza dan kepuasan atlet, mendukung idea bahawa gaya kepemimpinan memainkan peranan dalam membentuk kepuasan atlet. Selain itu, dalam kajian oleh Soto-García et al. (2022) menekankan pentingnya kompetensi pelatih dan kepemimpinan yang berkesan dalam meningkatkan kepuasan atlet, memperkuat pentingnya gaya kepemimpinan dalam konteks kepuasan atlet. Tambahan lagi, dalam kajian oleh Fan et al. (2023) mengeksplorasi strategi pemeliharaan hubungan dan kesannya terhadap kepuasan atlet, menonjolkan perkaitan strategi kejurulatihan dalam memengaruhi kesejahteraan dan kepuasan atlet. Penemuan ini secara kolektif mendukung idea bahawa gaya kepemimpinan jurulatih dapat memiliki kesan signifikan pada kepuasan dan kesejahteraan atlet.

Di samping itu, terdapat juga analisis Korelasi Pearson yang diperolehi daripada Jadual 4.12 menunjukkan hubungan yang sangat kuat dan signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku atlet. Dengan nilai korelasi sebanyak 0.975**, ini menerangkan korelasi yang hampir sempurna, menunjukkan bahawa ada hubungan positif yang sangat tinggi antara gaya kepimpinan jurulatih dengan emosi dan tingkah laku atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Keperluan jurulatih yang memahami dan memimpin dengan gaya yang positif dapat memberikan kesan yang besar terhadap pengalaman emosi dan tingkah laku atlet. Gaya kepimpinan yang memberikan sokongan, memberikan arahan yang jelas, dan memupuk persekitaran positif dapat membantu atlet menghadapi tekanan, meningkatkan keyakinan diri, dan memupuk sikap kerjasama dalam pasukan. Oleh karena itu, pemahaman korelasi yang kuat ini memberikan dorongan untuk menyelidik lebih mendalam mengenai bagaimana gaya kepimpinan jurulatih dapat dibentuk dan ditingkatkan dalam situasi sekolah untuk memperbaiki emosi dan tingkah laku atlet.

Dalam konteks di sekolah, hasil ini menggariskan perlunya jurulatih memiliki kemahiran kepimpinan yang holistik yang tidak hanya mengutamakan pembangunan fizikal atlet tetapi juga aspek emosi dan tingkah laku. Jurulatih yang dapat mencipta persekitaran latihan yang menyokong perkembangan emosi yang positif dapat membantu atlet menghadapi cabaran dengan lebih efektif dan membawa kepada pencapaian prestasi yang lebih baik. Selain itu, kaitan antara gaya kepimpinan jurulatih

dengan emosi dan tingkah laku atlet juga boleh memberikan panduan kepada sekolah untuk membangun program pembangunan jurulatih yang lebih efektif, menyediakan latihan kepimpinan, dan memberikan sokongan yang diperlukan untuk memastikan pengalaman atlet dalam sukan sekolah lebih positif dan memuaskan. Sebagai tambahan, gaya kepimpinan yang positif dan efektif daripada seorang jurulatih dapat memberi impak yang besar terhadap perkembangan emosi dan tingkah laku atlet di dalam persekitaran sekolah.

Jurulatih di sekolah bukan hanya seorang pengajar teknik sukan tetapi juga seorang pemimpin dan pengarah pembangunan individu atlet. Gaya kepimpinan yang membina hubungan positif dan sokongan emosional dengan atlet dapat mencipta atmosfera yang kondusif untuk perkembangan psikologi mereka. Ketika jurulatih memberikan arahan yang jelas, menyokong kejayaan dan perkembangan peribadi atlet, dan memupuk semangat kerjasama dalam pasukan, ini dapat mempengaruhi secara positif emosi atlet. Ketika atlet dapat merasakan sokongan dan pemahaman daripada jurulatih, mereka cenderung memiliki emosi yang lebih stabil dan positif dalam menghadapi cabaran latihan dan pertandingan. Gaya kepimpinan yang memotivasikan dan membangkitkan semangat juang dapat membantu atlet mengatasi tekanan di sekolah, persaingan, dan beban latihan, serta menyumbang kepada pembangunan tingkah laku yang positif seperti komitmen, ketekunan, dan sikap yang baik. Tambahan lagi, sekolah juga perlu memberikan penekanan pada pembangunan kemahiran kepimpinan dan aspek psikologi sukan dalam latihan dan pembinaan jurulatih. Program pembangunan jurulatih yang holistik dapat membantu mereka memahami dan merespon keperluan emosi dan tingkah laku atlet di persekitaran sekolah. Penyelidikan ini memberikan penanda positif untuk sekolah mengintegrasikan program pembinaan jurulatih, serta memberikan sokongan yang diperlukan untuk memastikan hubungan antara jurulatih dan atlet mampu mencipta pengalaman sukan yang positif dan mencapai matlamat dalam bidang sukan.

Penemuan ini juga konsisten dengan kajian kepustakaan yang sudah ada tentang pengaruh kepemimpinan terhadap hasil individu. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Tulis & Yusof (2021) meneliti kesan kepemimpinan transformasional pada kesejahteraan psikologi, memerhatikan pengaruh positif gaya kepemimpinan

terhadap keadaan psikologi individu. Begitu juga, kajian oleh Yassin et al. (2023) fokus pada hubungan antara kepemimpinan transformasional dan kepuasan kerja dalam kalangan guru akademik, membawa idea bahawa kepemimpinan yang efektif secara positif mempengaruhi sikap dan perilaku individu.

Selain itu, dalam kajian oleh Abas et al. (2016) mengeksplorasi peranan emosi dan harga diri berasaskan organisasi dalam hubungan antara sokongan organisasi yang dirasakan dan tingkah laku kerja yang tidak produktif, menekankan hubungan yang kompleks antara kepemimpinan, sokongan organisasi, dan tingkah laku pekerja. Penemuan ini sejalan dengan konsep bahawa gaya kepemimpinan dapat memberi kesan signifikan pada keadaan emosi individu dan tingkah laku berikutnya dalam konteks organisasi.

Seterusnya adalah berkaitan dengan kesepaduan pasukan. Hasil daripada analisis Korelasi Pearson yang mendapati hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan (dengan nilai korelasi sebanyak 0.931**) memberikan pandangan yang penting dalam konteks jurulatih di sekolah. Kesepaduan pasukan menjadi unsur yang kritikal dalam mencapai kejayaan dalam sukan berpasukan, dan peranan jurulatih dalam membentuk kesepaduan ini sangat penting.

Gaya kepimpinan jurulatih yang positif dan berkesan memainkan peranan utama dalam membina semangat pasukan, memotivasikan ahli pasukan untuk bekerjasama, dan menggalakkan komunikasi yang efektif. Jurulatih yang mempunyai kemahiran kepimpinan yang baik dapat membina ikatan antara ahli pasukan, mendorong kerjasama, dan mencipta persekitaran yang memupuk semangat untuk kejayaan bersama. Oleh itu, hasil korelasi yang tinggi ini menyokong pandangan bahawa gaya kepimpinan jurulatih secara langsung mempengaruhi kesepaduan pasukan di dalam konteks sukan di sekolah. Dalam pada itu, hubungan yang kuat antara gaya kepimpinan jurulatih dan kesepaduan pasukan menimbulkan keperluan untuk memberikan penekanan pada pembangunan kemahiran kepimpinan jurulatih. Sekali lagi, program pembangunan jurulatih di peringkat sekolah sangat dituntut bagi mencakupi aspek-aspek seperti komunikasi, motivasi, dan pengurusan konflik dapat meningkatkan kemampuan jurulatih dalam membina dan memelihara kesepaduan pasukan.

Selain itu, sekolah boleh menggunakan hasil analisis ini sebagai asas untuk menyusun strategi latihan dan kegiatan pasukan yang lebih berfokus pada pembinaan kesepaduan. Sebagai langkah seterusnya, sekolah boleh mengadakan sesi latihan atau bengkel untuk jurulatih dan atlet dengan menitikberatkan aspek-aspek penting dalam pembangunan kesepaduan pasukan. Justeru itu, analisis Korelasi Pearson ini tidak hanya memberikan gambaran tentang hubungan positif antara gaya kepimpinan jurulatih dan kesepaduan pasukan, tetapi juga memberikan gambaran bagi sekolah untuk merancang strategi pembangunan sukan berpasukan yang lebih holistik dan berkesan.

Hasil-hasil ini konsisten dengan penelitian sebelumnya tentang kepemimpinan dan hasil organisasi. Kajian yang dijalankan oleh See et al. (2023), Ong & Hamid (2023), dan Lee & Hamzah (2023) telah menyelidik hubungan antara pelbagai gaya kepemimpinan dan faktor-faktor organisasi, memerhatikan kesan signifikan daripada gaya kepemimpinan pada sesebuah organisasi. Selain itu turut menekankan pengaruh kepemimpinan etika terhadap tingkah laku organisasi dan yang lebih lanjut menggalas pendapat bahawa gaya kepemimpinan dapat memberi kesan signifikan pada sesebuah organisasi.

Selain itu, dalam kajian yang dijalankan oleh Yassin et al. (2023) memberi fokus pada hubungan antara kepemimpinan transformasional dan kepuasan kerja di kalangan guru akademik, memberikan gambaran tentang pengaruh positif kepemimpinan yang efektif terhadap kepuasan pekerja. Sebagai kesimpulan, korelasi positif yang kuat antara gaya kepemimpinan jurulatih dan kesepaduan pasukan, beserta signifikan yang secara statistik, menegaskan peranan yang berpengaruh kepemimpinan jurulatih dalam membentuk kesepaduan pasukan. Hasil daripada penemuan ini menekankan pentingnya mempamerkan gaya kepemimpinan yang berkesan dalam kalangan jurulatih untuk meningkatkan kesepaduan pasukan bagi meningkatkan prestasi sesebuah pasukan.

Tambahan lagi, berbanding dengan kajian-kajian luar negara, hasil kajian ini menunjukkan sokongan terhadap penyelidikan terdahulu yang menekankan peranan gaya kepimpinan dalam kepuasan atlet, emosi, tingkah laku, dan kesepaduan pasukan. Sebagai contoh, kajian oleh Vella et al. (2013) di Australia mendapati bahawa

kepimpinan transformasional jurulatih berkait rapat dengan kepuasan atlet dan kesejahteraan psikologi mereka, selari dengan dapatan kajian ini. Walau bagaimanapun, beberapa kajian luar negara seperti kajian oleh Smith et al. (2016) di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa dalam sukan berprestasi tinggi, gaya kepimpinan yang lebih autokratik juga boleh membawa kejayaan jika digabungkan dengan sokongan emosi yang strategik, yang sedikit berbeza daripada penekanan utama kajian ini terhadap kepimpinan yang positif dan inklusif. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh faktor budaya, sistem latihan, serta tahap profesionalisme sukan di negara yang berbeza, di mana atlet di negara-negara Barat mungkin lebih terbiasa dengan struktur kepimpinan yang lebih tegas dan berorientasikan hasil. Oleh itu, perbezaan dalam konteks budaya dan pendekatan latihan sukan perlu diambil kira apabila menerapkan hasil kajian ini dalam pelbagai persekitaran sukan.

5.4 PERBINCANGAN TEORI

Terdapat empat teori gaya kepimpinan yang diketengahkan oleh pengkaji dalam kajian ini dan keempat-empat gaya kepimpinan tersebut mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri. Setiap teori ini memberikan pandangan yang berbeza mengenai bagaimana seorang pemimpin berinteraksi dengan ahli pasukannya dan bagaimana pengaruhnya dapat membentuk keseimbangan dalam sesebuah pasukan sukan. Perbincangan mengenai keempat-empat teori gaya kepimpinan yang dikaji ini penting untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang setiap teori gaya kepimpinan, serta perkaitan terhadap kajian yang dijalankan. Dengan memahami pelbagai pendekatan ini, jurulatih boleh menyesuaikan gaya kepimpinan mereka mengikut situasi dan keperluan atlet. Kepelbagaian teori ini juga membolehkan kajian mengenal pasti gaya yang paling berkesan dalam konteks pasukan sukan tertentu.

5.4.1 Perbincangan Teori Gaya Kepimpinan Latihan Dan Arahan

Teori gaya kepimpinan latihan dan arahan adalah pendekatan jurulatih yang memberi tumpuan kepada penyeliaan yang teliti dan pengarahannya yang jelas dalam memberikan arahan kepada atlet mereka. Data yang diberikan menunjukkan bahawa teori ini mungkin diterapkan dengan baik dalam konteks kajian, dengan rentang nilai yang luas

antara nilai minimum dan maksimum, menandakan variasi dalam tahap latihan dan arahan yang diberikan. Walau bagaimanapun, sisihan piawai yang agak tinggi menunjukkan terdapat penyebaran yang agak besar dalam pengukuran ini, mungkin menandakan perbezaan dalam persepsi atau pelaksanaan latihan dan arahan.

Secara lebih terperinci, dalam konteks pengurusan organisasi, teori gaya kepimpinan latihan dan arahan ini menekankan pentingnya penyeliaan yang teliti dan pengarahan yang jelas terhadap pekerjaan kakitangan. Ia melibatkan memberikan arahan yang terperinci mengenai tugas dan tanggungjawab, serta menyediakan latihan yang mencukupi untuk memastikan bahawa pekerja memahami dan dapat melaksanakan tugas mereka dengan baik. Pertama, penyeliaan yang teliti. Dalam pendekatan ini, penyeliaan diperlukan untuk memastikan bahawa pekerjaan dilaksanakan dengan betul dan efisien. Penyelia perlu mengawasi prestasi kakitangan secara berterusan, memberikan maklum balas yang tepat, dan membetulkan kesalahan atau kekurangan dengan segera. Penyeliaan yang teliti membantu memastikan kualiti kerja yang tinggi dan kepatuhan terhadap prosedur organisasi. Kedua, pengarahan yang jelas. Pekerja memerlukan arahan yang jelas mengenai apa yang diharapkan daripada mereka dalam melakukan tugas harian. Pengarahan yang jelas membantu mengurangkan kekeliruan dan ketidakpastian dalam melaksanakan kerja. Ia juga memudahkan kakitangan untuk mengetahui matlamat organisasi serta peranan dan tanggungjawab mereka dalam mencapai matlamat tersebut.

Seterusnya yang ketiga, latihan yang mencukupi. Teori gaya kepimpinan latihan dan arahan mengiktiraf kepentingan latihan dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja. Dengan memberikan latihan yang mencukupi, organisasi dapat memastikan bahawa pekerja memiliki kemahiran yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas dengan efektif. Ini juga membantu dalam meningkatkan kepuasan pekerja dan keberkesanan organisasi secara keseluruhan. Keempat, keperluan untuk konsistensi. Dalam melaksanakan teori gaya kepimpinan latihan dan arahan, konsistensi dalam penyeliaan, pengarahan, dan latihan adalah kunci. Penyeliaan yang tidak konsisten atau arahan yang kabur boleh mengakibatkan kekeliruan di kalangan kakitangan dan kesukaran dalam mencapai matlamat organisasi. Seterusnya, fleksibiliti yang bersyarat.

Walaupun pendekatan ini menekankan penyeliaan yang teliti dan pengarahan yang jelas, ia juga memerlukan kefleksibilitian dalam situasi tertentu. Penyelia perlu dapat mengenal pasti keperluan individu pekerja dan menyesuaikan gaya pengurusan mereka mengikut keperluan individu tersebut. Secara keseluruhannya, teori gaya kepimpinan latihan dan arahan memainkan peranan penting dalam membentuk budaya organisasi yang efisien dan produktif. Dengan memberikan penyeliaan yang teliti, pengarahan yang jelas, dan latihan yang mencukupi, organisasi dapat meningkatkan prestasi pekerja, kepuasan pekerja, dan keberkesanan keseluruhan.

Manakala dalam konteks pengurusan jurulatih dan atlet, teori gaya kepimpinan latihan dan arahan menjadi asas penting dalam memandu prestasi atlet dan pembangunan bakat. Terdapat beberapa aspek penting yang diterapkan dalam konteks ini seperti yang pertama penyeliaan yang teliti dan pengarahan yang jelas. Jurulatih berperanan sebagai penyelia yang teliti terhadap latihan dan prestasi atlet. Mereka memberikan pengarahan yang jelas mengenai teknik, strategi, dan objektif latihan kepada atlet. Pengarahan yang tepat membantu atlet memahami apa yang diharapkan daripada mereka dan menetapkan sasaran prestasi yang realistik. Kedua, pemahaman terhadap kecenderungan individu. Jurulatih perlu memahami keperluan dan keupayaan individu atlet serta memberikan latihan yang sesuai dengan keperluan masing-masing. Mereka dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet dan menyusun latihan yang sesuai untuk meningkatkan prestasi dan mengatasi kelemahan.

Tambahan lagi, yang ketiga, konsistensi dan ketelitian dalam pembinaan program latihan. Jurulatih perlu memastikan konsistensi dalam menyusun program latihan dan memberikan arahan kepada atlet. Mereka mengawasi prestasi atlet secara berterusan dan memberikan maklum balas yang konstruktif untuk membantu atlet memperbaiki prestasi mereka dari semasa ke semasa. Seterusnya, pemberian latihan yang mencukupi. Penting bagi jurulatih untuk menyediakan latihan yang mencukupi untuk meningkatkan kekuatan, ketahanan, teknik, dan strategi atlet. Latihan yang berterusan dan berterusan membantu meningkatkan kemahiran dan keupayaan atlet serta memastikan kecergasan fizikal dan mental yang optimum. Kelima, pengiktirafan dan pujian. Pengiktirafan dan pujian dari jurulatih merupakan aspek penting dalam memotivasi atlet. Pengiktirafan terhadap usaha keras dan pencapaian atlet membina

keyakinan diri dan memberikan dorongan untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi. Seterunya, keserasian dengan objektif individu dan pasukan. Program latihan perlu disesuaikan dengan objektif individu atlet dan matlamat pasukan. Jurulatih berperanan dalam menyelaraskan matlamat peribadi atlet dengan matlamat pasukan serta menyediakan latihan yang bersifat holistik dan bersepadu. Ketujuh, komunikasi terbuka dan transparan. Komunikasi antara jurulatih dan atlet perlu terbuka dan transparan. Atlet perlu merasa selesa untuk berkongsi perasaan, keperluan, dan matlamat mereka dengan jurulatih. Jurulatih, di sisi lain, perlu memberikan maklum balas secara konstruktif dan berterusan kepada atlet. Dengan menerapkan teori gaya kepimpinan latihan dan arahan dalam konteks jurulatih dan atlet, prestasi atlet dapat ditingkatkan, bakat dapat dibangunkan dengan lebih efektif, dan persekitaran latihan yang positif dan memotivasi dapat dibina.

5.4.2 Perbincangan Teori Gaya Kepimpinan Demokratik

Teori gaya kepimpinan demokratik dalam konteks pengurusan organisasi menekankan pentingnya penglibatan kakitangan dalam membuat keputusan, berkolaborasi dalam mencapai matlamat organisasi, dan memberikan ruang kepada kebebasan individu untuk berinovasi dan berkeaktiviti. Beberapa perkara penting diuraikan dengan lebih lanjut dalam konteks ini. Pertama, penglibatan dalam pembuatan keputusan. Pendekatan demokratik menggalakkan penyertaan kakitangan dalam proses pembuatan keputusan organisasi. Ini bermaksud bahawa tidak hanya pihak atasan yang membuat keputusan, tetapi kakitangan di semua peringkat organisasi juga diberi peluang untuk memberi pendapat dan menyumbangkan idea mereka. Ini mencipta rasa kepemilikan dan penglibatan yang lebih tinggi di kalangan kakitangan terhadap matlamat dan objektif organisasi. Kedua, kolaborasi dan kerjasama. Dalam persekitaran demokratik, kerjasama dan kolaborasi antara kakitangan ditekankan. Individu dari pelbagai bahagian atau jabatan boleh bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama, mengatasi cabaran, dan memecahkan masalah. Ini mendorong timbal balik yang positif antara kakitangan dan membentuk budaya kerja yang inklusif dan berdaya maju.

Ketiga, kebebasan untuk berkreaitiviti dan berinovasi. Teori gaya kepimpinan demokratik memberikan ruang kepada kakitangan untuk mengemukakan idea baru, mencuba pendekatan yang berbeza, dan meneroka penyelesaian kreatif kepada masalah. Dengan memberikan kebebasan ini, organisasi dapat memanfaatkan bakat dan potensi yang ada dalam organisasi, serta menyemai budaya inovasi yang terus-menerus. Seterusnya, komunikasi terbuka dan kejelasan. Aspek penting dalam teori demokratik adalah komunikasi yang terbuka dan kejelasan. Maklumat berkaitan dengan keputusan dan arah haluan organisasi perlu dikongsi secara jujur dan tepat dengan kakitangan. Ini membina kepercayaan dan kefahaman di kalangan kakitangan, serta memastikan semua pihak mempunyai visi yang sama untuk mencapai matlamat bersama. Kelima, pengurusan berdasarkan nilai dan prinsip. Organisasi yang mengamalkan pendekatan demokratik biasanya berpegang kepada nilai-nilai demokrasi seperti kesaksamaan, keadilan, dan hormat-menghormati. Nilai-nilai ini menjadi asas bagi pembuatan keputusan dan interaksi di dalam organisasi, membentuk budaya yang inklusif dan memperkasakan kakitangan. Secara keseluruhan, teori gaya kepimpinan demokratik menyediakan kerangka kerja yang memperkasa kakitangan, menggalakkan pembangunan individu dan keterlibatan dalam proses organisasi, serta membentuk budaya kerja yang dinamik dan progresif. Dengan memberikan kepercayaan kepada kakitangan dan memberikan ruang kepada kebebasan dan partisipasi, organisasi dapat mencapai prestasi yang lebih tinggi dan kepuasan pekerja yang lebih baik.

Manakala, dalam konteks pengurusan jurulatih dan atlet, penerapan teori gaya kepimpinan demokratik membawa kepada budaya latihan yang berpusatkan kepada kebebasan, penglibatan, dan kerjasama di antara semua pihak yang terlibat. Beberapa perkara penting diterapkan dalam konteks ini seperti pertama penglibatan dalam pembuatan keputusan. Teori demokratik mendorong penglibatan aktif atlet dalam pembuatan keputusan yang berkaitan dengan latihan dan strategi pertandingan. Jurulatih memberi peluang kepada atlet untuk memberi pendapat, menyumbangkan idea, dan memberikan input dalam merangka program latihan serta memilih strategi yang sesuai. Partisipasi ini memberi atlet rasa kepemilikan terhadap proses latihan dan membina motivasi yang tinggi untuk mencapai matlamat bersama. Kedua, kolaborasi dan kerjasama. Budaya demokratik merangsang kerjasama antara jurulatih dan atlet, serta antara sesama atlet. Jurulatih dan atlet perlu bekerjasama dalam merangka

program latihan, menentukan strategi pertandingan, dan menyelesaikan masalah yang muncul semasa latihan atau pertandingan. Kolaborasi ini membangunkan persekitaran latihan yang positif dan menyokong perkembangan atlet secara keseluruhan.

Seterusnya dalam konteks ini adalah kreativiti dan inovasi. Teori gaya kepimpinan demokratik menggalakkan kreativiti dan inovasi di dalam sesi latihan. Atlet diberi kebebasan untuk mencuba pendekatan yang baru, mengemukakan idea kreatif, dan mencari penyelesaian yang inovatif untuk mencapai matlamat latihan. Hal ini membantu atlet untuk terus berkembang dan meningkatkan prestasi mereka. Keempat, kepentingan pada komunikasi terbuka. Komunikasi terbuka dan berterusan antara jurulatih dan atlet adalah aspek penting dalam budaya demokratik. Jurulatih perlu membuka saluran komunikasi yang efektif untuk mendengar pandangan dan keperluan atlet secara terbuka. Atlet juga perlu merasa selesa untuk berkongsi idea, kebimbangan, dan pandangan mereka dengan jurulatih. Ini membina hubungan yang kukuh antara jurulatih dan atlet serta memastikan bahawa keperluan individu atlet dipertimbangkan dalam merangka program latihan. Seterusnya, pengiktirafan atas usaha dan pencapaian. Dalam budaya gaya kepimpinan demokratik, pengiktirafan dan penghargaan diberikan kepada atlet atas usaha keras dan pencapaian mereka. Jurulatih menghargai sumbangan setiap individu atlet dan mengiktiraf pencapaian mereka secara terbuka. Ini membina keyakinan diri atlet dan memotivasikan mereka untuk terus berusaha untuk mencapai matlamat latihan dan prestasi. Jadi, melalui penerapan teori gaya kepimpinan demokratik dalam konteks jurulatih dan atlet, persekitaran latihan yang inklusif, berasaskan kepercayaan, dan memotivasi dapat dibangunkan. Ini tidak hanya membantu meningkatkan prestasi atlet, tetapi juga membentuk sikap positif, kepimpinan, dan kerjasama yang berterusan dalam kalangan atlet dan jurulatih.

Tambahan lagi, gaya kepimpinan demokratik juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kepuasan atlet dalam konteks Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM). Dalam sistem sukan sekolah, kepuasan atlet bukan sahaja bergantung kepada pencapaian prestasi tetapi juga pengalaman mereka sepanjang proses latihan dan pertandingan. Apabila jurulatih mengamalkan gaya kepimpinan demokratik, atlet merasakan suara mereka didengar dan pandangan mereka dihargai dalam membuat keputusan berkaitan latihan serta strategi permainan. Ini meningkatkan motivasi

intrinsik atlet dan memberikan mereka lebih keyakinan terhadap keupayaan diri. Selain itu, komunikasi terbuka dan persekitaran latihan yang inklusif membina hubungan yang lebih baik antara jurulatih dan atlet, mewujudkan kepercayaan serta rasa hormat yang tinggi dalam pasukan. Kajian menunjukkan bahawa atlet yang berlatih di bawah bimbingan jurulatih demokratik lebih cenderung untuk menunjukkan tahap kepuasan yang lebih tinggi kerana mereka merasakan diri mereka dihargai, dihormati, dan diberikan peluang untuk berkembang secara holistik. Sebagai contoh, kajian oleh Nasiruddin et al. (2023) mendapati bahawa gaya kepimpinan demokratik mempunyai pengaruh signifikan terhadap motivasi pelajar, yang berkait rapat dengan kepuasan atlet. Oleh itu, pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan pencapaian atlet di MSSM tetapi juga membantu dalam membentuk sahsiah dan nilai kepimpinan dalam kalangan atlet muda. Pendekatan teori gaya kepimpinan demokratik dalam pengurusan menekankan penglibatan kakitangan dalam membuat keputusan dan memberikan input dalam proses pengurusan. Data menunjukkan bahawa nilai-nilai untuk teori ini berada di antara rentang yang lebih rendah berbanding dengan gaya kepimpinan latihan dan arahan, menunjukkan kemungkinan adanya tahap yang lebih tinggi dalam penglibatan kakitangan. Walau bagaimanapun, rentang nilai yang masih luas menandakan bahawa walaupun terdapat elemen demokratik, terdapat juga variasi dalam pelaksanaannya.

5.4.3 Perbincangan Teori Gaya Kepimpinan Sokongan Sosial

Teori gaya kepimpinan sokongan sosial menitikberatkan pada keperluan untuk memberikan sokongan emosi dan sosial kepada kakitangan. Data menunjukkan bahawa nilai-nilai untuk teori ini berada dalam julat yang lebih rendah berbanding dengan gaya kepimpinan latihan dan arahan dan gaya kepimpinan demokratik, menunjukkan kemungkinan adanya fokus yang lebih besar pada hubungan antara kakitangan dan sokongan yang diberikan. Sisihan piawai yang rendah menunjukkan bahawa terdapat konsistensi yang tinggi dalam pengukuran ini, menunjukkan kestabilan dalam pengukuran sokongan sosial.

Teori gaya kepimpinan sokongan sosial dalam konteks pengurusan organisasi memberikan penekanan kepada keperluan untuk menyediakan sokongan emosi, sosial, dan instrumental kepada kakitangan. Sokongan sosial ini penting untuk meningkatkan

kepuasan pekerja, kesejahteraan psikologi, dan prestasi kerja. Beberapa aspek penting dalam konteks ini seperti, pertama, sokongan semosi. Sokongan emosi merangkumi penyediaan kemesraan, sokongan simpati, dan pengakuan terhadap perasaan dan cabaran yang dihadapi oleh kakitangan. Ini termasuk memberi dorongan, memahami masalah peribadi, dan menunjukkan kepedulian terhadap keadaan emosi pekerja. Sokongan emosi yang diberikan oleh rakan sekerja atau penyelia dapat membantu mengurangkan tekanan emosi dan meningkatkan keadaan psikologi pekerja. Kedua, sokongan sosial instrumental. Sokongan sosial instrumental merujuk kepada bantuan praktikal dan sokongan dalam menyelesaikan masalah atau mencapai matlamat. Contohnya termasuk memberikan bantuan dalam menyelesaikan tugas, memberi panduan, atau menyediakan sumber daya yang diperlukan. Sokongan ini membantu pekerja merasa dihargai dan kompeten, serta memudahkan mereka untuk menyelesaikan tugas dengan lebih efektif.

Selain itu, yang ketiga adalah kepercayaan dan hubungan interpersonal yang baik. Teori gaya kepimpinan sokongan sosial mengakui pentingnya kepercayaan dan hubungan interpersonal yang baik di tempat kerja. Organisasi yang mementingkan sokongan sosial biasanya mendorong pembinaan hubungan yang kuat antara kakitangan, menyediakan platform untuk berinteraksi dan berkolaborasi dengan baik. Kepercayaan dan hubungan yang baik membina atmosfera kerja yang positif, di mana kakitangan berasa selesa untuk memberi dan menerima sokongan. Setersunya, pengiktirafan dan penghargaan. Pengiktirafan dan penghargaan terhadap pencapaian pekerja adalah sebahagian daripada sokongan sosial. Pengiktirafan ini boleh datang dalam pelbagai bentuk, termasuk pujian awam, anugerah prestasi, atau promosi. Pengiktirafan yang sewajarnya membina motivasi dan komitmen pekerja terhadap organisasi, serta meningkatkan perasaan nilai diri dan kesejahteraan psikologi. Kelima, Program sokongan sosial yang teratur. Organisasi yang mengamalkan teori gaya kepimpinan sokongan sosial sering menyediakan program-program sokongan sosial yang teratur, seperti sesi konseling, kumpulan sokongan, atau program pembangunan personaliti. Program-program ini bertujuan untuk memberikan sokongan yang sistematik kepada kakitangan dalam menguruskan tekanan kerja dan mencapai keseimbangan kehidupan kerja yang sihat. Dengan menyediakan sokongan sosial yang efektif kepada kakitangan, organisasi dapat meningkatkan kepuasan pekerja, motivasi,

dan prestasi keseluruhan. Sokongan sosial yang berkualiti juga membantu mengurangkan kadar pergantungan kepada stres dan meningkatkan daya tahan terhadap tekanan kerja.

Di samping itu, dalam konteks pengurusan jurulatih dan atlet, teori gaya kepimpinan sokongan sosial menjadi penting dalam membina hubungan yang positif, memberi sokongan emosi dan instrumental kepada atlet, serta menyediakan persekitaran latihan yang menyokong perkembangan atlet secara menyeluruh. Terdapat beberapa aspek penting dalam konteks ini seperti sokongan emosi dari jurulatih. Jurulatih perlu memperlihatkan kepekaan terhadap keadaan emosi dan keperluan atlet. Mereka memberikan sokongan emosi dalam bentuk dorongan, sokongan moral, dan kepercayaan kepada atlet. Penyokongan emosi dari jurulatih membantu mengurangkan tekanan psikologi yang dialami oleh atlet, serta membangunkan keyakinan diri dan ketahanan mental yang diperlukan untuk berdepan dengan cabaran dalam latihan dan pertandingan. Kedua, sokongan sosial dari rakan sejawat. Hubungan yang baik antara atlet adalah sumber sokongan sosial yang penting. Rakan sejawat memberikan sokongan emosi dan komunikasi yang positif dalam persekitaran latihan. Mereka memberi dorongan, berkongsi pengalaman, dan memberikan sokongan moral kepada sesama atlet. Ini membina ikatan sosial yang kuat di antara atlet, membantu mereka merasa dihargai dan berasa selesa dalam persekitaran latihan.

Seterusnya, selain daripada sokongan emosi, jurulatih juga memberikan sokongan berbentuk praktikal kepada atlet dalam bentuk bantuan langsung dan sokongan dalam mencapai matlamat latihan. Ini mungkin termasuk memberikan panduan teknikal, menyediakan fasiliti latihan yang berkualiti, atau menyediakan sokongan dalam menangani kecederaan atau masalah fizikal. Sokongan instrumental ini membantu atlet untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka, serta memastikan bahawa mereka dapat melaksanakan tugas latihan dengan berkesan. Seterusnya, penghargaan dan pengiktirafan. Jurulatih mengiktiraf pencapaian dan usaha atlet secara terbuka dan berterusan. Penghargaan seperti pujian awam, anugerah prestasi, atau pengiktirafan dalam kumpulan latihan membina motivasi dan keyakinan diri atlet. Pengiktirafan ini memberi atlet rasa nilai diri yang tinggi dan memotivasikan mereka untuk terus berusaha untuk mencapai matlamat latihan dan prestasi. Kelima,

budaya sokongan dalam pasukan. Penting bagi jurulatih untuk membina budaya sokongan dalam pasukan di mana setiap ahli pasukan merasa dihargai, didengar, dan disokong. Jurulatih perlu mencipta persekitaran di mana atlet berasa selesa untuk berkongsi perasaan dan keperluan mereka, serta merasa bahawa mereka adalah sebahagian daripada satu keseluruhan yang lebih besar. Melalui penerapan teori gaya kepimpinan sokongan sosial dalam konteks jurulatih dan atlet, persekitaran latihan yang positif, menyokong, dan membangunkan dapat dibina. Ini membantu meningkatkan prestasi atlet, kesejahteraan emosi, dan kepuasan keseluruhan dalam pasukan.

5.4.4 Perbincangan Teori Gaya Kepimpinan Autokratik

Pendekatan gaya kepimpinan autokratik dalam pengurusan melibatkan penyeliaan yang ketat dan arahan yang kuat dari pihak atasan. Data menunjukkan bahawa nilai-nilai untuk teori ini adalah yang terendah, menunjukkan kemungkinan adanya tahap yang lebih rendah dalam keterlibatan kakitangan dalam membuat keputusan dan pengarahannya yang lebih kuat dari pihak atasan. Nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan konsistensi dalam pengukuran ini, menunjukkan bahawa terdapat sedikit variasi dalam persepsi atau pelaksanaan pendekatan autokratik.

Teori gaya kepimpinan autokratik dalam konteks pengurusan organisasi menekankan kuasa dan kawalan yang diperlukan oleh pihak atasan atau pemimpin dalam membuat keputusan dan mengarahkan pekerjaan kakitangan. Pendekatan ini menekankan hierarki yang ketat dan kuasa yang terpusat dalam tangan pemimpin organisasi. Beberapa huraian aspek penting dalam teori gaya kepimpinan autokratik. Pertama, pemusatan kuasa. Dalam pendekatan ini, kuasa dan kawalan terpusat sepenuhnya dalam tangan pemimpin atau penyelia. Keputusan dibuat secara eksklusif oleh pihak atasan tanpa melibatkan kakitangan dalam proses pembuatan keputusan. Pendekatan ini mengandaikan bahawa pihak atasan mempunyai pengetahuan dan kebijaksanaan yang mencukupi untuk membuat keputusan yang terbaik bagi organisasi. Kedua, penyeliaan yang ketat. Penyeliaan dalam teori autokratik adalah ketat dan tegas. Pekerja diarahkan dengan jelas mengenai tugas dan tanggungjawab mereka, dan mereka dijangka mematuhi arahan tanpa persoalan. Pemimpin menggunakan kuasa dan pengaruh mereka untuk menegakkan standard dan prosedur yang telah ditetapkan

secara ketat. Ketiga, kurangnya penglibatan kakitangan. Dalam pendekatan autokratik, kakitangan tidak diberi peluang untuk menyumbangkan pendapat mereka atau terlibat dalam pembuatan keputusan. Mereka dianggap sebagai penerima arahan yang harus patuh dan melaksanakan arahan yang diberikan oleh pihak atasan. Kurangnya penyertaan ini boleh mengurangkan motivasi dan keterlibatan pekerja dalam pekerjaan mereka.

Seterusnya, komunikasi '*top-down*'. Komunikasi dalam organisasi autokratik adalah '*top-down*', bermaksud arahan dan keputusan disampaikan dari pihak atasan kepada bawahan tanpa banyak perbincangan atau dialog. Pemimpin mengawal aliran maklumat dan komunikasi dalam organisasi, yang boleh menyebabkan kekurangan kejelasan dan kefahaman di kalangan kakitangan. Kelima, keputusan pantas dan tegas. Keputusan dalam pendekatan autokratik dibuat dengan cepat dan tegas. Pemimpin mengambil alih inisiatif dalam menangani isu dan masalah, dan mereka mengharapkan kepatuhan segera dari kakitangan. Ini boleh mempercepatkan proses pengambilan keputusan, tetapi juga boleh mengabaikan input dan perspektif yang berharga dari kakitangan. Meskipun pendekatan gaya kepimpinan autokratik dapat memberikan kejelasan dan ketegasan dalam pengurusan, ia juga boleh menyebabkan kurangnya motivasi, rasa pemilikan, dan inovasi di kalangan kakitangan. Oleh itu, pendekatan ini mungkin lebih sesuai dalam situasi di mana keputusan pantas diperlukan atau dalam keadaan darurat, tetapi mungkin kurang sesuai untuk menggalakkan perkembangan jangka panjang dan keberkesanan organisasi.

Dalam konteks pengurusan jurulatih dan atlet pula, penerapan teori gaya kepimpinan autokratik mungkin tidak sesuai dengan keperluan pembangunan atlet secara holistik. Walau bagaimanapun pendekatan ini mungkin digunakan dalam beberapa situasi, ia mungkin kurang sesuai untuk mencapai matlamat jangka panjang seperti pembinaan hubungan yang kukuh antara jurulatih dan atlet, pengembangan keterampilan kepemimpinan atlet, dan mendorong rasa tanggungjawab dan inisiatif. Namun demikian, terdapat beberapa aspek penting dalam konteks ini seperti yang pertama, pemusatan kuasa jurulatih. Dalam pendekatan autokratik, kuasa dan kawalan terpusat di tangan jurulatih. Jurulatih membuat keputusan tanpa banyak input atau partisipasi dari atlet. Ini mungkin berlaku dalam situasi di mana jurulatih mempunyai

pengalaman yang luas atau pengetahuan teknikal yang tinggi, tetapi ia mungkin menghalang perkembangan inovasi dan kreativiti dalam sesi latihan. Kedua, penyeliaan ketat. Jurulatih yang menggunakan pendekatan autokratik cenderung mengawasi dan mengarahkan atlet secara ketat. Mereka mungkin menetapkan peraturan yang kaku dan mengharapkan kepatuhan sepenuhnya dari atlet. Walau bagaimanapun, pendekatan ini boleh menjejaskan motivasi dan rasa tanggungjawab atlet, serta menyekat kebebasan mereka untuk mencuba pendekatan baru atau mengekspresikan diri dalam latihan.

Seterusnya dalam konteks ini adalah kurangnya penglibatan atlet. Dalam pendekatan autokratik, atlet mungkin tidak diberi peluang untuk memberi input atau menyumbangkan idea mereka dalam proses latihan. Ini boleh mengakibatkan kurangnya rasa kepemilikan dan motivasi di kalangan atlet, serta menghalang perkembangan kepimpinan dan inisiatif yang diiktiraf. Seterusnya, komunikasi top-down. Komunikasi dalam pendekatan autokratik adalah top-down, dengan jurulatih yang mengarahkan atlet tanpa banyak dialog atau pertukaran idea. Ini boleh menyebabkan kurangnya pemahaman atau keserasian di antara jurulatih dan atlet, serta menghalang pembangunan hubungan yang berkesan. Walau bagaimanapun, penting untuk diingat bahawa setiap pendekatan pengurusan mempunyai kelebihan dan kelemahan, dan keberkesanan pendekatan tertentu boleh bergantung pada konteks dan personaliti individu yang terlibat. Walaupun pendekatan autokratik mungkin digunakan dalam beberapa situasi atau keadaan, ia penting untuk memberikan penekanan kepada pembangunan hubungan yang positif, komunikasi terbuka, dan memberi ruang kepada perkembangan inisiatif dan kreativiti atlet dalam mencapai matlamat latihan dan prestasi.

Tambahan lagi, dalam konteks Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), penerapan gaya kepimpinan autokratik oleh jurulatih boleh memberikan kesan yang berbeza terhadap kepuasan atlet. Dalam sesetengah keadaan, pendekatan ini boleh memastikan disiplin yang tinggi dan struktur latihan yang jelas, yang mungkin bermanfaat bagi atlet yang memerlukan bimbingan tegas dan arahan khusus untuk mencapai prestasi optimum. Walau bagaimanapun, gaya kepimpinan ini juga boleh membawa kepada kurangnya kepuasan atlet jika mereka merasa terkongkong, tidak mempunyai suara dalam proses latihan, atau jika komunikasi yang bersifat satu hala

menghalang mereka daripada menyuarakan keperluan dan kebimbangan mereka. Atlet yang lebih cenderung kepada autonomi dan pembelajaran sendiri mungkin mengalami tekanan atau kehilangan motivasi di bawah kepimpinan autokratik yang terlalu ketat. Oleh itu, walaupun pendekatan ini boleh meningkatkan ketegasan dan kejelasan dalam pengurusan latihan di MSSM, ia perlu diseimbangkan dengan pendekatan yang lebih inklusif untuk memastikan kepuasan dan perkembangan atlet yang menyeluruh.

5.5 RUMUSAN KAJIAN

Gaya kepimpinan jurulatih dalam bidang sukan merangkumi pelbagai pendekatan seperti gaya kepimpinan demokratik, autokratik, latihan dan arahan, serta sokongan sosial. Kajian sebelum ini telah mengetengahkan hubungan antara gaya kepimpinan ini dengan pencapaian atlet, baik di peringkat antarabangsa seperti kajian oleh Chelladurai et al. (1995) mahupun di peringkat tempatan seperti kajian oleh Nazaruddin et al. (2009). Selain itu, beberapa pemboleh ubah lain turut diperkenalkan dalam penyelidikan bagi mendalami lagi pemahaman tentang kesan gaya kepimpinan jurulatih terhadap prestasi dan perkembangan atlet. Gaya kepimpinan yang diterapkan oleh jurulatih boleh mempengaruhi motivasi, keyakinan diri, serta tahap komitmen atlet dalam latihan dan pertandingan. Oleh itu, memahami kesan setiap gaya kepimpinan adalah penting bagi memastikan jurulatih dapat mengadaptasi pendekatan yang paling berkesan untuk meningkatkan prestasi dan kesejahteraan atlet secara keseluruhan.

Kajian ini juga mengusulkan pendekatan kuantitatif, dengan pilihan untuk mengimplementasikannya melalui kajian deskriptif. Fokus utama kajian adalah pada persepsi atlet terhadap gaya kepimpinan jurulatih, khususnya dalam konteks peningkatan prestasi atlet. Dikategorikan sebagai kajian deskriptif, kajian ini mengumpul data daripada keseluruhan populasi dan menggunakan statistik asas. Terdapat beberapa soal selidik yang diambil daripada kajian lepas dan diadaptasi ke dalam kajian ini seperti soal selidik daripada kajian Chelladurai & Saleh (1980) bertajuk "*Dimensions of Leader Behavior in Sports: Development of Leadership Scale*." Selain itu, soal selidik berkaitan kesepaduan pasukan diambil daripada "*Development of a Cohesion Questionnaire for Youth: The Youth Sport Environment Questionnaire*" (2009), manakala aspek emosi dan tingkah laku pula diambil daripada *Behavioral*

Emotion Regulation Questionnaire (BERQ). Terakhir, pencapaian tahap kepuasan atlet diukur melalui *Athlete Satisfaction Questionnaire (ASQ)*.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan prosedur persampelan rawak mudah dalam melukis sampel. Chua (2011) menyatakan bahawa penggunaan prosedur persampelan rawak mudah memberikan kelebihan dalam memastikan setiap unit atau subjek memiliki peluang yang setara untuk dipilih sebagai responden. Dalam konteks ini, penggunaan prosedur persampelan rawak mudah memungkinkan penerokaan dalam gaya kepimpinan jurulatih sebagaimana yang dirasakan oleh atlet yang mewakili Kuala Lumpur dalam pertandingan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) pada tahun 2023. Seramai 500 orang atlet daripada Kuala Lumpur dijangka untuk menyertai pertandingan pada peringkat tersebut dalam pelbagai jenis sukan. Responden sebanyak 223 orang telah dipilih, mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan dalam jadual Krejcie dan Morgan.

Seterusnya, pengkaji juga telah mengukur data yang diperolehi menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS), juga dikenali sebagai IBM SPSS. Dalam menganalisis data, statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai telah digunakan untuk mengenal pasti jenis-jenis gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih di Majlis Sukan Sekolah Malaysia, Kuala Lumpur. Selanjutnya, kajian ini melibatkan penggunaan ujian statistik, khususnya ujian-T, untuk menyiasat perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina. Selain itu, kajian juga akan menggunakan analisis varians (ANOVA) untuk mengidentifikasi perbezaan dalam gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jenis sukan. Terakhir, analisis "Pearson Correlation" akan digunakan untuk menilai hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet, emosi dan tingkah laku atlet, serta kesepaduan pasukan.

Jadi, untuk merumuskan kajian dalam aspek kejurulatihan dan juga atlet di sekolah, hubungan yang mantap antara kejurulatihan dan atlet memainkan peranan yang penting dalam pembangunan atlet. Kejurulatihan yang berkesan tidak hanya melibatkan aspek teknikal sukan, tetapi juga keterlibatan emosi dan motivasi atlet. Kepemimpinan yang sensitif terhadap keperluan individu dan adaptif kepada gaya pembelajaran atlet dapat membentuk persekitaran yang kondusif untuk pembangunan bakat dan prestasi

yang tinggi. Tambahan lagi, gaya kepimpinan kejurulatihan menjadi faktor utama dalam membentuk pengalaman atlet. Gaya kepimpinan demokratik, dengan melibatkan atlet dalam proses membuat keputusan, dapat meningkatkan rasa tanggungjawab dan motivasi. Di sisi lain, gaya kepimpinan latihan dan arahan mungkin sesuai dalam situasi di mana ketepatan teknikal dan ketegasan diperlukan.

Selain itu, aspek penting lain ialah pencapaian matlamat dan penetapan matlamat. Kejurulatihan perlu bekerja bersama atlet untuk menetapkan matlamat yang realistik dan memberikan panduan untuk mencapainya. Proses ini tidak hanya membantu meningkatkan fokus atlet tetapi juga membina komitmen terhadap pembangunan diri. Dalam keseluruhan, kejurulatihan di sekolah mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membimbing, memberi motivasi, dan membentuk pembangunan atlet. Kerjasama dan komunikasi yang baik antara kejurulatihan dan atlet adalah kunci kejayaan dalam mencapai prestasi sukan yang cemerlang di peringkat sekolah.

5.6 IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini membawa implikasi yang signifikan terutamanya dalam konteks pengurusan sukan dan pembangunan atlet di Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Kuala Lumpur. Penemuan yang diperoleh daripada analisis deskriptif dan inferensi dalam bab 4 memberikan pandangan yang mendalam tentang bagaimana gaya kepimpinan jurulatih mempengaruhi perkembangan atlet. Ini menunjukkan bahawa jurulatih memainkan peranan yang lebih besar daripada sekadar melatih kemahiran teknikal atau fizikal; mereka juga berperanan sebagai pemimpin dan contoh teladan yang membentuk keperibadian dan karakter atlet. Oleh itu, kesedaran tentang pengaruh tingkah laku jurulatih, bukan sahaja dalam konteks latihan atau pertandingan, tetapi juga dalam interaksi seharian di luar gelanggang, adalah amat penting. Hal ini menekankan bahawa seorang jurulatih perlu sedar akan impak setiap tindak-tanduknya kerana ia akan mempengaruhi pembentukan nilai dan identiti atlet secara keseluruhan. Kajian Stewart & Owens (2011) turut menyokong pandangan ini dengan menekankan bahawa tingkah laku jurulatih yang positif dapat membentuk identiti atlet yang berintegriti dan berpegang pada nilai-nilai yang kukuh.

Tambahan pula, pencapaian atlet tidak hanya boleh diukur dari segi kemahiran teknikal atau kecemerlangan fizikal semata-mata. Walaupun aspek ini penting, pengaruh jurulatih dalam membentuk karakter dan etika atlet adalah sama pentingnya dalam menentukan kejayaan jangka panjang mereka, baik dalam bidang sukan mahupun kehidupan seharian. Jurulatih yang berjaya bukan sahaja mampu mengasah bakat atlet dari segi teknikal, tetapi juga membimbing mereka menjadi individu yang bertanggungjawab, berdisiplin, dan mempunyai etika kerja yang tinggi. Oleh itu, implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa penilaian terhadap kejayaan seorang jurulatih tidak seharusnya terhad kepada hasil pertandingan semata-mata. Sebaliknya, perlu ada penilaian holistik yang turut mengambil kira bagaimana jurulatih tersebut berjaya mempengaruhi perkembangan keseluruhan atlet, termasuk aspek emosi, mental, dan moral. Ini menuntut satu pendekatan yang lebih menyeluruh dalam menilai dan merangka program pembangunan jurulatih di MSSM, yang meletakkan penekanan bukan sahaja pada pencapaian teknikal tetapi juga pada pembangunan karakter dan integriti atlet.

Selain itu, kajian ini juga menekankan kepentingan untuk memahami dan menghargai nilai-nilai yang mungkin tidak terlihat secara langsung dalam prestasi atlet semasa pertandingan. Contohnya, sikap positif, ketahanan mental, dan kerjasama dalam pasukan adalah elemen penting yang menyumbang kepada kejayaan seorang atlet dan pasukan secara keseluruhan, walaupun ia mungkin tidak dinilai secara langsung melalui pingat atau kedudukan di podium. Penilaian keberhasilan seorang jurulatih oleh itu perlu mengambil kira kriteria yang lebih luas yang merangkumi kemampuan mereka untuk membina hubungan interpersonal yang baik dengan atlet, mencipta suasana latihan yang kondusif, dan menanamkan nilai-nilai positif yang akan menjadi panduan bagi atlet dalam menghadapi pelbagai cabaran. Ini menunjukkan bahawa pembangunan jurulatih perlu difokuskan bukan sahaja pada aspek pengajaran kemahiran sukan, tetapi juga pada aspek bimbingan nilai dan pembinaan hubungan yang positif dan menyokong.

Secara keseluruhan, implikasi kajian ini memberi rangsangan kepada perancangan yang lebih komprehensif dalam merangka program latihan dan pembangunan jurulatih di MSSM Kuala Lumpur. Pihak pengurusan perlu menyedari bahawa tanggungjawab seorang jurulatih jauh lebih besar daripada sekadar mengejar

Selain itu, kajian lanjutan boleh difokuskan pada penerapan program latihan khusus untuk jurulatih yang menekankan aspek pembinaan karakter dan penanaman nilai-nilai positif dalam kalangan atlet. Program latihan ini boleh merangkumi modul tentang psikologi sukan, kepimpinan yang beretika, serta kaedah komunikasi yang berkesan dengan atlet remaja. Keberkesanan program-program ini perlu dianalisis untuk melihat sejauh mana ia membantu jurulatih memahami dan memenuhi tanggungjawab mereka sebagai pembimbing moral dan bukan sekadar pelatih teknikal. Kajian boleh dijalankan dengan membandingkan prestasi dan perkembangan atlet sebelum dan selepas jurulatih mereka menjalani program latihan tersebut, serta melalui penilaian kualitatif yang melibatkan wawancara mendalam dengan jurulatih dan atlet. Tambahan lagi, kajian ini juga boleh melibatkan analisis tentang cabaran yang dihadapi oleh jurulatih dalam menerapkan nilai-nilai positif dalam konteks latihan yang kompetitif, di mana tekanan untuk mencapai keputusan sering kali mengatasi keutamaan untuk membina karakter. Kajian yang mendalam tentang aspek ini dapat memberikan panduan yang lebih baik kepada pengurusan MSSM dalam merangka

program latihan jurulatih yang lebih komprehensif dan berfokus kepada pembangunan holistik atlet. Selain itu, kajian komparatif antara pelbagai sukan juga boleh dilakukan untuk memahami bagaimana gaya kepimpinan berbeza mungkin memberi kesan kepada atlet dalam sukan yang berbeza, seperti perbandingan antara sukan individu dan sukan berpasukan, atau antara sukan yang lebih kompetitif dan sukan rekreasi.

Disamping itu, kajian kualitatif yang lebih mendalam boleh dijalankan untuk mengeksplorasi pengalaman atlet secara lebih kontekstual dan menyeluruh. Kajian ini boleh melibatkan kajian kes dan analisis dokumen untuk memahami bagaimana gaya kepimpinan jurulatih mempengaruhi motivasi, kepercayaan diri, dan komitmen atlet dalam pelbagai situasi latihan dan pertandingan. Pendekatan kualitatif ini dapat memberikan gambaran yang lebih terperinci mengenai dinamik hubungan antara jurulatih dan atlet, termasuk bagaimana faktor-faktor seperti keperibadian jurulatih, harapan atlet, dan konteks latihan mempengaruhi interaksi mereka. Sebagai contoh, kajian kes terhadap beberapa pasukan sukan dapat mendedahkan bagaimana atlet tertentu mungkin lebih bermotivasi dengan kepimpinan yang memberi inspirasi dan mendorong mereka untuk menetapkan matlamat yang lebih tinggi, manakala atlet lain mungkin mengalami tekanan atau kurang selesa dengan pendekatan yang sama. Melalui analisis dokumen seperti catatan latihan, laporan prestasi, dan refleksi atlet, penyelidik dapat mengenal pasti corak kepimpinan yang lebih efektif dalam meningkatkan prestasi dan kesejahteraan atlet dalam jangka panjang. Pemerhatian langsung semasa sesi latihan juga dapat memberi pemahaman yang lebih jelas tentang bagaimana jurulatih berinteraksi dengan atlet dalam situasi sebenar dan bagaimana atlet bertindak balas terhadap pelbagai pendekatan kepimpinan. Dengan memahami lebih mendalam pengalaman subjektif atlet, pengurus MSSM boleh mendapatkan maklumat yang lebih kaya untuk merangka program pembangunan sukan yang lebih bersesuaian dengan keperluan dan harapan atlet.

Faktor budaya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi gaya kepimpinan jurulatih kerana norma, nilai, dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat dapat membentuk persepsi terhadap kepimpinan yang berkesan. Dalam konteks Malaysia, budaya yang menekankan hierarki, penghormatan kepada autoriti, dan kolektivisme sering menyebabkan jurulatih mengamalkan gaya kepimpinan yang lebih

autokratik, di mana arahan diberikan secara langsung dan atlet diharapkan untuk mengikutinya tanpa banyak persoalan. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat yang semakin berkembang dan lebih terbuka kepada pengaruh global, terdapat pergeseran ke arah gaya kepimpinan yang lebih demokratik dan berasaskan hubungan interpersonal, terutama dalam kalangan jurulatih yang lebih muda atau yang mendapat pendedahan kepada sistem latihan dari luar negara. Menggunakan pendekatan kualitatif seperti wawancara mendalam dan pemerhatian berstruktur dapat membantu memahami bagaimana elemen budaya ini diterjemahkan dalam amalan kepimpinan jurulatih serta bagaimana atlet menerima dan bertindak balas terhadap gaya kepimpinan yang berbeza. Sebagai contoh, atlet yang dibesarkan dalam persekitaran yang menekankan kepatuhan mungkin lebih selesa dengan pendekatan autokratik, manakala atlet dari latar belakang yang lebih terbuka kepada perbincangan mungkin lebih menghargai gaya kepimpinan yang melibatkan komunikasi dua hala dan autonomi dalam membuat keputusan. Dengan memahami perbezaan budaya ini, jurulatih boleh menyesuaikan pendekatan mereka untuk memastikan bahawa kepimpinan mereka bukan sahaja berkesan tetapi juga sesuai dengan keperluan dan harapan atlet dalam konteks sosial dan budaya mereka.

Akhirnya, kajian boleh memperluas skopnya untuk meneliti impak jangka panjang pembangunan karakter terhadap kejayaan atlet selepas tamat persekolahan. Ini adalah aspek yang penting kerana nilai-nilai dan sikap yang dibentuk semasa zaman persekolahan boleh memberi impak yang mendalam terhadap perkembangan atlet dalam fasa-fasa kehidupan mereka yang seterusnya. Kajian jangka panjang ini boleh meneliti bagaimana pembangunan karakter semasa di MSSM mempengaruhi bukan sahaja prestasi atlet di peringkat yang lebih tinggi seperti sukan kebangsaan atau antarabangsa, tetapi juga bagaimana mereka menghadapi cabaran dalam kehidupan selepas karier sukan, seperti dalam bidang akademik atau profesional. Melalui kajian yang menyelidiki hubungan antara pengalaman sukan semasa di sekolah dengan kejayaan dalam kehidupan dewasa, penyelidik dapat mengenal pasti elemen-elemen kritikal dalam pembinaan karakter yang perlu diberikan perhatian khusus oleh jurulatih dan pengurusan sukan. Ini juga boleh menjadi asas kepada pengurusan MSSM untuk merancang program pembangunan sukan yang bukan sahaja melahirkan atlet yang berjaya di peringkat sekolah, tetapi juga individu yang mempunyai asas moral dan

keupayaan untuk beradaptasi dengan pelbagai cabaran kehidupan. Dengan merangkumi aspek-aspek ini, kajian lanjutan akan memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh dan mendalam tentang peranan jurulatih, pembangunan karakter atlet, dan impaknya terhadap prestasi sukan di Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Kuala Lumpur.

5.8 PENUTUP

Penelitian ini membawa implikasi yang signifikan, terutama bagi individu yang terlibat dalam pendidikan, penyelidikan, dan perkhidmatan dalam konteks sukan. Dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai tingkah laku spesifik jurulatih dan ciri-ciri unik dalam pendekatan serta gaya mereka membuat keputusan, kajian ini memberikan panduan berharga bagi jurulatih dalam menyesuaikan tingkah laku mereka mengikut keperluan dan konteks yang berbeza. Peningkatan kesedaran tentang pengaruh jurulatih tidak hanya terhad kepada sesi latihan atau pertandingan, tetapi juga meliputi interaksi mereka di luar waktu latihan. Tingkah laku yang dipamerkan oleh jurulatih ketika berinteraksi dengan atlet, seperti komunikasi yang positif dan sokongan emosi, boleh membentuk ikatan yang kuat dan meningkatkan motivasi atlet. Hal ini penting kerana hubungan yang baik antara jurulatih dan atlet sering kali menjadi asas kepada keberkesanan program latihan, meningkatkan rasa percaya diri atlet, dan menumbuhkan semangat kerja berpasukan yang penting dalam kejayaan sukan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa jurulatih yang menunjukkan ciri-ciri tingkah laku kejurulatihan yang efektif, terutama dalam aspek teknikal dan taktikal, serta sikap ramah, lebih berkesan dalam memenuhi kepuasan atlet. Kajian ini menekankan bahawa jurulatih bukan sahaja perlu memiliki pengetahuan teknikal yang mendalam, tetapi juga kemampuan untuk berinteraksi dengan atlet dengan cara yang membina. Sikap positif dan sokongan emosi yang ditunjukkan oleh jurulatih boleh meningkatkan pengalaman latihan atlet, mengurangkan tekanan, dan mendorong mereka untuk mencapai matlamat yang lebih tinggi. Oleh itu, kesedaran mengenai ciri-ciri tingkah laku yang penting ini boleh mendorong jurulatih untuk melakukan refleksi diri dan terus memperbaiki gaya kepemimpinan mereka. Dengan memahami dan menerapkan ciri-ciri tersebut dalam interaksi mereka dengan atlet, jurulatih dapat meningkatkan bukan sahaja prestasi atlet

tetapi juga kesejahteraan keseluruhan mereka, yang seterusnya dapat mempengaruhi hasil di pentas sukan.

Selain itu, hasil kajian ini membuka peluang bagi jurulatih untuk mengembangkan strategi yang lebih efektif berdasarkan tingkah laku yang menyumbang kepada peningkatan kepuasan atlet. Dengan mengenali bentuk-bentuk tingkah laku tertentu yang berkesan, jurulatih boleh merancang program latihan yang lebih terfokus dan sesuai dengan keperluan atlet. Ini termasuk pengembangan kemahiran komunikasi yang lebih baik, pendekatan motivasi yang lebih sesuai, dan teknik kepemimpinan yang dapat menyesuaikan diri dengan dinamika kumpulan yang berbeza. Selain itu, hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pengembangan program pendidikan kejurulatihan yang lebih terstruktur dan sistematik, dengan memasukkan modul tentang kepemimpinan yang beretika dan pembangunan karakter atlet. Dengan memberikan jurulatih pengetahuan yang diperlukan tentang pentingnya komunikasi dan kepemimpinan dalam konteks latihan, mereka dapat membina hubungan yang lebih kuat dengan atlet dan memperbaiki prestasi keseluruhan pasukan.

Dalam konteks pemilihan jurulatih, pengetahuan mengenai implikasi kajian ini dapat menjadi panduan yang berharga bagi pihak-pihak yang terlibat dalam proses tersebut. Pihak pengurusan sukan dapat mempertimbangkan aspek seperti pengaruh jurulatih terhadap motivasi, kepercayaan diri, dan pembangunan karakter atlet dalam membuat keputusan mengenai pemilihan jurulatih. Dengan mengutamakan ciri-ciri yang relevan ini, mereka dapat memilih jurulatih yang tidak hanya mahir secara teknikal tetapi juga mampu membimbing dan menginspirasi atlet untuk mencapai potensi penuh mereka. Ini akan membawa kepada pemeraksanaan program pembangunan kejurulatihan yang lebih holistik, di mana jurulatih dilengkapi dengan sumber dan sokongan yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik. Dengan menitikberatkan keperluan pengembangan jurulatih yang berkualiti, pihak pengurusan dapat memastikan bahawa sumber daya mereka disalurkan ke arah yang tepat, memberikan impak positif kepada prestasi atlet dan kemajuan sukan secara keseluruhan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan perlunya penelitian lanjutan yang lebih mendalam dalam menggali isu-isu berkaitan etika kejurulatihan dan impaknya terhadap prestasi atlet. Dengan menyoroti kepentingan etika dan integriti dalam hubungan antara jurulatih dan atlet, penelitian lanjutan dapat membantu membentuk garis panduan yang lebih jelas mengenai praktik kejurulatihan yang bertanggungjawab dan beretika. Di samping itu, kajian mendalam dalam bidang ini dapat memberikan wawasan tentang bagaimana faktor psikologi dan sosial mempengaruhi hubungan ini. Memahami dinamika ini dapat membantu jurulatih dan pengurus sukan untuk mengatasi cabaran yang mungkin timbul dalam hubungan mereka dengan atlet, serta memberi panduan dalam menghadapi situasi yang kompleks. Penelitian lanjut dalam bidang ini bukan sahaja akan memberi sumbangan kepada pemahaman dalam psikologi sukan, tetapi juga menggalakkan perkembangan karakter dan etika dalam konteks sukan, yang sangat penting untuk pembentukan atlet yang berjaya dan bertanggungjawab.

Dengan demikian, penelitian lanjutan tentang tingkah laku kejurulatihan dapat memberikan asas untuk pembangunan program latihan yang lebih efektif dalam bidang sukan. Dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku kejurulatihan, pengembangan program latihan yang holistik dan berdaya tahan dapat dihasilkan. Ini akan mempertingkatkan profesionalisme jurulatih dan kesan positif terhadap pembangunan atlet secara menyeluruh. Harapan adalah agar penelitian lanjutan dalam bidang ini dapat memberikan sumbangan yang lebih besar kepada disiplin pendidikan, khususnya dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan di negara ini. Dengan memperkuat hubungan antara teori dan praktik dalam kejurulatihan, kita dapat memastikan bahwa generasi atlet yang akan datang akan dilatih dengan pendekatan yang lebih terintegrasi, yang tidak hanya menekankan kemahiran teknikal tetapi juga nilai-nilai moral dan etika yang penting dalam mencapai kejayaan di dalam dan luar arena sukan.

RUJUKAN

- Abas, C., Omar, F., Halim, F. W., & Hafidz, S. W. M. (2016). Peranan keletihan emosi dan penghargaan sendiri berasaskan organisasi dalam hubungan antara persepsi sokongan organisasi dan tingkah laku kerja tidak produktif. *Jurnal Pengurusan*, 48, 73-88. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2016-48-06>
- Abbas, G., Iqbal, J., Waheed, A. & Naveed Riaz, M. 2012. Relationship between Transformational Leadership Style and Innovative Work Behavior in Educational Institutions. *Journal of Behavioural Sciences* Vol. 22
- Agrawal, V., Bhat, A.B., Verma, N., Rangnekar, S. & Barua, M.K. 2012. Leadership style and team processes as predictors of organisational learning. *Team Performance Management: An International Journal* 18(7-8): 347-369.
- Ahmad, Hamidi., Herman, Subarjah. (2023). Relationship between Coach's Leadership Style and Motivation of Male Athletes. *Jurnal Maenpo: Jurnal Pendidikan Jasmani Kesehatan dan Rekreasi*, doi: 10.35194/jm.v13i1.3161
- Ahmad, S. and Hamid, A. A. (2021). Amalan kepimpinan distributif guru besar terhadap efikasi sendiri dalam kalangan guru prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 140-150. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.609>
- Ahmed, I. & Qazi, T.F. 2011. Do Students' Personality Traits Moderate Relationship Of Teacher's Leadership Style And Students' Academic Performance? Empirical Evidence From Institute Of Higher Learning. www.ijar.lit.az.
- Alemu, S.M. & Babu, M.S. 2012. The relationship between coaches' leadership styles, team cohesion and team success: the case of premier league soccer clubs in Ethiopia. *International Journal of Social Science and Interdisciplinary Research* 1: 1-13.
- Almansour, Y.M. 2012. The relationship between leadership styles and motivation of managers conceptual framework. *Journal of Arts, Science and Commerce* 3(1): 161-166.
- Amagoh, F. 2009. Leadership development and leadership effectiveness. *Management Decision* 47(6): 989-999. <https://doi.org/10.1108/00251740910966695>.
- Aminuddin Yusof (1998). The relationship between transformational leadership behavior of athletic directors and coaches' job satisfaction. *Physical Educator*. 55, 170.
- Ang, H. L. (2020). Pengaruh faktor tingkah laku terancang dan sokongan sosial terhadap penglibatan guru dalam kejurulatihan sukan di sekolah. *Tesis Sarjana*, Universiti Sains Malaysia.

- Arnason, A., Sigurdsson, S.B., Gudmundsson, A., Holme, I., Engebretsen, L. & Bahr, R. 2004. Physical Fitness, Injuries, and Team Performance in Soccer. *Medicine and Science in Sports and Exercise* 36(2): 278–285.
- Awan, M.R. & Mahmood, K. 2010. Relationship among leadership style, organizational culture and employee commitment in university libraries. *Library Management* 31(4): 253–266.
- Baker, J., Yardley, J. & CÔTÉ, J. 2003. Coach Behaviors and Athlete Satisfaction in Team and Individual Sports. *International Journal of Sport Psychology* 34(3): 226–239.
- Bandura, A., Freeman, W.H. & Lightsey, R. 1999. Self-efficacy: The exercise of control. Springer.
- Bird, J.J., Dunaway, D.M., Hancock, D.R. & Wang, C. 2013. The superintendent's leadership role in school improvement: Relationships between authenticity and best practices. *Leadership and Policy in Schools* 12(1): 77–99.
- Bruner, M.W., Eys, M.A., Beauchamp, M.R. & Côté, J. 2013. Examining the origins of team building in sport: A citation network and genealogical approach. *Group Dynamics* 17(1): 30–42.
- Bucic, T., Robinson, L. & Ramburuth, P. 2010. Effects of leadership style on team learning. *Journal of Workplace Learning* 22(4): 228–248.
- Cakioglu, A. (2003). *Leadership and satisfaction in soccer: Examination of congruence and players' position*. Master Thesis, Department of Physical Education and Sport: Middle East Technical University.
- Carron, A. V, Brawley, L.R. & Widmeyer, W.N. 1998. The measurement of cohesiveness in sportgroups
- Chelladurai, P. & Saleh, S.D. 1980. . _Lhote1958.pdf. *Leadership* 34–45.
- Chelladurai, P., Riemer & A, H. 1997. A classification of facets of athlete satisfaction. *Journal of sport management* 11(2): 133–159.
- Cholicul, Hadi., Maria, Omowunmi, Eko. (2023). Leadership Style Training Intervention on Perceptions of Job Performance Assessment in Managers at Bank BRI Regional Office Padang. *International journal of research and review*, doi: 10.52403/ijrr.20230444
- Chua, Y.P. 2011. *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Conroy, D.E. & Douglas Coatsworth, J. 2007. Assessing autonomy-supportive coaching strategies in youth sport. *Psychology of Sport and Exercise* 8(5): 671–684. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1469029206001348>.

- Covin, T.J., Kolenko, T.A., Sightler, K.W. & Tudor, R.K. (1997). Leadership style and postmerger satisfaction. *Journal of Management Development*, 16 (1): 22-33.
- Das, K. R., & Imon, A. H. (2016). A Brief Review of Tests for Normality. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5-12.
- Desa, A. M. and Salamuddin, N. (2022). Tahap kompetensi jurulatih sukan dalam melaksanakan latihan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001358. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1358>
- Dian, Marlina, Verawati., Budi, Hartono. (2020). Effective Leadership: From The Perspective of Trait Theory and Behavior Theory. doi: 10.31002/RN.V4I1.2147
- Dotan, R., Mitchell, C., Cohen, R., Klentrou, P., Gabriel, D. & Falk, B. 2012. Child—adult differences in muscle activation—a review. *Pediatric exercise science* 24(1): 2–21.
- Ekuri, P.E. 2018. Standard Facilities and Equipment as Determinants of High Sports Performance of Cross River State at National Sports Festival. *Journal of Public Administration and Governance* 8(2): 48.
- Eyal, O. & Roth, G. 2011. Principals' leadership and teachers' motivation: Self-determination theory analysis. *Journal of educational administration* 49(3): 256–275.
- Fan, F., Chen, J., Chen, Y., Li, B., Guo, L., Shi, Y., ... & Shi, H. (2023). How relationship-maintenance strategies influence athlete burnout: mediating roles of coach–athlete relationship and basic psychological needs satisfaction. *Frontiers in Psychology*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1104143>
- Filho, E., Dobersek, U., Gershgoren, L., Becker, B. & Tenenbaum, G. 2014. The cohesion–performance relationship in sport: A 10-year retrospective meta-analysis. *Sport Sciences for Health* 10: 165–177.
- Fraser-Thomas, J. & Côté, J. 2006. Youth sports: Implementing findings and moving forward with research. *Athletic Insight* 8(3): 12–27.
- Gambetta, V. 2007. *Athletic Development: Defining the Discipline*
- Gancho, Prodanov., Tatiana, Iancheva. (2022). The influence of gender on coaching efficacy and leadership style among bulgarian football players. doi: 10.37393/icass2022/69
- GILSON, T.A., CHOW, G.M. & FELTZ, D.L. 2012. Self-Efficacy and Athletic Squat Performance: Positive or Negative Influences at the Within- and Between-Levels of Analysis. *Journal of Applied Social Psychology* 42(6): 1467–1485.

- H., N., Jawoosh., Harith, Abdelelah, Alshukri., Mazin, Hadi, Kzar., Muhannad, Nazar, Kizar., Mustafa, Ali, Abdul, Ameer., Mohd, Radzani, Abdul, Razak. (2022). Analysis of Coaches' Leadership Style and Its Impact on Athletes' Satisfaction in University Football Teams. *International journal of human movement and sports sciences*, doi: 10.13189/saj.2022.100602
- Hazely, F., Abd Karim, Z., & Ghazali, N. (2020). Kompetensi Guru sebagai Jurulatih Bola Sepak dan Kesannya terhadap Prestasi Pemain Bola Sepak Pusat Latihan Daerah Kuala Lumpur. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 9(2), 13–21.
- Hersey, P., Blanchard, K.H. & Johnson, D.E. 2012. Management of Organizational Behavior. 10th Edition <http://www.amazon.com/Management-Organizational-Behavior-10th-Edition/dp/0132556405>.
- Horn, P., Horn, T.S., Bloom, P., Berglund, K.M. & Packard, S. 2011. Relationship Between Collegiate Athletes' Psychological Characteristics and Their Preferences for Different Types of Coaching Behavior. *The Sport Psychologist* Vol. 25. Riemer.
- Ismail, F.H., Karim, Z.A. & Novri, G. 2020. Kompetensi guru sebagai jurulatih bola sepak dan kesannya terhadap prestasi pemain bola sepak Pusat Latihan Daerah Kuala Lumpur. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani* 9(1): 47–61.
- Jan, Terje, Karlsen., Morten, Emil, Berg. (2020). Coaching leadership style: a learning process. *International Journal of Knowledge and Learning*, doi: 10.1504/IJKL.2020.10033158
- Jawoosh, H. N., Alshukri, H. A., Kzar, M. H., Kizar, M. N., Ameer, M. A. A., & Razak, M. R. A. (2022). Analysis of coaches' leadership style and its impact on athletes' satisfaction in university football teams. *International Journal of Human Movement and Sports Sciences*, 10(6), 1115-1125. <https://doi.org/10.13189/saj.2022.100602>
- Jenkins, J.M. & Alderman, B.L. 2011. Influence of sport education on group cohesion in university physical education. *Journal of Teaching in Physical Education* 30(3): 214–230.
- Jin Ho Choi (2006). *The relationship among transformational leadership, organizational outcomes, and service quality in five major NCAA conferences*. Master Thesis, Texas A&M University, USA, Texas.
- Kalu, Dolly, C., P, Okpokwasili, Nonyelum. (2018). Impact of autocratic leadership style on job performance of subordinates in academic libraries in port harcourt, rivers state, nigeria. *International Journal of Research*, doi: 10.29121/GRANTHAALAYAH.V6.I10.2018.1187
- Khairuzzaman, W., Ismail, W., Jafar, F. & Al-Tae, H. 2012. Integrating Gender, Traits And Transformational Leadership Style As Viewed From Human Resource Management Strategy. *Part B. Social Sciences And Humanities International Journal Of Academic Research* Vol. 4

- Lam, C.S. & O'Higgins, E.R.E. 2012. Enhancing employee outcomes: The interrelated influences of managers' emotional intelligence and leadership style. *Leadership & Organization Development Journal* 33(2): 149–174.
- Lan, W.-H. 2010. An investigation of the relationship among basketball coaches' leadership behavior and team cohesion and athletes' satisfaction in selected universities in northern Taiwan. United States Sports Academy.
- Leo, F.M., González-Ponce, I., Sánchez-Miguel, P.A., Ivarsson, A. & García-Calvo, T. 2015. Role ambiguity, role conflict, team conflict, cohesion and collective efficacy in sport teams: A multilevel analysis. *Psychology of Sport and Exercise* 20: 60–66.
- Lingling, Li., Gui, Huang., Yanling, Yan. (2022). Coaching Leadership and Employees' Deviant Innovation Behavior: Mediation and Chain Mediation of Interactional Justice and Organizational Identification. *Psychology Research and Behavior Management*, doi: 10.2147/PRBM.S381968
- Liu, P., Li, S., Zhang, Q., Zhang, X., Guo, L., & Li, J. (2022). Effect of paternalistic leadership on chinese youth elite athletes' satisfaction: resilience as a moderator. *Frontiers in Psychology*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1008163>
- Lussier, R.N. & Kimball, D. (2004). *Sport management: Principles, applications, skill development*. Ohio: Thompson. Mallet, C.J. (2003). Why the fire burn so brightlt. *International Journal of Sports Psychology*, 3: 117-131.
- Mat, S.B., Nelfianty Mohd Rasyid, P., Norsilawati Abd Razak, P., & Shahrudin Abdul Aziz, P.. 2022. (Level of Collective Efficacy and Team Cohesion of 20: 47–74.
- Mohamed, A. R., Abd Karim, Z., & Md Nadzalan, A. (2023). Pembentukan Model Kejurulatihan Sekolah Sukan Malaysia: Penerokaan Jurulatih Elit dalam Pembangunan Atlet Murid. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 9(2), 23–34.
- Mohd Kassim Mohd Ibrahim (2003). Perkaitan gaya kepimpinan pengetua dengan kepuasan kerja dan pengajaran guru. Disertasi PhD. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, Sabah.
- Mohd Salleh Aman (2005). *Asas pengurusan sukan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nielsen, K., Yarker, J., Brenner, S.O., Randall, R. & Borg, V. 2008. The importance of transformational leadership style for the well-being of employees working with older people. *Journal of Advanced Nursing* 63(5): 465–475.
- Nizam Bin Hj Nazarudin, M., Sofian Omar Fauzee, M., Jamalis, M., Kim Geok, S. & Din, A. 2009. Coaching Leadership Styles and Athlete Satisfactions Among Malaysian University Basketball Team.

- Ogilvie, B. 1966. *Problem athletes and how to handle them*. Pelham.
- Okwu, A.T., Obiakor, R.T., Falaiye, O.B. & Owolabi, S.A. 2011. Empirical analysis of the effects of monetary policy innovations on stabilization of commodity prices in Nigeria. *European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences* 32(32): 64–79.
- Paterson, J.G. 2005. p35-39w41.indd. www.nursing-standard.co.uk
- Pensgaard, A.M. & Roberts, G.C. 2002. Elite athletes' experiences of the motivational climate: The coach matters. *Scandinavian Journal of Medicine & Science in Sports* 12(1): 54–59. <https://doi.org/10.1034/j.1600-0838.2002.120110.x>.
- Pilus, A.H.M. & Saadan, R. 2009. Coaching Leadership Styles And Athlete Satisfactions Among Hockey Team *vol.2*
- Rachel, Kinnard. (2022). The influence of the coach leadership style and motivational climate on the perception of support for autonomous behavior. doi: 10.37393/icass2022/67
- Raja, Zulkhairil, Ikram, Raja, Adzhar., Shaharuddin, Abd, Aziz., Jaffry, Zakaria., Noorzaliza, Osman., Siti, Hartini, Azmi. (2019). Correlation between leadership style and athlete motivation among males and females adolescents. doi: 10.15282/MOHE.V8I2.340
- Ramzaninezhad, R., Misagh, & Keshtan, H. 2009. The Relationship Between Coach's Leadership Styles And Team Cohesion In Iran Football Clubs Professional League. *Brazilian Journal of Biomotricity* www.brjb.com.br.
- Rengasamy, S., Wee, A.S.S.. & Ali, S.K.S. 2013. Gaya Kepimpinan Jurulatih Yang Diminati Atlet-Atlet Sekolah Menengah Di Malaysia Berasaskan Jantina Dan Bangsa. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik Bil 1(4)*: 20–31.
- Riemer, H.A. & Toon, K. 2001. Leadership and satisfaction in tennis: examination of congruence, gender, and ability. *Research quarterly for exercise and sport* 72(3): 243–256.
- Robbins, J.E, & Rosenfeld, L.B. (2001). Athletes' perceptions of social support provided by their head coach, assistant coach, and athletic trainer, pre-injury and during rehabilitation. *Journal of Sport Behavior*, 24: 277-298.
- Robinson, M.J. (2005). *The management of sport*. (4th edition). London: Mc Graw Hill.
- Rohmann, A. & Rowold, J. 2009. Gender and leadership style. *Equal Opportunities International* 28(7): 545–560.
- Ruggieri, S. & Abbate, C.S. 2013. Leadership style, self-sacrifice, and team identification. *Social Behavior and Personality* 41(7): 1171–1178.

- Rui Gomes, A., Lopes, H. & Mata, R.T. 2011. Leadership, cohesion and satisfaction: Differences between swimming and handball portuguese teams. *Revista Mexicana de Psicologia* 28(1): 31–42.
- Soldan, Z. 2010. Group cohesiveness and performance: The moderating effect of diversity. *International Journal of Interdisciplinary Social Sciences* 5(4): 155–168.
- Soto-García, D., Reynoso-Sánchez, L. F., García-Herrero, J. A., Gómez-López, M., & Carcedo, R. J. (2022). Coach competence, justice, and authentic leadership: an athlete satisfaction model. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 18(2), 361-369. <https://doi.org/10.1177/17479541221122411>
- Stewart, C. & Owens, L. 2011. Stewart , C . & Owens , L . (2011) Behavioral Characteristics of Favorite Coaches : Implications for Coach Education (January 2011)
- Stockdale, S. 2013. Achieving high levels of performance as a training instructor by modelling motor sport driving instructors. *Industrial and Commercial Training* 45(6): 320–329.
- Stogdill, R.M. 1948. Personal factors associated with leadership: A survey of the literature. *The Journal of psychology* 25(1): 35–71.
- Stogdill, R.M. 1959. Individual behavior and group achievement: A theory; the experimental evidence.
- Takayuki, Natsuhara., Masao, Nakayama., Hayato, Kawakita., Kaori, Araki., S., Ichimura. (2022). Transformational leadership in sport coaching:. *Japan Journal of Physical Education, Health and Sport Sciences*, doi: 10.5432/jjpehss.21123
- Tan Chin Hung (2001). *Hubungan kepemimpinan transformational Setiausaha Sukan dengan pencapaian sukan olahraga*. Kertas Projek Master Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Tor Sock Wei. 2016. Tingkah Laku Kejurulatihan Dalam Kalangan Jurulatih Sepenuh Masa Di Malaysia 147(March): 11–40.
- Tulis, H. A. and Yusof, H. M. (2021). Gaya kepemimpinan transformasi pemimpin dan kesejahteraan psikologi pekerja. *Sains Humanika*, 13(2-2). <https://doi.org/10.11113/sh.v13n2-2.1895>
- Tuuli, M. 2012. Competing models of how motivation , opportunity , and ability drive job performance in project teams 24–26.
- Wells, J.E. & Peachey, J.W. 2011. Turnover intentions: Do leadership behaviors and satisfaction with the leader matter? *Team Performance Management* 17(1): 23–40.

Yassin, A. M. G. B. P. M., Nor, M. Y. M., & Alias, B. S. (2023). Hubungan kepemimpinan transformasional pengetua dengan tahap kepuasan kerja guru akademik tingkatan enam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002133. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2133>

Ying, Dai. (2019). Coaching Leadership, Job Motivation and Employee Innovation Behavior. doi: 10.2991/SSCHD-19.2019.120



LAMPIRAN A

No. Rujukan :.....

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
FAKULTI PENDIDIKAN**

SOAL SELIDIK KAJIAN

TAJUK :

**PENEROKAAN GAYA KEPIMPINAN JURULATIH TERHADAP ATLET
DI MAJLIS SUKAN SEKOLAH MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

Para atlet yang dikasihi;

Ucapan tahniah dan terima kasih atas kesudian anda menjayakan kajian ini. Soal selidik ini bertujuan mengumpul maklumat berkenaan gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan atlet. Hasil penyelidikan ini akan digunakan semata-mata untuk tujuan penyelidikan sahaja dan segala kenyataan adalah sulit.

Kerjasama anda dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan jujur dan ikhlas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Mohd Azrul Bin Mamat
P121233
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Bahagian A : Maklumat Demografi

INSTRUCTIONS: Please answer all questions and mark { / } in the provided space for the corresponding answers.

ARAHAN : Sila jawab semua soalan dan tandakan { / } dalam ruangan yang disediakan bagi jawapan yang berkenaan.

1. Name / Nama :
2. Age / Umur :Year / Tahun
3. Gender / Jantina : Male / Lelaki []
Female / Perempuan []
4. Race / Bangsa : Malay / Melayu []
Chinese / Cina []
Indian / India []
Others / Lain-lain
5. Sports pursued / Sukan yang diceburi : Football / Bola Sepak []
Handball / Bola Baling []
Netball / Bola Jaring []
Athletics / Olahraga []
Softball / Sofbol []
Badminton / Badminton []
Others / Lain-lain

Bahagian B : Soal Selidik Gaya Kepimpinan Terhadap Jurulatih

INSTRUCTIONS: The following is a list of statements related to coaching leadership styles. Mark your answers on the provided response scale. Please express your honest opinion regarding your coach's leadership style.

ARAHAN : Berikut adalah senarai pernyataan berkaitan gaya kepimpinan kejurulatihan. Tandakan jawapan pada skala jawapan yang disediakan. Sila nyatakan pendapat dengan jujur mengenai gaya kepimpinan jurulatih anda.

SKALA JAWAPAN:

1	2	3	4	5
Never	Seldom	Occasionally	Often	Always
<i>Tidak Pernah</i>	<i>Jarang</i>	<i>Sesekali</i>	<i>Selalu</i>	<i>Sentiasa</i>

Dalam sesi latihan mahupun pertandingan sama ada sebelum atau selepas, jurulatih saya.....

		1	2	3	4	5
1.	See to it that every athlete is working to his/her capacity. <i>Memastikan setiap atlet bekerja mengikut kemampuan masing-masing.</i>					
2.	Explains to each athlete the techniques and tactics of the sport. <i>Menerangkan kepada setiap atlet teknik dan taktik dalam sukan.</i>					
3.	Pays special attention to correcting athlete's mistakes. <i>Memberikan perhatian yang khusus untuk memperbaiki kesilapan para atlet.</i>					
4.	Make sure that his/her part in the team is understood by all the athletes <i>Memastikan bahawa peranan beliau dalam pasukan difahami oleh semua atlet.</i>					
5.	Instruct every athlete individually in the skills of the sport. <i>Memberikan arahan kepada setiap atlet mengenai kemahiran dalam sukan secara individu.</i>					
6.	Figure ahead on what should be done. <i>Merancang terlebih dahulu apa yang perlu dilakukan.</i>					
7.	Explains to every athlete what he/she should and should not do. <i>Menerangkan kepada setiap atlet apa yang perlu dan tidak perlu dilakukan.</i>					
8.	Expect every athlete to carry out his/her task to the last detail. <i>Menjangka setiap atlet melaksanakan tugasannya dengan sempurna dan teliti.</i>					
9.	Point out each athlete's strengths & weaknesses. <i>Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap atlet.</i>					

10.	Give specific instructions to each athlete as to what he should do in every situation. <i>Memberikan arahan yang khusus kepada setiap atlet mengenai apa yang perlu dilakukan dalam setiap situasi.</i>					
11.	See to it that the efforts are coordinated. <i>Memastikan usaha-usaha itu diselaraskan.</i>					
12.	Explain how each athlete's contribution fits into the whole picture. <i>Menerangkan bagaimana sumbangan setiap atlet menyumbang kepada keseluruhan gambaran.</i>					
13.	Specify in detail what is expected of each athlete. <i>Menyatakan dengan terperinci apa yang diharapkan oleh setiap atlet.</i>					
14.	Work relatively independent of the athletes. <i>Bekerja secara bebas daripada atlet-atlet.</i>					
15.	Not explain his action. <i>Tidak menerangkan tindakannya.</i>					
16.	Refuse to compromise a point. <i>Enggan berkompromi sesuatu perkara.</i>					
17.	Keep to himself. <i>Menyimpan kepada dirinya sendiri.</i>					
18.	Speak in a manner not to be questioned. <i>Berkomunikasi dengan cara yang tidak boleh dipertikaikan.</i>					
19.	Ask for the opinion of the athletes on strategies for specific competitions. <i>Meminta pendapat atlet-atlet mengenai strategi untuk pertandingan tertentu.</i>					
20.	Get group approval on important matters before going ahead. <i>Mendapatkan persetujuan kumpulan dalam hal-hal yang penting sebelum bertindak.</i>					
21.	Let his/her athletes share in decision making. <i>Melibatkan para atlet turut serta dalam membuat keputusan.</i>					
22.	Encourage athletes to make suggestions for ways of conducting practices. <i>Menggalakkan para atlet untuk memberikan cadangan dalam menjalankan latihan.</i>					
23.	Let the group set it's own goals. <i>Membiarkan pasukan menentukan hala tuju mereka.</i>					

24.	Let the athletes try their own way even if they make mistakes. <i>Membiarkan atlet mencuba cara mereka sendiri meskipun membuat kesalahan.</i>					
25.	Ask for the opinion of athletes on important coaching matters. <i>Meminta pendapat atlet-atlet mengenai hal-hal penting dalam kejurulatihan.</i>					
26.	Let athletes work at their own speed. <i>Membiarkan atlet bertindak dengan kelajuan mereka sendiri.</i>					
27.	Let the athletes decide on the plays to be used in the game. <i>Membiarkan atlet memutuskan taktik yang akan digunakan dalam permainan.</i>					
28.	Help the athletes with their personal problems. <i>Membantu para atlet berkaitan masalah peribadi mereka.</i>					
29.	Help members of the group settle their conflicts. <i>Membantu ahli pasukan menyelesaikan konflik mereka.</i>					
30.	Look out for the personal welfare of the athletes. <i>Memerhatikan kebajikan peribadi para atlet.</i>					
31.	Do personal favors to the athletes. <i>Memberi bantuan peribadi kepada para atlet.</i>					
32.	Express affection he feels for his athletes. <i>Menzahirkan kasih sayang kepada atlet.</i>					
33.	Encourage the athlete to confide in him. <i>Mendorong atlet untuk mempercayainya.</i>					
34.	Encourage close and informal relations. <i>Menggalakkan hubungan yang rapat dan tidak formal.</i>					
35.	Invite athletes to his home. <i>Menjemput para atlet ke rumahnya.</i>					

Bahagian C : Soal Selidik Kesepaduan Pasukan

INSTRUCTIONS: The following are statements about your feelings towards the team. Please circle a number from 1 to 9 to indicate the extent to which you agree with each statement. Please express your honest opinion about your team

ARAHAN : Berikut adalah pernyataan tentang perasaan anda terhadap pasukan. Sila bulatkan nombor dari 1 hingga 9 untuk menunjukkan sejauh mana anda bersetuju dengan setiap pernyataan. Sila nyatakan pendapat dengan jujur mengenai pasukan anda.

SKALA JAWAPAN:

1	2	3	4	5	6	7	8	9
Strongly Disagree								Strongly Agree
<i>Sangat Tidak Setuju</i>								<i>Sangat Bersetuju</i>

1. We all share the same commitment to our team's goals.
Kita semua berkongsi komitmen yang sama terhadap matlamat pasukan.
1 2 3 4 5 6 7 8 9
2. I invite my teammates to do things with me.
Saya mengajak rakan sepasukan untuk melakukan hal-hal bersama.
1 2 3 4 5 6 7 8 9
3. As a team, we are all on the same page.
Sebagai sebuah pasukan, kita semua berada dalam matlamat yang sama.
1 2 3 4 5 6 7 8 9
4. Some of my best friends are on this team.
Beberapa orang kawan baik saya ada di dalam pasukan ini.
1 2 3 4 5 6 7 8 9
5. I like the way we work together as a team.
Saya suka cara kita bekerja bersama sebagai sebuah pasukan.
1 2 3 4 5 6 7 8 9
6. I do not get along with the members of my team.
Saya tidak bergaul dengan rakan sepasukan saya.
1 2 3 4 5 6 7 8 9
7. We hang out with one another whenever possible.
Kami menghabiskan waktu bersama sekerap mungkin.
1 2 3 4 5 6 7 8 9
8. As a team, we are united.
Kami bersatu sebagai sebuah pasukan.
1 2 3 4 5 6 7 8 9

9. I contact my teammates often (phone, text message, internet).
Saya sering menghubungi rakan sepasukan (telefon, mesej, internet).
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
10. This team gives me enough opportunities to improve my own performance.
Pasukan ini memberi saya peluang yang cukup untuk meningkatkan prestasi saya.
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
11. I spend time with my teammates.
Saya meluangkan waktu bersama rakan sepasukan.
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
12. Our team does not work well together.
Pasukan kita tidak bekerjasama dengan baik.
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
13. I am going to keep in contact with my teammates after the season ends.
Saya akan tetap berhubung dengan rakan sepasukan saya setelah musim berakhir.
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
14. I am happy with my team's level of desire to win.
Saya gembira dengan keinginan pasukan untuk menang.
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
15. We stick together outside of practice.
Kami tetap bersama di luar waktu latihan.
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
16. My approach to playing is the same as my teammates.
Pendekatan saya dalam bermain adalah sama dengan rakan sepasukan.
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
17. We contact each other often (phone, text message, internet).
Kami sering menghubungi antara satu sama lain (telefon, mesej, internet).
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
18. We like the way we work together as a team.
Kami suka cara kami bekerja bersama sebagai satu pasukan.
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

Bahagian D : Soal Selidik Emosi Dan Tingkah Laku

INSTRUCTIONS: Round the relevant numbers to indicate the extent to which the given statements apply to you. Please provide your opinion honestly.

ARAHAN : *Bulatkan nombor berkenaan bagi menunjukkan sejauhmana pernyataan yang diberi berkaitan dengan anda. Sila berikan pendapat anda dengan jujur.*

SKALA JAWAPAN:

- | | | | |
|---------------------------------|----------------------------|---------------------------|------------------------------|
| 1. Never
<i>Tidak Pernah</i> | 2. Seldom
<i>Jarang</i> | 3. Often
<i>Selalu</i> | 4. Always
<i>Sentiasa</i> |
|---------------------------------|----------------------------|---------------------------|------------------------------|
-

Saya sentiasa mengawal emosi dan tingkah laku saya semasa dan selepas latihan, semasa pertandingan mahupun selepas pertandingan dengan.....

Bil.	Pernyataan	Skala			
1	I engage in other, unrelated activities. <i>Saya terlibat dalam aktiviti lain yang tidak berkaitan.</i>	1	2	3	4
2	I set my worries aside by doing something else. <i>Saya mengabaikan kebimbangan dengan melakukan sesuatu yang lain.</i>	1	2	3	4
3	I do other things to distract myself. <i>Saya melakukan perkara lain untuk mengalih perhatian diri.</i>	1	2	3	4
4	I engage in an activity which makes me feel good. <i>Saya terlibat dalam aktiviti yang membuat saya berasa selesa.</i>	1	2	3	4
5	I avoid from other people. <i>Saya mengelak daripada orang lain.</i>	1	2	3	4
6	I withdraw. <i>Saya menjauhkan diri.</i>	1	2	3	4
7	I isolate myself. <i>Saya mengasingkan diri.</i>	1	2	3	4
8	I close myself off to others. <i>Saya menutup diri daripada orang lain.</i>	1	2	3	4
9	I try to do something about it. <i>Saya cuba melakukan sesuatu tentang itu.</i>	1	2	3	4
10	I get to work on it. <i>Saya mula menghadapinya.</i>	1	2	3	4
11	I take action to deal with it. <i>Saya mengambil tindakan untuk mengatasinya.</i>	1	2	3	4
12	I do whatever is required to deal with it. <i>Saya melakukan apa sahaja yang diperlukan untuk menghadapinya.</i>	1	2	3	4
13	I look for someone to comfort me. <i>Saya mencari seseorang untuk menenangkan saya.</i>	1	2	3	4
14	I ask someone for advice. <i>Saya meminta nasihat seseorang.</i>	1	2	3	4
15	I share my feelings with someone. <i>Saya berkongsi perasaan saya dengan seseorang.</i>	1	2	3	4

16	I look for someone who can support me. <i>Saya mencari seseorang yang boleh menyokong saya.</i>	1	2	3	4
17	I move on and pretend that nothing happened. <i>Saya melupakan dan berpura-pura bahawa tidak ada apa-apa yang berlaku.</i>	1	2	3	4
18	I repress it and pretend it never happened. <i>Saya menekan perasaan tersebut dan berpura-pura bahawa ia tidak pernah berlaku.</i>	1	2	3	4
19	I behave as if nothing is going on. <i>Saya berlagak seolah-olah tiada apa-apa yang sedang berlaku.</i>	1	2	3	4
20	I block it out. <i>Saya menghalang perasaan tersebut dari diri saya.</i>	1	2	3	4

Bahagian E : Soal Selidik Pencapaian Kepuasan Atlet

INSTRUCTIONS: Circle the relevant number to indicate the extent to which the given statements relate to you. Please provide your opinion honestly.

ARAHAN : Bulatkan nombor berkenaan bagi menunjukkan sejauhmana pernyataan yang diberi berkaitan dengan anda. Sila berikan pendapat anda dengan jujur.

SKALA JAWAPAN:

1 = Strongly Disagree (SD)
Sangat Tidak Setuju

2 = Disagree (D)
Tidak Setuju

3 = Not Sure (NS)
Tidak Pasti

4 = Agree (A)
Setuju

